KPWKM

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



# Kasih
# Love

Laporan Tahunan 2014

2014 Annual Report

KPWKM

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Laporan Tahunan 2014
2014 Annual Report

# VISI

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

# MISI

Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

# MATLAMAT

Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
No 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya.
MALAYSIA.
www.kpwkm.gov.my
info@kpwkm.gov.my

twitter.com/kpwkm
www.facebook.com/kpwkm

All rights reserved. No part of this annual report may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or by any information retrieval system, without the permission in writing from the copyright owner.

# VISION

Forefront to achieve gender equality, family and community development as a caring and prosperous basis of a fairly developed country.

# MISION

Integrate the perspectives of women and society into the mainstream of national development and strengthen the family institution towards improving social welfare.

# GOAL

Develop a prosperous society through the sharing of responsibility of the strategic development and delivery of social services efficiently and effectively.



# OBJEKTIF

1. Meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara.
2. Memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi.
3. Memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik
4. Memantapkan institusi keluarga.
5. Memastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.

# OBJECTIVES

1. *To increase the participation and active role of women, families and communities as contributors and beneficiaries of developed country.*
2. *Importance of preserving the rights of women, families and communities fairly and impartially without discrimination element.*
3. *Extending equal opportunities to women and society in social, economic and political.*
4. *Strengthen the family institution.*
5. *To ensure the delivery and support systems that efficiently and effectively.*

# PIAGAM PELANGGAN

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

# CLIENT CHARTER

## Ministry of Women, Family and Community Development

| Jenis Perkhidmatan *Types of Services* | | Piawai Kualiti Perkhidmatan *Standards of Quality of Service* | |
|---|---|---|---|
| Masa Menunggu Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Di Kaunter | *Waiting Time at Service Counter* | • Kami akan melayan anda dalam masa **LIMA BELAS (15)** minit anda tiba di kaunter perkhidmatan kami. | • *We will entertain you within **FIFTEEN (15)** minutes upon your arrival at the counter.* |
| Pengurusan Aduan/ Pertanyaan | *Management Report / Question* | • Kami akan mengakui penerimaan aduan/pertanyaan anda dalam tempoh **SATU (1)** hari bekerja;<br>• Kami akan memberi maklumbalas terhadap aduan/pertanyaan anda dalam tempoh **TIGA (3)** hari bekerja. | • *We will acknowledge receipt of your complaint/ enquiries within **ONE (1)** working day.*<br>• *We will provide response to your complaint/enquiries within **THREE (3)** working days.* |
| Bayaran Pembekal | *Payment to Suppliers* | • Kami akan memproses bayaran anda (setelah dokumen lengkap) dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja. | • *We will ensure payment to suppliers/ vendors within **FOURTEEN (14)** working days.* |
| Pendaftar Kaunselor | *Registration of Counsellors* | • Kami akan memproses pendaftaran anda (semua dokumen lengkap) dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari bekerja. | • *We will process your registration (with complete documents) within **THIRTY (30)** working days.* |

# KANDUNGAN
# CONTENT




Carta Organisasi
Pengurusan Tertinggi

**Perutusan Menteri**
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**Seulas Pinang**
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

9

*Organizational Chart*
*Top Management*

*Message from the Minister*
*Ministry of Women, Family and Community Development*

*Foreword*
*Secretary General*
*Ministry of Women, Family and Community Development*

## Jabatan / Agensi di Bawah KPWKM

171

| | |
|---|---|
| 173 | Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) |
| 179 | Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) |
| 202 | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPKKN) |
| 211 | Institut Sosial Malaysia (ISM) |
| 231 | Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-Negara Berkecuali NAM (NIEW) |
| 240 | Yayasan Kebajikan Negara |

## Department/ Agency under KPWKM

| | |
|---|---|
| *173* | *Department of Social Welfare* |
| *179* | *Department for Women's Development (JPW)* |
| *202* | *National Population and Family Development Board (LPKKN)* |
| *211* | *Social Institute of Malaysia (ISM)* |
| *231* | *NAM Institute for the Empowerment of Women (KPWKM)* |
| *240* | *National Welfare Foundation* |

## Laporan Tahun 2014

25

| | |
|---|---|
| 27 | Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| 42 | Bahagian Pelaksanaaan Dasar Sosial Negara |
| 47 | Bahagian Kewangan |
| 51 | Bahagian Hubungan Antarabangsa |
| 69 | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia |
| 86 | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| 91 | Bahagian Pembangunan |
| 98 | Bahagian Pengurusan Maklumat |
| 114 | Bahagian Akaun |
| 119 | Unit Penasihat Undang-undang |
| 124 | Unit National Key Result Area |
| 126 | Unit Audit Dalam |
| 133 | Unit Komunikasi Korporat |
| 151 | Urusetia Lembaga Kaunselor |
| 167 | Unit Integriti |

## *Annual Report 2014*

| | |
|---|---|
| *27* | *Policy of Women, Family and Community Development Division* |
| *42* | *National Social Policy Implementation Division* |
| *47* | *Finance Division* |
| *51* | *International Relations Division* |
| *69* | *Human Resource Management Division* |
| *86* | *Management Service Division* |
| *91* | *Development Division* |
| *98* | *Information Management Division* |
| *114* | *Accounts Division* |
| *119* | *Legal Advisory Unit* |
| *124* | *National Key Result Area Unit* |
| *126* | *Internal Audit Unit* |
| *133* | *Corporate Communications Unit* |
| *151* | *Secretariat of the Board of Counsellors* |
| *167* | *Integrity Unit* |

# Carta Organisasi 2014

## Organizational Chart 2014





"Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kementerian dan agensi di bawahnya untuk meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara."

"Various efforts have been undertaken by the ministry and its agencies to increase the participation and active role of women, family and society as contributors and beneficiaries of national development"



# Perutusan Menteri

## Message from The Minister

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan KPWKM Tahun 2014. Laporan ini merupakan wadah bagi memaparkan pelbagai program dan aktiviti anjuran kementerian serta agensi di bawahnya.

Kementerian memainkan peranan penting bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya peranan serta penyertaan golongan wanita dan institusi kekeluargaan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Dalam hal ini juga, kita harus mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kementerian dan agensi di bawahnya untuk meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara. Berkat dari usaha padu warga kementerian, Alhamdulillah usaha tersebut telah akan dapat dicapai dan diterjemahkan melalui program-program yang telah dilaksanakan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan laporan tahunan ini. Saya berharap akan dapat dijadikan panduan bagi memaparkan program kementerian secara am.

Sekian, terima kasih.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

*Alhamdulillah thanks to Allah the Almighty for this year's successfully published Ministry of Women, Family and Community Development Annual Report 2014. This report is a vault of significant milestones and activities of the Ministry and its various agencies.*

*The Ministry plays an important role in increasing public awareness on the importance of the role and participation of women and family institution to achieve the National Development Agenda. In doing so, we must incorporate the perspectives of women and society into the mainstream development of our country while at the same time strengthening our family institution towards improving social welfare.*

*Various efforts had been undertaken by the ministry and its agencies to increase the participation and active role of women, family and society as contributors and beneficiaries of our national development.*

*I would like to take this opportunity to thank those who had been so hard working and had sacrificed their time, expertise and energy in ensuring this report been published.*

*Thank you.*

*YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM*
*Minister of Women, Family and Community Development*

# Seulas Pinang Ketua Setiausaha

## Foreword Secretary General

Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan/Agensi di bawahnya yang telah menyumbang idea, tenaga serta memberikan komitmen yang padu secara berterusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat amnya dan kumpulan sasar KPWKM khususnya.

Laporan Tahunan KPWKM 2014 merupakan laporan komprehensif yang boleh dijadikan bahan rujukan terhadap pelbagai isu membabitkan wanita, keluarga dan masyarakat serta satu imbasan terbaik dalam menterjemahkan kesungguhan Kementerian dalam usaha memperkasa penyertaan wanita, keluarga dan masyarakat selaras dengan misi mengintegrasikan wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan Negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

Usaha Kementerian dalam memastikan tahap pengurusan dan tadbir urus yang baik tidak akan berjaya tanpa sokongan padu seluruh warga Kementerian. Kerjasama daripada semua Ketua Jabatan dan kakitangan diperlukan bagi memastikan urus tadbir dapat dijalankan secara menyeluruh dan kelemahan yang berlaku sebelum ini tidak lagi berulang.

Akhir kata, saya amat berharap semoga buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak, samada di sektor awam, swasta atau korporat serta masyarakat untuk mendapatkan pelbagai maklumat, program dan aktiviti yang ditawarkan oleh Kementerian sepanjang tahun 2014.

**DATO' SABARIAH HASSAN**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

*I would like to sincerely congratulate all team members of the Ministry of Women, Family and Community Development along with the departments and agencies under its purview that have greatly contributed ideas, energy and consistent commitment in carrying out its duties and responsibilities that have been entrusted upon them in providing the best service to the public in general and in particular, the Ministry's (KPWKM) target group.*

*The KPWKM Annual Report 2014 is a comprehensive report which can be used as reference materials on various issues involving women, families and communities as well as being the best overall analysis in translating the seriousness of the Ministry. Our efforts to strengthen the participation of women, family and community in line with the mission of integrating women and communities to into the mainstream development of our country which in turn will strengthen the family institutions while working towards the improvement of our social welfare.*

*To succeed, a good level of management and governance is needed together with the support of all the members in the Ministry.*

*Finally, I sincerely hope that this report can be utilized fully by all parties, whether by the corporate sector or the general public to gain numerous information, programs and activities carried out by the Ministry during the year 2014.*

***DATO' SABARIAH HASSAN***
*Secretary General*
*Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM)*



"Usaha Kementerian dalam memastikan tahap pengurusan dan tadbir urus yang baik tidak akan berjaya tanpa sokongan padu seluruh warga Kementerian."

"The efforts of the Ministry in ensuring that the good level of management and governance will not succeed without the support of all members in the Ministry".




Laporan Tahunan 2014
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat




**Duduk hadapan dari kiri ke kanan:**

1. YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah Binti Ismail
2. YBrs. Tuan Wee Beng Ee
3. YBhg. Dato' Sabariah Hassan
4. YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun
5. YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim
6. YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun
7. YBhg. Dato' Norsham Rahin
8. YBhg. Dato' Norani Mohd Hashim
9. YBhg. Dato' Munirah Abdullah Bajanuddin

**Berdiri barisan pertama (dari kiri ke kanan)**

1. Encik Mohd Yusri Bin Hj Ismail
   (bertukar masuk pada 1 Januari 2015 menggantikan Encik Abdul Majid Mat yang bertukar dalaman)
2. Encik Ismail Jawahil
3. Encik Fauzi Elham
4. YM Tengku Adnin Bin Tengku Adnan
5. YBhg. Dato' Rafek Reshidullah
6. YBrs. Dr. Al-Azmi Bakar
7. YBhg. Datin Noorazah Omar
   (bertukar masuk mulai 1 April 2015 menggantikan Puan P. Jayanthi a/p Paramaguru yang bertukar keluar)
8. YBrs. Dr. Waitchalla A/P R.R.V Suppiah
9. Puan Zahida Binti Zakaria
10. Puan Intan Syahrina Binti Zainal Abidin

**Berdiri barisan belakang (dari kiri ke kanan)**

1. Encik Muhammad Firdaus Azizan
2. Encik Che Samsuzuki Che Noh
3. Encik Abdul Majid Mat
4. Encik Mohammad Faizal Abdul Rahim
5. Encik Kamarul Farid Kamaruddin
6. Encik Juhari Bin Jani
7. Encik Ahmad Firdaus Baharuddin
8. Encik Mohd Redzuan Hasan
9. Puan Raha Mohd Hafdzi


Laporan Tahunan 2014
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

# PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI KPWKM
# TOP MANAGEMENT PROFILE OF KPWKM



**YBhg. Dato' Sabariah Hassan**
Ketua Setiausaha
*Secretary General*



**YBhg. Dato' Norsham Rahin**
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
*Deputy Secretary-General (Operations)*



**YBrs. En. Wee Beng Ee**
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
*Deputy Secretary General (Strategic)*



## JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
## DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE



**YBhg. Dato' Norani Mohd Hashim**
Ketua Pengarah
*Director General*

## JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
## DEPARTMENT OF WOMEN'S DEVELOPMENT



**YBhg Dato' Munirah binti Abdullah Bajanuddin**
Ketua Pengarah
*Director General*

## LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
## NATIONAL POPULATION AND FAMILY DEVELOPMENT BOARD



**YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah binti Ismail**
Ketua Pengarah
*Director General*

## INSTITUT SOSIAL MALAYSIA
## SOCIAL INSTITUTE OF MALAYSIA



**YBrs. Dr. Haji Al-Azmi Bakar**
Pengarah
*Director*

## INSTITUT PENGUPAYAAN WANITA BAGI NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM)
NAM INSTITUTE FOR THE EMPOWERMENT OF WOMEN



**Puan Normalia Binti Ibrahim**
Pengarah
*Director*

## YAYASAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
NATIONAL WELFARE FOUNDATION



**YBhg. Dato' Rafek Reshidullah**
Ketua Pegawai Eksekutif
*Chief Executive Officer*

## BAHAGIAN DASAR PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
POLICY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT DIVISION



**YBrs. Dr. Waitchalla a/p R.R.V. Suppiah**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*

## BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
INTERNATIONAL RELATIONS DIVISION



**Puan P.Jayanthi A/P Paramaguru**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*



## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
HUMAN RESOURCE MANAGEMENT DIVISION



**YM Tengku Adnin bin Tengku Adnan**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*

## BAHAGIAN AKAUN
ACCOUNTS DIVISION



**Encik Mohd. Redzuan Hassan**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*

## BAHAGIAN PELAKSANAAN DASAR SOSIAL NEGARA
NATIONAL SOCIAL POLICY IMPLEMENTATION DIVISION



**Encik Che Samsuzuki Che Noh**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICE DIVISION



**Encik Abdul Majid Mat**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*

## BAHAGIAN KEWANGAN
FINANCE DIVISION



**Encik Ahmad Firdaus Baharuddin**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*

## UNIT AUDIT DALAM
INTERNAL AUDIT UNIT



**Encik Ismail Jawahil**
Ketua Unit
*Head of Unit*

## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
INFORMATION MANAGEMENT DIVISION



**Encik Fauzi Elham**
Pengurus Bahagian
*Division Manager*

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN
DEVELOPMENT DIVISION



**Puan Raha binti Mohd Hafdzi**
Setiausaha Bahagian
*Under Secretary*



## URUSETIA LEMBAGA KAUNSELOR
SECRETARIAT OF THE BOARD OF COUNSELLORS



**Encik Juhari bin Jani**
Ketua Unit
*Head of Unit*

## UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
LEGAL ADVISORY UNIT



**Puan Zahida binti Zakaria**
Peguam Kanan Persekutuan
*Senior Federal Counsel*

## UNIT INTEGRITI
INTEGRITY UNIT



**Puan Intan Syahrina binti Zainal Abidin**
Ketua Unit
*Head of Unit*

## UNIT NATIONAL KEY RESULT AREA
NATIONAL KEY RESULT AREA UNIT



**Encik Mohammad Faizal Abdul Rahim**
Pen. Peg. NKRA
*NKRA Assistant Officer*

## PEGAWAI KEY PERFORMANCE INDICATOR
## KEY PERFORMANCE INDICATOR OFFICER



**Encik Muhammad Firdaus Azizan**
Pegawai Key Performance Indicator
*Key Performance Indicator Officer*

## BAHAGIAN PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA
## ECONOMIC EMPOWERMENT UNIT



**Puan Nadeema Kamaruddin**
Timbalan Pengarah II
*Deputy Director II*

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
## CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT



**Encik Kamarul Farid Kamaruddin**
Ketua Unit
*Head of Unit*





# Laporan Prestasi 2014

## Performance Report 2014



# Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
## Policy of Women, Family and Community Development Division

### SESI KONSULTATIF KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DENGAN NGO KUMPULAN SASAR BAGI RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

- *TARIKH: 7 Januari 2014*

Kerajaan kini sedang menyelaras serta menyediakan input bagi rancangan pembangunan seterusnya iaitu Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016-2020. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin memastikan dasar, strategi dan program yang akan dirangka dan dilaksanakan oleh kementerian dapat direalisasikan dan memberi impak yang maksimum terhadap kumpulan sasar.

Dalam hal ini, KPWKM telah mengadakan satu sesi konsultatif bersama seramai 90 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kumpulan sasar iaitu NGO wanita, NGO warga emas, NGO keluarga dan NGO Kanak-Kanak dan NGO orang kurang upaya.

### *REPORT OF CONSULTATIVE SESSION THE MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY WITH THE NGO TARGET GROUP FOR THE 11TH MALAYSIA PLAN 2016-2020*

- *DATE: 7 January 2014*

*The Government is currently coordinating and providing feedback for the next development program for The 11th Malaysia Plan (RMKe -11) 2016-2020. Accordingly, the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) wish to ensure that the policies, strategies and the programs that will be formulated and implemented by the Ministry would be realized to produce maximum impact for its target groups.*

*To this end the Ministry held a consultative session with 90 non-governmental organizations (NGOs) target groups, namely NGOs for Women, Senior Citizens NGO, NGOs for Family and Children and NGOs for People with Disabilities.*












### BENGKEL BAJET RESPONSIF GENDER (GRB)

- *TARIKH : 26 – 27 Febuari 2014*

Unit Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Dasar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama UN Women telah menganjurkan Bengkel Bajet Responsif Gender pada 26 dan 27 Februari 2014. Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini telah dijayakan oleh 2 orang penceramah yang dijemput khas iaitu Puan Yamini Mishra yang merupakan Gender Responsive Budgeting (GRB) Specialist for Asia Pacific di bawah UN Women dan Puan Betty Yeoh, merupakan Pengurus Program Kanan, All Women's Action Society.

Seramai 40 orang peserta terdiri daripada pegawai KPWKM dan pegawai-pegawai yang dikenal pasti dari kementerian dan agensi lain termasuk dari kementerian perintis GRB iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Perangkaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah menghadiri bengkel tersebut.

### *GENDER RESPONSIVE BUDGETING (GRB) WORKSHOP*

- *Date: 26-27 February 2014*

*The Planning and Research Unit of the Policy Division at the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) with the cooperation of UN Women organized a Workshop on Gender Responsive Budgeting on 26 and 27 February 2014. The workshop was conducted by two specially invited speakers: Ms. Yamini Mishra who is a Gender Responsive Budgeting (GRB) Specialist from UN Women of Asia Pacific and Mrs. Betty Yeoh, a Senior Program Manager at All Women's Action Society (AWAM).*

*About 40 participants attended the workshop from different departments of KPWKM and government representatives identified as pilot ministries of GRB such as the Ministry of Finance, Ministry of Rural and Regional Development, Ministry of Human Resources, Ministry of Natural Resources and Environment, Ministry of Education, Ministry of Health Malaysia, Department of Statistics Malaysia, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, and Implementation & Coordination Unit, Department of the Prime Minister.*







## LAPORAN SESI KONSULTATIF KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DENGAN NGO KUMPULAN SASAR BAGI DASAR BAJET 2015

• *TARIKH : 12 Jun 2014• TEMPAT : Dewan Perdana Nur, KPWKM*

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mempengerusikan Sesi Konsultatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan NGO Kumpulan Sasar bagi Dasar Bajet 2015 bertemakan "Merancakkan Pertumbuhan, Memastikan Kemapanan Fiskal, Mensejahterakan Rakyat".

Seramai 42 NGO telah hadir bagi sesi konsultasi bersama YB Menteri. Keseluruhan peserta adalah seramai 100 orang menjayakan majlis tersebut.

## *THE MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY & TARGET GROUP NGO CONSULTATIVE SESSION ON THE 2015 BUDGET*

• *Date : 12 June 2014*

*YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Consultative Session chaired the Ministry of Women, Family and Community Development and the target group NGOs 2015 Budget preparation session, themed "Accelerating Growth, Ensuring Fiscal Sustainability, Welfare for the People".*

*About 100 participants from 42 NGOs attended the consultation session with the Minister.*










## BENGKEL MANAGEMENT AND MEASUREMENT OF *GENDER DISAGGREGATED DATA*

• *TARIKH : 10 Disember 2014 • TEMPAT : Hotel Shangri-La, Putrajaya*

Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) telah menganjurkan Bengkel *Management and Measurement of Gender Disaggregated Data.*

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai kerajaan berkenaan *gender disaggregated data* pengumpulan data terperinci mengikut gender selain dapat memperkukuh kefahaman dan meningkatkan kesedaran mengenai hasrat kerajaan untuk terus mengarusperdanakan gender. Selain itu, bengkel ini bertujuan memberi kesedaran kepada pegawai terutamanya yang menguruskan data akan kepentingan *gender disaggregated data* pengumpulan data terperinci mengikut gender dalam perancangan kementerian / agensi / jabatan masing-masing. Dalam pada masa yang sama dapat memperkukuh hubungan antara kementerian / agensi / jabatan dengan badan-badan kerajaan yang lain dalam memperkasakan gender.

Seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada wakil daripada kementerian / agensi / jabatan kerajaan yang berkepakaran dalam bidang gender telah menghadiri bengkel ini. Hari pertama bengkel telah diisi dengan ceramah mengenai *gender disaggregated data* pengumpulan data terperinci mengikut gender yang disampaikan oleh bekas mantan Pengarah Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial, Jabatan Perangkaan Malaysia, Cik Saidah binti Hashim.

## *MANAGEMENT AND MEASUREMENT OF DISAGGREGATED GENDER DATA WORKSHOP REPORT*

• *Date: December 10, 2014 • Venue: Shangri-La Hotel, Putrajaya*

*The Women, Family and Community Policy Development Division in cooperation with NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) organized a Workshop on Management and Measurement of Gender Disaggregated Data.*

*The main objective of this workshop is to expose government officers to Gender Disaggregated Data apart from improving their understanding and broadening their awareness of the government's aspiration for gender mainstreaming. In addition, the workshop was to educate officials handling data management on the importance of gender disaggregated data in the ministries/ agencies /departments' data planning respectively. At the same it helped strengthen the relationships between ministries / agencies / departments and other government bodies iinvolved in gender empowerment.*

*A total of 31 participants comprising representatives from the ministries / agency /government department with expertise in the field of gender management attended the workshop. The first day of the workshop was on Gender Disaggregated Data presented by former Director of Manpower and Social Statistics Department, Statistics Malaysia, Ms. Saidah binti Hashim.*








## BENGKEL FORMULATING GENDER MAINSTREAMING WORK PLAN FOR YEAR 2015 AND BEYOND

• *TARIKH: 11 Disember 2014*

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) telah menganjurkan Bengkel Formulating Gender Mainstreaming Work Plan for 2015 and Beyond.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk membincangkan hala tuju serta menghasilkan draf rancangan kerja untuk Gender Mainstreaming bagi tahun 2015 yang boleh dijadikan panduan dan rujukan bagi agensi-agensi kerajaan dalam mengarusperdanakan gender dalam kapasiti masing-masing.

Seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada wakil daripada kementerian / agensi / jabatan kerajaan, akademia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkepakaran dalam bidang gender telah menghadiri bengkel ini. Pengisian bengkel hari kedua telah dimulakan dengan penerangan ringkas oleh Timbalan Setiausaha Bahagian (Wanita dan Keluarga) Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Puan Norahiza Abdul Rahman dan disusuli oleh perkongsian pengetahuan dan pengalaman oleh Puan Shanthi Dairiam, Timbalan Presiden *Women's Aid Organisation* (WAO) berkenaan piawaian dan tanggungjawab dalam usaha mengarusperdanakan gender.

## *FORMULATING GENDER MAINSTREAMING WORK PLAN FOR YEAR 2015 AND BEYOND WORKSHOP*

• *Date: December 11, 2014*

*The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) in cooperation with the NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) organized a workshop on Gender Mainstreaming Work Formulating Plan for 2015 and Beyond.*

*The main objective of this workshop was to discuss its direction and produce a draft work plan for Gender Mainstreaming for 2015 which would serve as a guide and reference for government agencies in mainstreaming gender within their respective capacities.*

*A total of 31 participants comprising representatives from ministry /agency /department of government, academia, and non-governmental organizations. Governmental organizations (NGOs) with expertise in the field of gender attended the workshop. The series of talks on the Second Day of the workshop began with a brief address by Deputy Secretary of Women's Policies, Family and Community Development, Ms Norahiza Abdul Rahman, followed by the sharing of knowledge and experience by Ms. Shanthi Dairiam, Deputy President of the Women's Aid Organisation (WAO) on standards and responsibility for gender mainstreaming efforts.*





Objektif utama bengkel ini adalah untuk membincangkan hala tuju serta menghasilkan draf rancangan kerja untuk Gender Mainstreaming bagi tahun 2015 yang boleh dijadikan panduan dan rujukan bagi agensi-agensi kerajaan dalam mengarusperdanakan gender dalam kapasiti masing-masing.

*The main objective of this workshop was to discuss the direction and produce a draft work plan for Gender Mainstreaming for 2015 which can would serve as a guide and reference for government agencies in mainstreaming gender within their respective capacities.*





## LAPORAN BENGKEL CADANGAN PENGGUBALAN AKTA GANGGUAN SEKSUAL

• *TARIKH : 16 Mei 2014*

Penggubalan akta khusus berkaitan gangguan seksual amat penting kerana ia dapat memberi mesej yang jelas bahawa kerajaan amat prihatin terhadap isu gangguan seksual serta sebagai satu amaran kepada pelaku bahawa kerajaan adalah serius dalam menangani masalah ini bagi melindungi mangsa terutama wanita dan kanak-kanak. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kini sedang dalam usaha untuk mewujudkan Akta Gangguan Seksual.

Usaha ini juga selaras dengan Dasar Wanita Negara khususnya dalam menangani isu diskriminasi terhadap wanita dan juga komitmen berterusan Malaysia sebagai Negara Pihak kepada Convention On The Elimination Of All Forms Of Discrimination Against Women (CEDAW) di peringkat antarabangsa.

Pada 4 November 2011, KPWKM telah membentangkan satu Memorandum Jemaah Menteri bertajuk Cadangan Penggubalan Akta Gangguan Seksual. Jemaah Menteri telah memutuskan supaya cadangan ini dikaji semula bersama-sama kementerian dan agensi yang berkaitan. Susulan keputusan tersebut, satu perbincangan meja bulat telah diadakan pada 21 Februari 2012 untuk meneliti semula keperluan mewujudkan Akta Gangguan Seksual yang melibatkan pihak yang mewakili majikan dan pekerja. Pada perbincangan tersebut, telah diputuskan bahawa tiada keperluan mendesak bagi mewujudkan Akta Gangguan Seksual pada ketika itu.

Namun, KPWKM merasakan kini adalah masa yang sesuai untuk meneliti semula cadangan penggubalan akta gangguan seksual. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, satu Bengkel Cadangan Penggubalan Akta Gangguan Seksual telah dilaksanakan pada 6 Mei 2014 bagi membincangkan keberkesanan peruntukan undang-undang sedia ada bagi menangani kes-kes gangguan seksual serta kewajaran mewujudkan Akta Gangguan Seksual.

Pada bengkel tersebut turut dibincangkan statistik semasa kes-kes berkaitan gangguan seksual yang telah dilaporkan di bawah perundangan dan peraturan semasa, perbandingan perundangan negara-negara yang telah mempunyai peruntukan khas berkaitan gangguan seksual dan cadangan hala tuju Akta Gangguan Seksual ini.

Ahli bengkel secara dasar bersetuju dan merasakan kini adalah masa yang tepat untuk meneruskan usaha mewujudkan Akta Gangguan Seksual. Walau bagaimanapun, KPWKM masih perlu untuk mengadakan perbincangan bagi memastikan objektif cadangan pengwujudan Akta Gangguan Seksual ini dapat dicapai.

## *WORKSHOP REPORT ON THE FORMULATION OF THE PROPOSED SEXUAL HARASSMENTACT*

• *Date: May 16, 2014*

*Drafting a specific act on sexual harassment is important as it sends a clear message that the government is deeply concerned about sexual harassment; it also serves as a warning to the offender that the government is serious in addressing this issue to protect the victims, especially women and children. Accordingly, the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) is currently stepping up its efforts to formulate the Sexual Harassment Act.*

*These efforts are also in line with the National Policy on Women particularly in addressing the issue of discrimination against women and also a continued commitment for Malaysia as a Country Party to the Convention On The Elimination Of All Forms Of Discrimination Against Women (CEDAW).*

*On 4 November 2011, KPWKM presented a Cabinet Memorandum titled The Proposed Sexual Harassment Act Legislation. The cabinet decided that the proposal was to be reviewed together with relevant ministries and agencies. Following the decision, a roundtable discussion was held on February 21, 2012 to re-examine the need for a Sexual Harassment Act involving parties representing employers and employees. In the discussion, it was decided that there was no pressing needs for a Sexual Harassment Act at that time.*

*However, KPWKM is of the opinion that now is the right time to re-examine the drafting of the Sexual Harassment Act. To realize this dream, a Drafting of the Proposed Sexual Harassment Act Workshop was organized on May 6, 2014 to discuss the effectiveness of the provisions of existing laws to deal with cases of sexual harassment and the justification for a Sexual Harassment Act.*

*The workshop also discussed current statistics on cases concerning sexual harassment which had been reported under the current legislation and regulations, comparative legislation in countries that have special provisions relating to sexual harassment and recommended the direction of the Sexual Harassment Act.*

*The workshop participants agreed in principle that now is the right time to continue establishing a Sexual Harassment Act. However, KPWKM still needs further discussions to ensure that the objectives of the proposed formulation of Sexual Harassment Act can be achieved.*

## SIDANG KEMUNCAK WANITA 2014 - TRAILBLAZE TO THE TOP • *TARIKH : 15 September 2014*

Seramai 1,050 orang peserta telah menghadiri Sidang Kemuncak Wanita 2014 ini. Mereka terdiri daripada wanita profesional dalam sektor awam dan korporat, pertubuhan bukan Kerajaan, ahli akademik dan individu.

Sidang Kemuncak Wanita 2014 telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Selaras dengan tema Trailblaze To The Top, YAB Timbalan Perdana Menteri telah memberi inspirasi kepada golongan wanita supaya mengoptimumkan inisiatif yang Kerajaan telah umumkan dan laksanakan bagi wanita dengan potensi diri tertinggi mereka ke arah mencapai kejayaan di dalam bidang yang diceburi.

Mesej yang ingin disampaikan menerusi tema Sidang Kemuncak Wanita 2014 ini ialah wanita perlu bangkit dan menjadi “pemimpin” diri sendiri untuk berjaya di dalam apa jua bidang yang diceburi dan pada masa yang sama tetap unggul dalam pengurusan keluarga. YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan anugerah khas iaitu *Life at Work Award* kepada majikan yang komited dalam memastikan tempat kerja yang mesra wanita dan mesra keluarga, inklusif, mengamalkan diversiti dan melaksanakan kaedah bekerja secara flexible.

2 orang penceramah antarabangsa yang dijemput ialah Miss Elisabetta Franzoso seorang penulis buku terkenal Stella’s Mum Gets Her Groove Back - True Story, telah berkongsi konsep komunikasi holistik dan mendalam yang dinamakan 4DimensionsTM dan Miss Cynthia Zhai yang telah berkongsi cara dan teknik kekuatan di dalam suara setiap individu.

Penceramah tempatan ialah Cik Ida Nerina seorang pelakon terkenal yang kini giat memperjuangkan hak wanita dan gadis sebagai Vice President, Women:Girls. Timbalan Presiden Pertubuhan Kendiri Women:girls. Beliau telah berkongsi pengalaman semangat hidup dan kerjaya daripada seorang pelakon, pejuang hak wanita dan gadis melalui seni serta kehidupan selepas bergelar Orang Kurang Upaya (OKU).

## *WOMEN’S SUMMIT 2014 – TRAILBLAZING TO THE TOP • Date: 15 September 2014*

*A total of 1,050 participants attended the 2014 Women’s Summit. They consist of professional women in the public sector and corporate, non-governmental organizations, academics and individuals.*

*Women’s Summit 2014 was inaugurated by the Deputy Prime Minister. In line with its theme of TRAILBLAZING TO THE TOP, the Deputy Prime Minister advised the participants to optimize the numerous Government initiatives to realise their highest self-potential and to achieve success in their respective fields.*

*The message conveyed through the theme of Women’s Summit 2014 was that women should become “leaders” within themselves and move on to be successful in their own endeavours while at the same time successfully managing their own families The Deputy Prime Minister also presented Life at Work Awards to employers who are committed to ensuring women-friendly and family-friendly workplaces, inclusiveness, practice diversity and flexible working hours.*

*2 international speakers were invited; Miss Elisabetta Franzoso, author of Stella’s Mum Gets Her Groove Back - True Story, shared her holistic and in-depth communication concept called 4DimensionsTM while Miss Cynthia Zhai shared methods and technical strengths of each individual’s voice.*

*Local speakers were Miss Ida Nerina, a famous actress who is actively fighting for the rights of women and girls as Vice President, Women: Girls. She shared her experiences as an actor, fighter for rights of women and girls through the arts and also about her life after the she became a Person with Disability (PWD).*





Ucaptama oleh YAB Timbalan Perdana Menteri
*Keynote Address by YAB Deputy Prime Minister*




Ucapan Aluan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
*Welcoming speech by YB Minister of Women, Family and Community Development*



Sesi dialog TPM bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri
*Deputy Prime Minister dialogue session with YB Minister and YB Deputy Minister*



Antara peserta Sidang Kemuncak Wanita 2014 yang hadir
*Among the participants of the 2014 Women’s Summit*



Penerima Anugerah Life at Work Awards bergambar bersama YAB Timbalan Perdana Menteri, isteri dan pengurusan tertinggi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
*Recipient of the Life at Work Awards with YAB Deputy Prime Minister, wife and senior management of Ministry of Women, Family and Community Development*

## LAPORAN PERBINCANGAN YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DENGAN YB MENTERI SUMBER MANUSIA

• *TARIKH : 1 April 2014*

**Perbincangan antara YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan YB Menteri Sumber Manusia telah diadakan pada 1 April 2014 di Bilik Mesyuarat Menteri, Aras 38, Bangunan KPWKM, Putrajaya.**

Objektif utama perbincangan ini adalah bagi mendapat penerangan dan maklumat lanjut mengenai isu-isu yang melibatkan kedua-dua kementerian serta mengenal pasti potensi kolaborasi antara kementerian.

Antara perkara yang telah dibangkitkan di dalam perbincangan ini adalah cadangan mewujudkan Akta Gangguan Seksual, peluang pekerjaan kepada warga emas dan penerima bantuan kebajikan yang produktif, Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU), cadangan pelaksanaan dasar 1% peluang pekerjaan OKU dalam sektor swasta, kad OKU bagi pemohon pencen ilat (PERKESO) dan cadangan menaikkan tempoh cuti bersalin sektor swasta.

Selain itu beberapa perkara lain turut dibangkitkan iaitu cadangan memasukkan Skim Pendidikan Keibubapaan Dan Kekeluargaan Sebagai Sebahagian Daripada Latihan Soft Skills Dan Melayakkan Majikan Untuk Menggunakan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (Human Resource Development Fund – HRDF), penubuhan Anjung Solo untuk golongan gelandangan yang mempunyai pekerjaan, cadangan penyediaan bilik penyusuan oleh majikan sektor swasta, cadangan penubuhan taska 24 jam, cadangan penempatan pekerjaan bagi kanak-kanak yang akan dibebaskan dari institusi JKM, pelajaran kanak-kanak selepas dibebaskan dari institusi JKM dan penarafan institusi JKM sebagai pusat latihan.

## *DISCUSSION BETWEEN THE MINISTER OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT WITH THE MINISTER OF HUMAN RESOURCES*

• *Date: 1 April 2014*

***Talks between the Minister of Women, Family and Community with the Minister of Human Resources was held on 1 April 2014 at the Ministerial Meeting Room, Level 38, KPWKM Tower, Putrajaya.***

*The main objective of this discussion was to obtain information regarding issues involving both ministries as well to identify potential areas of collaboration.*

*Among the issues raised in this discussion were the proposed formulation of the Sexual Harassment Act, job opportunities for senior citizens and productive welfare recipients, Business Incentives Assistance Scheme for Disabled Persons (SBGP-OKU), the proposed policy implementation of 1% employment opportunity for Disabled Persons in the private sector, Disable Persons card for applicants for Invalidity Pension (SOCSO) and the proposed extension of maternity leave duration in the private sector.*

*Other issues raised included inclusion of Parenting And Family Education Scheme as part of Soft Skills Training and Qualifying For Employers Using the Human Resource Development Fund (Human Resource Development Fund - HRDF), for the establishment of Anjung Solo for the homeless with jobs, provision of rooms for breastfeeding by private sector employers, the proposed establishment of 24-hour nurseries, the proposed job placements for juveniles who will be released from Social Welfare Department institutions, the education of juveniles after release from Social Welfare Department institutions and the accreditation of Social Welfare Department as a training centre.*





## LAPORAN TAKLIMAT CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK PERINTIS FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENTS (FWA) DI KPWKM

• *TARIKH : 2 Julai 2014*

Taklimat ringkas mengenai cadangan pelaksanaan projek perintis Flexible Working Arrangements (FWA) telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Harjeet Singh, mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) kepada semua pegawai dan kakitangan di Sektor Strategik. Cik Meraazea PSU (K) yang merupakan tulang belakang bagi projek perintis ini telah turut memberi penerangan dan pembentangan slaid.

Melalui taklimat tersebut juga diperjelaskan syarat-syarat asas Flexible Working Arrangements (FWA), kaedah pelaksanaan, kaedah pemantauan serta penilaian pelaksanaan FWA di KPWKM. Terdapat tiga kaedah pelaksanaan FWA di KPWKM iaitu bekerja dari rumah (BDR), Flexi Working Hour (FWH) dan Modified Compressed Work Week (Mod-Week).

## BRIEFING ON THE PROPOSED IMPLEMENTATION OF THE PILOT PROJECTOF FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENTS (FWA) IN KPWKM REPORT

• *Date: 2 July 2014*

A briefing session was done on the proposed implementation of the Flexible Working Arrangements (FWA) pilot project at KPWKM. This was presented by the YBhg. Harjeet Singh, the former Deputy Secretary General (Strategic) to all officers and staff in the Strategic Sector. Ms. Meraazea PSU (K) who has been the pillar of this pilot project also provided further clarifications.

The briefing session also went through the basic conditions of the Flexible Working Arrangements (FWA), methods of implementation, monitoring and evaluation methods of the implementation of FWA in KPWKM. The three methods of FWA implementation in KPWKM are Working from Home (WFH), Flexi Working Hour (FWH) and Modified Compressed Work Week (Mod-Week).



## TAKLIMAT FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENTS

• *TARIKH : 19 Disember 2014*

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan taklimat cadangan pelaksanaan Flexible Working Arrangements di KPWKM pada 19 Disember 2014 di Aras 7, KPWKM. Taklimat yang disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah telah dihadiri oleh pegawai kanan KPWKM serta pegawai dan kakitangan Sektor Strategik KPWKM.

## BRIEFING ON THE FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENTS

• *Date: December 19, 2014*

*Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) organized a briefing on the proposed implementation of Flexible Working Arrangements on 19 December 2014. The briefing was delivered by the Secretary of Women, Family and Community Policy Division, Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah and was attended by senior officials of KPWKM as well as officers and employees of the Strategic Sector of KPWKM.*

## LAPORAN SEMINAR ANTARABANGSA AUTISME MALAYSIA 2014

• *TARIKH : 22 - 23 April 2014*

Seminar Antarabangsa Autisme Malaysia 2014 telah dianjurkan pada 22 dan 23 April 2014 dengan tema "Autism Is Not A Tragedy, Ignorance Is". Seminar ini dianjurkan oleh Pejabat Perdana Menteri, Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Selain itu, seminar ini turut dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Autism Speaks, sebuah pertubuhan antarabangsa dari Amerika Syarikat. Penaung Seminar ini ialah YBhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor yang juga merupakan Penaung Proram PERMATA Negara. Seminar ini telah dirasmikan pembukaannya oleh YAB Perdana Menteri. Manakala, penutupnya dirasmikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Seminar ini telah dihadiri oleh 1,814 orang peserta dari dalam dan luar negara. Seramai 5 orang Wanita Pertama iaitu dari Republik Sudan, Republik Kyrgyz, Republik Albania, Sri Lanka dan Morocco turut menyertai seminar ini. Selain itu, seramai 7 orang wakil Wanita Pertama iaitu dari Myanmar, Bangladesh, Uzbekistan, China, Singapura, Namibia dan Tanzania telah hadir bagi menjayakan seminar ini. Seminar Antarabangsa Autisme Malaysia 2014 telah mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records kerana berjaya merekodkan bilangan penyertaan seminar yang tertinggi setakat ini di Malaysia.

Seminar ini telah merumuskan kepentingan intervensi awal secara holistik yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual dengan metodologi yang bersesuaian untuk kanak-kanak autisme. Selain itu, aspek pembangunan kapasiti pendidik, ahli terapi, ibu bapa dan individu yang berkepentingan dalam bidang autisme turut disyorkan sebagai teras pembangunan sumber manusia. Pada masa yang sama, usaha bersepadu perlu dilakukan bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai autisme supaya penerimaan masyarakat menjadi lebih positif.

## *INTERNATIONAL SEMINAR ON AUTISM MALAYSIA 2014 REPORT*

• *Date: 22 - 23 April 2014*

*The International Seminar Autism Malaysia 2014 was on 22 and 23 April 2014 with the theme "Autism Is Not A Tragedy, Ignorance Is". This seminar was organized by the Office of the Prime Minister, PERMATA division, Prime Minister Department, Universiti Kebangsaan Malaysia along with the Ministry of Women, Family and Community Development. In addition, this seminar was held in collaboration with the Ministry of Education, Ministry of Health and Autism Speaks, an international organization from the United States. The Patron of the seminar was YAB Datin Paduka Seri Rosmah Mansor who is also the Patron for the National PERMATA program. This seminar was officially launched by the Prime Minister while the closing ceremony was officiated by the Minister of Women, Family and Community Development.*

*The seminar was attended by 1,814 local and international participants. The wives of the Heads of States from five countries - the Republic of Sudan, Republic of Kyrgyz, Republic of Albania, Sri Lanka and Morocco also participated in the seminar. Also in attendance were 7 representatives of the Heads of States from Myanmar, Bangladesh, Uzbekistan, China, Singapore, Namibia and Tanzania. Autism Malaysia 2014 was recognized by the Malaysia Book of Records for the highest number of seminar participants in Malaysia.*

*The seminar recognised the importance of early intervention in a holistic manner encompassing the physical, emotional, spiritual and intellectual methodologies appropriate for children with autism. In addition, teachers, therapists, parents and individual stakeholders in the field of autism were also recognised as key to human resource development. At the same time, it was recommended that a concerted effort was necessary to increase the understanding and knowledge of society to strengthen public acceptance of autism.*








*Seminar ini telah merumuskan kepentingan intervensi awal secara holistik yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual dengan metodologi yang bersesuaian untuk kanak-kanak autisme.*

*The seminar highlighted the importance of early intervention in a holistic manner that covered different aspects such as physical, emotional, spiritual and intellectual well being using methodology that is suitable for autistic children.*










## BENGKEL LANJUTAN HALA TUJU PROGRAM DIVERSION

• *TARIKH: 29 April 2014*

Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama United Nations Children's Fund (UNICEF) telah menganjurkan Bengkel Lanjutan Hala Tuju Program Diversion pada 29 April 2014 di Auditorium KPWKM. Seminar ini telah dihadiri oleh kementerian dan agensi Kerajaan antaranya seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan.

Melalui seminar ini, para peserta telah mendapat perkongsian maklumat mengenai pelaksanaan program Diversion di New Zealand, Australia, Thailand, Afrika Selatan, dan United Kingdom. Hasil daripada bengkel tersebut satu draf model program Diversion telah dibangunkan untuk diaplikasi di Malaysia. Model tersebut kini sedang dimurnikan dengan mendapatkan konsultasi daripada pihak berkepentingan.

## *FOLLOW-UP WORKSHOP ON GOAL-SETTING FOR THE DIVERSION PROGRAM*

• *Date: 29 April 2014*

*The Policy Division of Women, Family and Community in collaboration with United Nations Children's Fund (UNICEF) organized a follow-up goal-setting workshop on for the Diversion Program on 29 April 2014 at KPWKM Auditorium. The seminar was attended by ministries and government agencies such as the Ministry of Home Affairs, Royal Malaysia Police, the Attorney General's Chambers, Department of Social Welfare, academicians and relevant non-governmental organizations.*

*Through this seminar, the participants were able to share information on the implementation of the Diversion program in New Zealand, Australia, Thailand, South Africa, and the United Kingdom. The result of the workshop was a draft model of a Diversion program for applications in Malaysia. The model is currently being refined in consultation with main stakeholders.*





## BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN BAHAGIAN DASAR PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT 2015

• *TARIKH : 28 - 30 November 2014*

Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2015 telah dilaksanakan dengan jayanya dengan kehadiran seramai lebih 30 orang pegawai dan kakitangan Bahagian Dasar. Aktiviti yang diterapkan adalah dalam bengkel selama 3 hari tersebut adalah perbincangan SKT setiap unit, SKT bahagian, SKT pegawai P&P kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan. Seterusnya SKT tersebut dibentangkan kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) iaitu Encik Wee Beng Ee.

## *WORKSHOP ON ANNUAL WORK TARGETS OF THE POLICY DIVISION OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT 2015 REPORT*

• *TARIKH : 28 - 30 November 2014*

*A workshop on Annual Work Targets (SKT) of the Policy Division of Women, Family and Community Development for 2015 was successfully held with an attendance of more than 30 officers and staff of Policy Division. Activities which were conducted during the 3-day workshop were discussions on each unit's SKT, Division SKT, P&P officers SKT and Support Group. Later, the SKT was presented to the Deputy Secretary General (Strategic), Mr Wee Ee Beng.*



### SEMINAR ON DIVERSION MODEL: EXPERIENCE FROM QUEENSLAND, AUSTRALIA

Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama United Nations Children's Fund (UNICEF) telah menganjurkan Seminar On Diversion Model: Experience From Queensland, Australia pada 27 dan 28 November 2014 di Galeria Perpustakaan KPWKM. Seminar ini telah dihadiri oleh kementerian dan agensi Kerajaan antaranya seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah, Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan.

Melalui seminar ini, para peserta telah mendapat perkongsian maklumat mengenai pelaksanaan program Diversion di Queensland, Australia daripada Mr. Martin McMillan, Principle Training Officer for the Queensland Department of Justice and Attorney General dan Mr. Craig Jenkins yang telah terlibat dalam perkhidmatan *Youth Justice* di Queensland, Australia selama lebih 20 tahun.

Seminar ini antara lain bertujuan untuk berkongsi amalan baik dalam pelaksanaan program *Diversion* di Queensland, Australia. Dalam pada itu, pelaksanaan tersebut akan diteliti dan dikaji dengan lebih lanjut untuk melihat kesesuaiannya dalam penyediaan model *Diversion* di Malaysia.

### *SEMINAR ON DIVERSION MODEL: EXPERIENCE FROM QUEENSLAND, AUSTRALIA*

*The Policy Division of Women, Family and Community in collaboration with the United Nations Children's Fund (UNICEF) organized the Seminar On Diversion Model: Experience From Queensland, Australia on 27 and 28 November 2014. The seminar was attended by Government ministries and agencies such as the Ministry of Home Affairs, PDRM, the Attorney General, Office of the Chief Registrar of the Court, the Prisons Department, Social Welfare Department, academics and non-governmental organizations concerned.*

*Through this seminar, participants received information about the implementation of the Diversion program in Queensland, Australia from Mr. Martin McMillan, Training Principle Officer for the Queensland Department of Justice and Attorney General and Mr. Craig Jenkins who has been involved in Youth Justice services in Queensland, Australia for more than 20 years.*

*The seminar, was to share good practices in the implementation of the Diversion program in Queensland, Australia. In the meantime, the exercise will be studied further to determine its suitability in Malaysia.*



Mr. Craig Jenkins, Mr. Phenny Kakama (UNICEF) & Mr. Martin McMillan



Taklimat mengenai pelaksanaan program Diversion di Queensland



# 42

# Bahagian Pelaksanaan Dasar Sosial Negara

# National Social Policy Implementation Division



## LAB ISU KEHAMILAN DI KALANGAN REMAJA 2014

• Tarikh : 23 Jun 2014 • Tempat : Dewan Perdana Nur, Kpwkm

Lab Isu Kehamilan Remaja 2014 diadakan bagi menilai semula isu ini yang mana dilihat semakin meruncing sehingga menyebabkan masalah lain timbul seperti masalah kesihatan remaja, peningkatan kes pembuangan bayi, pengguguran bayi, pembunuhan bayi dan juga pengabaian bayi. Oleh hal demikian, lab ini merupakan platform terpenting untuk mencari pendekatan bersepadu yang melibatkan semua sektor Kerajaan, Swasta, Komuniti dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi mengatasi isu kehamilan dalam kalangan remaja Malaysia.

Objektif Lab Isu Kehamilan Remaja 2014

Objektif utama Lab Isu Kehamilan Remaja 2014 adalah untuk mengenal pasti faktor pelindung dan risiko kepada isu kehamilan remaja dan menentukan pelan tindakan hala tuju dari perspektif keluarga agar dapat menangani isu tersebut. Bertitik tolak daripada objektif utama ini, Lab Isu Kehamilan Remaja 2014 memfokuskan kepada elemen penglibatan remaja kepada institusi sekolah, keluarga, komuniti masyarakat (kejiranan) serta sokongan daripada komuniti korporat dan juga media.

Pembahagian kumpulan perbincangan telah dibahagikan kepada empat kumpulan yang utama yang mana diketuai oleh seorang ketua kumpulan. Setiap kumpulan ini telah dipantau secara bersama oleh seorang fasilitator dan pencatat yang dilantik penganjur. Kumpulan-kumpulan tersebut disusun berdasarkan latar belakang kepakaran masing-masing agar memudahkan perkongsian idea dan gerak kerja yang meliputi aspek keluarga, sekolah dan remaja, komuniti masyarakat (kejiranan) dan juga komuniti korporat.

Rumusan keseluruhan dapatan idea selepas tamatnya pembentangan daripada semua kumpulan telah disampaikan oleh ketua moderator bagi Lab Isu Kehamilan Remaja 2014.

## LAB ON 2014 PREGNANCY AMONG TEENS ISSUES

• Date: June 23, 2014 • Venue: Dewan Perdana Nur, KPWKM

*The 2014 Lab on Teen Pregnancy Issues was organized to review exacerbating issues which were causing other problems to surface such as poor adolescent health, the increase in cases of abandoned babies, abortion, infanticide and the infant neglect. As such, the lab is an important platform to seek an integrated approach involving all sectors of Government, Private, Community and Non- Governmental Organizations (NGOs) to address teen pregnancy in Malaysia.*

*2014 Teen Pregnancy Issue Lab Objectives*

*The main objectives of 2014 Lab on Teen Pregnancy Issues are to reduce teen pregnancy risks and to come up with a family-oriented action plan to address the issue. Starting from these main objectives, the 2014 Teen Pregnancy Issue Lab focused on elements of youth engagement in the school, family, community (neighborhood) as well as the support of the corporate community and the media.*

*The discussion group was divided into four major groups, which was headed by a team leader. Each of these groups were jointly monitored by an assigned facilitator and registrar appointed by the organizer. The groups were arranged based on their backgrounds and their expertise to facilitate the sharing of ideas and work flow covering the aspects of family, school and youth, community (neighborhood) and the corporate community.*

*A summary of the findings of the cumulative ideas after the end of the presentation of all groups was presented by the chief moderator of the 2014 Teen Pregnancy Issue Lab.*



## RUMUSAN LAB ISU KEHAMILAN REMAJA 2014

*SUMMARY OF THE 2014 TEEN PREGNANCY ISSUES LAB*

| No | Kumpulan Sasaran *Target Group* | Isu *Issue* | Cadangan *Suggestion* | Implikasi *Implications* | Rumusan *Summary* |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Sekolah /IPT / IPTS *School/IPT/IPTS* | SRHE yang tidak meluas di sekolah *SRHE is not widespread in schools* | perlu ada klinik SRH atau seorang jururawat di sekolah *The need to have a SRH clinic or a nurse at school* | Perjawatan jururawat diperluaskan di sekolah *The post of a nurse is expanded in schools* | Bengkel bersetuju melaksanakan secara perintis *Workshop agreed to implement pilot project* |
| 2 | Keluarga *Family* | Tiada tempat rujukan keluarga di peringkat akar umbi *No family reference point at the grass root level* | Pemimpin akar umbi sebagai jentera sosial *A grass root leader as social machinery* | Jentera Pelaksanaan DSN ke peringkat JKKK *Implementation of machinery DSN to JKKK* | Organisasi khusus dalam isu sosial *Special organization on social issue* |
| 3 | Komuniti kejiranan *Neighbourhood Community* | Sekolah vs kerja *School vs Work* | KSM memastikan SRH remaja 16thn ke atas yang bekerja diperluaskan di sektor perhotelan / pelancongan / industri *The Ministry of Human Resources is to ensure SRH includes teens ages 16 and above working in the hotel and tourism industry* | • Dasar<br>• Syarat kelayakan bekerja perlu hadiri kursus SRH<br>*• Policy*<br>*• Eligibility to work must include attendance in a SRH course* | MOU KPWKM dengan KSM *MOU KPWKM with KSM* |
| 4 | Komuniti korporat /media *Community Corporate / Media* | Kafe siber semakin berluasa *Widespread of cyber café*<br><br>Kepertanggungjawaban laporan media / media sosial *Responsibility of media report/social media* | Perketatkan syarat siber Kafe. *Tighten the conditions for cyber café*<br><br>Pelaporan positif kepada minda remaja *Positive reporting for teen minds* | Dasar PBT berkaitan siber Kafe di Perketatkan *The PBT policy on cyber café is tightened*<br><br>Cyber troopers *Cyber troopers* | • Boleh dilaksanakan<br>• Penguatk dipertingkatkan<br>• Penglibatan pelbagai agensi<br>*• Can be implemented*<br>*• Implementation can be enforced*<br>*• Involvement from various agencies* |

## Gambar - Gambar Sepanjang Lab *Photos captured at the Lab*









Berikut merupakan konsesus utama selepas Lab Isu Kehamilan Remaja 2014 berakhir:

- Mencadangkan kepada Majlis Sosial Negara (MSN) untuk menubuhkan satu Pasukan Task Force peringkat Kebangsaan bagi menangani isu kehamilan dalam kalangan remaja.
- Pendidikan kemahiran kekeluargaan perlu diperluaskan ke peringkat akar umbi
- Aspek hubungan kekeluargaan perlu diambilkira dalam segala aspek penggubalan dasar, peraturan dalam pembangunan sosio ekonomi negara.
- Aksesibiliti kepada perkhidmatan sokongan keluarga perlu diperluaskan.
- Perlaksanaan secara NBOS.

*Here are the main consensus after the 2014 Teen Pregnancy Issues Lab ended:*

- *Recommendation to the National Social Council (NSC) to establish a nation level Task Force Team to address the issue of teen pregnancy.*
- *Education of family skills should be expanded to the grassroots*
- *Aspects of family relationships should be taken into account in all aspects of policy formulation, regulation of socio-economic development of the country.*
- *Accessibility to family support services should be expanded.*
- *Implementation according to NBOS*



## Mini Karnival SocialCare 2014 *Social Care Mini Carnival 2014*

Program Mini Karnival SocialCare telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai satu platform dalam usaha menawarkan pelbagai perkhidmatan, perundingan, pemudah cara dan khidmat nasihat dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, kesihatan, kekeluargaan serta kebajikan kepada golongan sasar yang terlibat demi pembangunan dan kesejahteraan sosial masyarakat.

Mini Karnival SocialCare ini telah diadakan pada 15 Mac 2014 yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri KPWKM dan turut dimeriahkan lagi oleh kehadiran YB Encik Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan, YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah Ismail, Ketua Pengarah LPPKN dan Tuan Haji Mohamad Zobir Kamaruddin, Pengerusi Persatuan Penduduk Desa Seri Jenaris.

Karnival ini melibatkan penyertaan daripada KPWKM dan agensi di bawahnya seperti seperti JKM, JPW, ISM, LPPKN dan PurpleDNA. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program ialah:

1. Sukaneka;
2. Aerobik;
3. Jualan produk;
4. Refleksologi kaki;
5. Pendaftaran sukarelawan;
6. Pemeriksaan kesihatan; dan
7. Ceramah menangani stress.

Kumpulan sasar yang terlibat ialah kira-kira seramai 500 orang melibatkan komuniti di Desa Seri Jenaris, Kajang. Hasil daripada pelaksanaan program ini, dapat dirumuskan bahawa Mini Karnival SocialCaremenunjukkan impak pencapaian pengisian yang baik dan satu mekanisme positif dalam memenuhi kehendak pembangunan dan kesejahteraan sosial masyarakat.

*The 2014 Social Care Mini Carnival was run by the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) to offer various services including consultation and advisory services in various aspects such as economy, social, health, family and welfare to the target groups.*

*The Mini Carnival was held on 15 March, 2014 and was officiated by YB Datuk Azizah Datuk Seri Panglima Hj Mohd Dun, Deputy Minister of KPWKM. YB Khairy Jamaluddin, the Minister of Youth and Sports, YB Dato 'Dr. Siti Norlasiah Ismail, Director General of LPKKN and Tuan Haji Mohamad Zobir Kamaruddin, Chairman of the Residents' Association of Village Series Jenaris were also present.*

*KPWKM and its agencies such as DOC, JPW, ISM, NPFDB and PurpleDNA were also involved. Activities held during the program were:*

1. *Fun games;*
2. *Aerobics;*
3. *Sales of products;*
4. *Foot reflexology;*
5. *Registration of volunteers;*
6. *Health screening; and*
7. *Talks on stress management.*

*500 guests from the Seri Jenaris target group in Kajang attened. The Social Care Mini Carnival made a successful impact on the development and social welfare needs of the community.*














**a) Pengurusan Bajet**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menerima peruntukan asal sebanyak RM2,052,067,000, di bawah Perbelanjaan Mengurus pada awal tahun 2014.

Pecahan peruntukan KPWKM bagi tahun 2014 adalah seperti di *Rajah 1*:

*a) Budget Management*

*The Ministry of Women, Family and Community (KPWKM) received an initial expenditure allocation of RM2,052,067,000 in early 2014.*

*Breakdown of the allocation for KPWKM for the year 2014 is shown in Figure 1:*

*Rajah 1: Pecahan peruntukan KPWKM Tahun 2014*
*Figure 1: Breakdown of the allocation for KPWKM in 2014*

| PERUNTUKAN MENGURUS TAHUN 2014<br>*MANAGEMENT OF ALLOCATION FOR THE YEAR 2014* | |
|---|---|
| **BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI**<br>***DIVISION/DEPARTMENT/AGENCY*** | **JUMLAH (RM)** |
| Pengurusan & Perancangan Dasar (KPWKM)<br>*Management & Policy Planning (KPWKM)* | 209,694,800 |
| Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)<br>*Social Welfare Department (JKM)* | 1,709,592,000 |
| Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)<br>*Women Development Department (JPW)* | 31,097,200 |
| Institut Sosial Malaysia (ISM)<br>*Malaysia Social Institute (ISM)* | 9,328,400 |
| NAM Institute for The Empowerment of Women (NIEW)<br>*NAM for the Institute of Empowerment of Women (NIEW)* | 8,648,200 |
| Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)<br>*National Population and Family Development Board (LPKKN)* | 83,706,400 |
| **JUMLAH KESELURUHAN**<br>***GRAND TOTAL*** | **2,052,067,000** |




Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan KPWKM bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM2,037,805,624 atau 99.31%. Lebihan peruntukan yang tidak habis dibelanjakan adalah antara lainnya disebabkan langkah perbelanjaan berhemat di samping tanggungan tidak sempat dibayar kerana tarikh akhir pembayaran telah dipendekkan ke **24 Disember 2014 dan tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) bagi tahun 2014.**

*Overall, the performance of KPWKM's expenses in 2014 amounted to RM2,037,805,624 or 99.31%. Surplus provisions is due to more prudent spending and inability to complete payments since the date of the final payment has been brought forward to* ***24 December 2014 and no period Account.***

**b) Pengurusan Perolehan**

Bagi urusan perolehan, Bahagian Kewangan bertindak sebagai penyelaras semua urusan perolehan di peringkat Kementerian berpandukan kepada tatacara kewangan dan kaedah perolehan semasa yang berkuat kuasa. Sebanyak 11 perolehan melalui sebut harga dan 1 perolehan melalui tender telah diproses pada tahun 2014.

Perolehan secara eBidding merupakan satu modul tambahan di bawah Sistem ePerolehan yang memberi pilihan kepada Kementerian untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal yang eP-enabled. Sehubungan itu, pada tahun 2014, Kementerian telah melaksana 2 perolehan secara eBidding.

Bagi pencapaian Penggunaan Sistem eP untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan tahun 2014 pula, jumlah keseluruhan perbelanjaan yang dirancang adalah sebanyak RM105,570,376 dan pencapaian dari 1 Januari hingga 31 Disember 2014 adalah berjumlah RM96,753,329. Secara keseluruhannya, peratus pencapaian adalah sebanyak 74.25% sehingga 31 Disember 2014.

Bagi meningkatkan kecekapan pengumpulan dan pengurusan maklumat perolehan, Kementerian Kewangan telah membangunkan Government Procurement Information System (GPIS). Sehubungan itu, semua maklumat perolehan Kementerian bagi tahun 2014 telah dimasukkan ke dalam Sistem GPIS meliputi peringkat awal pelaksanaan perolehan/projek sehingga perolehan/projek selesai.

*b) Pengurusan Perolehan*

*The Finance Division acts as the coordination unit for all stages of procurement in the Ministry according to the current standard operating procedures of financial and procurement. A total of 11 procurements through quotations and 1 procurement via tender were processed in 2014.*

*e-bidding procurement is an additional module under the e-Procurement System that gives options to the Ministry to obtain supplies / services faster and more cost-effectively than suppliers obtained via the eP-enabled. Accordingly, in 2014, the Ministry implemented 2 -bidding procurements via e-bidding.*

*For the eP system for procurement of supplies and services in 2014, the total planned expenditure amounted to RM105,570, 376 and actualization as of 1 January to 31 December 2014 amounted to RM96, 753,329. Overall, the percentage of actualization is 74.25% up to 31 December 2014.*

*To increase the efficiency on collection and management of procurement information, the Ministry of Finance developed the Government Procurement Information System (GPIS). Accordingly, all Ministry's procurement information for the year 2014 were included in the system GPIS including early implementation of the procurement/project to procurement/ project completion.*





**c) Pengurusan Bayaran dan Perakaunan**

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab bagi memastikan semua bayaran bil dan tuntutan disempurnakan dalam tempoh 14 hari seperti mana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 103 (a). Semua bayaran dan terimaan telah diperakaunkan dan diselenggara dengan teratur. Semua penyata penyesuaian bagi terimaan/bayaran/amanah telah dibuat secara berkala mengikut jenis vot masing-masing.

Secara keseluruhan, prestasi pembayaran bil Kementerian pada tahun 2014 bagi tempoh tujuh (7) hari adalah 96.02% iaitu sebanyak 4,831 bil. Manakala prestasi bil bagi tempoh 14 hari adalah 99.96% (5,031 bil) dengan dua (2) bil dibayar melebihi 14 hari (0.04%). Pecahan pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari dan 14 hari bagi tahun 2014 adalah seperti di ***Rajah 2*** berikut:

*c) Management and Accounting Fees*

*The Finance Division is also responsible for ensuring that all payments for bills and claims are made within 14 days as prescribed in Treasury Instructions 103 (a). All payments and receipts are accounted for and properly maintained. All statements adjusted for receipts / payments / trust were completed as per respective schedules.*

*Overall in 2014, the performance of the Ministry's payments of bills within a period of seven (7) days is 96.02% i.e 4,831 bills. Bills paid within a period of 14 days is 99.96% (5.031 bills) with two (2) bills paid more than 14 days (0.04%). The breakdown of bill payments within seven (7) days and 14 days for the year 2014 is shown in Figure 2 below:*

*Rajah 2: Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan KPWKM Bagi Tahun 2014*
*Figure 2: Performance of Ministry's Provision and Expenditure for the year 2014*








## BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

### A. PENGENALAN

Bahagian Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbahagi kepada tiga unit iaitu Unit Pelbagai Hala, Unit Serantau serta Unit ASEAN dan Dua Hala.

Unit Pelbagai Hala / Multilateral (AM) dipertanggungjawab untuk persediaan persidangan atau mesyuarat serta menyelaras maklumat untuk pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sehubungan itu, Unit AM merupakan penyelaras kepada isu-isu berkaitan instrumen antarabangsa yang telah ditandatangani oleh KPWKM seperti Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Pada masa yang sama, Unit AM perlu menyelaras maklumat / dokumentasi Hak Asasi Manusia yang berkaitan dengan kumpulan sasar KPWKM. Selain itu, Unit Am merupakan Urus Setia kepada Jawatankuasa Tetap Sains Sosial (JKTSS) di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).

Unit Serantau / Regional (AR) dipertanggungjawabkan untuk persediaan persidangan atau mesyuarat yang berkaitan dengan kerjasama atau pertubuhan yang bercorak serantau seperti Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP) serta Commonwealth.

Unit ASEAN dan Dua Hala / Bilateral (AB) dipertanggungjawabkan untuk menyelaras persidangan atau mesyuarat yang melibatkan enam (6) badan sektoral ASEAN yang menjadi tumpuan KPWKM iaitu ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD), Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD), ASEAN Committee on Women Meeting (ACW), ASEAN Social Work Consortium (ASWC) dan ASEAN Commission for the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) dan ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW). Di samping itu, Unit AB turut dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelaras program kerjasama dua hala dengan negara-negara luar. Di antara program kerjasama dua hala yang diuruskan ialah Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara-negara terpilih dalam bidang pembangunan wanita, keluarga dan kebajikan masyarakat serta menguruskan lawatan delegasi luar negara ke KPWKM.

## *INTERNATIONAL RELATIONS DIVISION*

### *A. INTRODUCTION*

*The International Relations Division, Ministry of Women, Family and Community Development is divided into three units: Multilateral, Regional Unit as well as ASEAN and Bilateral Unit.*

*The Multilateral Unit / Multilateral (AM) makes preparations for conferences or meetings and coordinates information for international organizations like the United Nations. Accordingly, the AM Unit coordinates issues related to international instruments signed by KPWKM. These include the Convention on the Elimination of All Forms Discrimination against Women (CEDAW), the Convention on the Rights of Child (CRC) and the Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD). At the same time, the Unit coordinates Human Rights information/ documentation related to the target groups of KPWKM. In addition, the AM Unit is also the Secretariat to the Permanent Social Sciences Committee (JKTSS) under the National UNESCO Malaysia Commission (SKUM).*

*The Regional Unit / Regional (AR) prepares for conferences or meetings related to cooperation or regional organizations such as the Economic Cooperation of Asia Pacific (APEC), the Organization of the Islamic Conference (OIC), the Movement States Aligned Movement (NAM), the Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP) and the Commonwealth.*

*The ASEAN unit and Bilateral / Bilateral (AB) coordinates conferences or meetings involving six (6) of the ASEAN sectoral bodies which is the focus of KPWKM which are the ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD), Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD), ASEAN Meeting Committee on Women (ACW), ASEAN Social Work Consortium (SWC) and the ASEAN Commission for the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (CWC) and the ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW). In addition, the unit is also tasked to monitor and coordinate bilateral cooperation programs with foreign countries. Among the bilateral cooperation program managed by AB is the Memorandum of Understanding (MoU) with selected countries in the field of women's development, family and social welfare. They also manage visits by foreign delegations to KPWKM.*

## B. FUNGSI BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

(i) Merealisasikan komitmen kerajaan terhadap resolusi, keputusan, pelan tindakan dan konvensyen yang dipersetujui di peringkat antarabangsa;

(ii) Menyelaraskan pelaksanaan komitmen kerajaan terhadap instrumen antarabangsa dengan agensi pelaksanaan di peringkat nasional;

(iii) Mewujud dan mempertingkatkan jaringan kerjasama peringkat antarabangsa, serantau dan dua hala;

(iv) Menyelaraskan pelaksanaan program kerjasama di bawah Memorandum Persefahaman dalam bidang pembangunan wanita, keluarga dan kebajikan masyarakat; dan

(v) Merancang aktiviti yang membolehkan Malaysia memainkan peranan penting dan berkesan di peringkat antarabangsa.

## *B. FUNCTIONS OF INTERNATIONAL RELATIONS*

*(i) Implement the government's commitment to resolutions, decisions, and action plans agreed at international conventions;*

*(ii) Coordinate implementation of the government's international commitments with implementation agencies at the national level;*

*(iii) Establish and enhance global international network regional and bilateral cooperation;*

*(iv) Coordinate the implementation of cooperation programs under the Memorandum of Understanding in the field of women's development, family and social welfare; and*

*(v) Plan activities that enable Malaysia to play an important and effective role internationally.*




*The 58th Session United Nations Commission on the Status of Women*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim semasa sesi perasmian The 58th Session United Nations Commission on the Status of Women*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim at the opening ceremony of the The 58th Session United Nations Commission on the Status of Women*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama sebahagian daripada peserta semasa sesi Ministerial Roundtable*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with some of the participants at the Ministerial Roundtable*



## C. PENCAPAIAN BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA BAGI TAHUN 2014

### UNIT PELBAGAI HALA / MULTILATERAL (AM)

**1. PROGRAM / AKTIVITI DI BAWAH UNIT PELBAGAI HALA / MULTILATERAL (AM)**

(a) *The 58th Session United Nations Commission on the Status of Women, New York, Amerika Syarikat (10 – 14 Mac 2014)*

YB Dato' Sri Rohani Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menghadiri The 58th Session United Nations Commission on the Status of Women yang telah diadakan di New York, Amerika Syarikat dari 10 hingga 14 Mac 2014. Sesi ini merupakan persidangan tahunan untuk menilai kemajuan berhubung inisiatif kesaksamaan gender negara anggota PBB dan mengenal pasti isu serta cabaran dalam pembentukan dasar serta program kesaksamaan gender di peringkat antarabangsa.

Lebih 6,000 orang delegasi dari negara anggota PBB, tokoh dan pakar gender serta wakil pertubuhan bukan kerajaan dan agensi di bawah PBB telah menghadiri persidangan ini. Sesi ke-58 ini bertemakan *Challenges and Achievements in the Implementation of the Millennium Development Goals for Women and Girls.*

Antara tumpuan persidangan ialah membincangkan akses wanita dan kanak-kanak perempuan kepada pelajaran, perkhidmatan kesihatan reproduktif, latihan pembangunan kapasiti, sains dan teknologi, peluang pekerjaan dan productive resources. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membuat 3 intervensi negara sepanjang persidangan berlangsung.

## *C. RESULTS OF INTERNATIONAL RELATIONS SECTION FOR THE YEAR 2014*

### *MULTILATERAL UNIT / MULTILATERAL (AM)*

***1. PROGRAM / ACTIVITY OF THE / MULTILATERAL UNIT (AM)***

*(a) The 58th Session of United Nations Commission on the Status of Women, New York, United States (10 - 14 March 2014)*

*YB Dato 'Sri Rohani Karim, Minister of Women, Family and Community attended the 58th Session United Nations Commission on the Status of Women which was held in New York, USA from 10 to 14 March 2014. The is an annual conference to assess progress initiatives regarding gender equality; UN member states identify issues and challenges in policy formation and gender equality program at an international level.*

*Over 6,000 delegates from UN member states, gender experts and representatives of non-governmental organizations and agencies under the UN attended the conference. The theme of the 58th session was Challenges and Achievements in the Implementation of the Millennium Development Goals for Women and Girls.*

*The focus of the conference was to discuss access for women and girls to education, services reproductive health, training, capacity building, science and technology, employment and productive resources. The Minister of Women, Family and Community Development made 3 state interventions at the conference.*




*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim semasa sesi Ministerial Roundtable*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim at the Ministerial Roundtable*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan para peserta Global Summit of Women 2014*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with some of the participants of the Global Summit of Women 2014*

*(b)* ***Global Summit of Women 2014, Paris, Perancis (5 – 7 Jun 2014)***

YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menghadiri *Global Summit of Women* di Paris, Perancis dari 5 hingga 7 Jun 2014. Global Summit of Women merupakan satu persidangan yang menyediakan platform bagi meneroka strategi praktikal dan amalan terbaik dalam memajukan peluang ekonomi wanita di seluruh dunia.

Sidang kemuncak ini dihadiri oleh para menteri, pegawai kerajaan, pemimpin wanita, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan dan tokoh perniagaan untuk bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman mengenai amalan terbaik bagi meningkatkan taraf ekonomi wanita di negara masing-masing.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja dalam sesi meja bulat peringkat menteri. Sesi ini memberi peluang kepada para menteri untuk membentangkan program dan inisiatif yang dilaksanakan di negara masing-masing dalam usaha meningkatkan peluang perniagaan di kalangan wanita dan sekaligus dapat membantu pertumbuhan ekonomi.

*Global Summit of Women 2014* turut dihadiri oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia dan tokoh-tokoh usahawan wanita Malaysia.

*(b) Global Summit of Women 2014, Paris, France (5 - 7 June 2014)*

*The Minister of Women, Family and Community Development attended the Global Summit of Women in Paris, France on 5 - June 7 2014. The Global Summit of Women is a conference that provides a platform to explore practical strategies and best practices in developing economic opportunities for women around the world.*

*The summit was attended by ministers, government officials, women leaders, leaders of non-governmental organizations and business leaders to exchange views and share experiences on best practices to improve the economy of women in their respective countries.*

*The Minister of Women, Family and Community Development, YB Dato ' Sri Rohani Abdul Karim was invited to present papers in the ministerial round table sessions. This session was an opportunity for ministers to present programs and initiatives undertaken in their respective countries to increase business opportunities among women and at the same time to boost economic growth.*

*The Global Summit of Women 2014 was also attended by YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, wife of the Prime Minister and prominent Malaysian women entrepreneurs.*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim ditemuramah oleh wartawan Perancis semasa Global Summit of Women 2014*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim being interview by French media at the Global Summit of Women 2014*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor dalam satu acara di Paris semasa Global Summit of Women 2014*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor at an event in Paris during the Global Summit of Women 2014*





*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim semasa menyampaikan kenyataan Negara semasa Special Session of the General Assembly on the follow-up to the Programme of Action of the International Conference on Population and Development beyond 2014*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim presenting the country's statement at the Special Session of the General Assembly on the follow-up to the Programme of Action of the International Conference on Population and Development beyond 2014*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama sebahagian delegasi Malaysia yang menyertai Global Summit of Women 2014*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with some of the Malaysian delegates at the Global Summit of Women 2014*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama sebahagian daripada delegasi KPWKM di General Assembly Hall, Ibu Pejabat PBB*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with some of the KPWKM delegates at the General Assembly Hall, UN Headquarters*

(c) **Special Session of the General Assembly on the follow-up to the Programme of Action of the International Conference on Population and Development Beyond 2014, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), New York, Amerika Syarikat (22 September 2014)**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah menghadiri Special Session of the General Assembly on the follow-up to the Programme of Action of the International Conference on Population and Development Beyond 2014, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat pada 22 September 2014. Sesi khas ini yang diadakan sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) 2014 bertujuan menilai kemajuan berhubung inisiatif kependudukan dan pembangunan keluarga negara anggota seperti yang digariskan dalam pelan tindakan yang berkenaan, mengenal pasti isu serta cabaran dalam pembentukan dasar dan program berkaitan institusi kekeluargaan di peringkat antarabangsa.

Sesi khas ini telah dihadiri oleh negara-negara anggota PBB, wakil pertubuhan bukan kerajaan dan agensi di bawah PBB. YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah menyampaikan kenyataan negara yang antaranya menjelaskan bahawa Malaysia telah mencapai kebanyakan objektif dan matlamat yang digariskan dalam Pelan Tindakan Persidangan Antarabangsa Mengenai Kependudukan dan Pembangunan. Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan itu adalah kestabilan politik, perkhidmatan awam yang cekap dan hubungan yang baik antara Kerajaan dengan sektor swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan.

YB Dato' Rohani Abdul Karim juga telah menghadiri First Ladies Global Call to Action Conference on Women and Girls Financial Health yang diadakan di New York pada 25 September 2014. Seramai lebih daripada 25 orang wanita pertama telah menghadiri persidangan ini yang membincangkan usaha-usaha yang harus dilaksanakan untuk meningkatkan akses kepada modal kewangan bagi wanita dan kanak-kanak perempuan di seluruh dunia. Persidangan ini juga menyokong pelaburan kewangan yang lebih besar dibuat ke atas wanita dan kanak-kanak perempuan serta mencadangkan penubuhan Dana Global Wanita Pertama.

*(C) Special Session of the General Assembly on the follow-up to the Programme of Action of the International Conference on Population and Development Beyond 2014, the United Nations Emirates (UNGA), New York, United States (22 September 2014)*

*The Minister of Women, Family and Community Development, YB Dato ' Sri Rohani Abdul Karim attended the Special Session of the General Assembly on the follow-up Programme of Action of the International Conference on Population and Development Beyond 2014, the United Nations Organization in New York, United States which was held on 22 September 2014. This special session was held in conjunction with the United Nations General Assembly United Nations (UNGA) in 2014 to assess the progress in relation to the population and family development initiatives in member countries, as outlined in the relevant action plan, identify issues and challenges in the establishment of policies and programs related to family institution at international level.*

*The special session was attended by UN member states, representatives of non-governmental organizations and agencies under the United Nations. YB Dato ' Sri Rohani Abdul Karim presented our country statement which among others stated that Malaysia had achieved most of the objectives and goals outlined in the Action Plan of the International Conference on Population and Development. Among the factors have contributed to its success is political stability, efficient public services and good relations between the Government and the private sector including non-governmental organizations.*

*YB Dato' Rohani Abdul Karim also attended the First Ladies Global Call to Action Conference on Women and Girls Financial Health, held in New York on 25 September 2014.A total of more than 25 first ladies attended the conference, to discussed the efforts that have been implemented to improve access to financial capital for women and girls worldwide. This conference also supported greater financial investments made for women and girls and proposed the establishment of the Global First Lady Fund.*



(d) *Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014 di Dataran Merdeka dan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur (18 - 19 Oktober 2014)*

Majlis perasmian Hari UNESCO Malaysia 2014 telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Presiden Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia pada 18 Oktober 2014 (Sabtu). Tema sambutan kali ini ialah Warisan Kita, Warisan Dunia. Hari UNESCO Malaysia 2014 merupakan sambutan kali keempat sejak diperkenalkan pada tahun 2011.

Pelbagai aktiviti termasuk pameran dan persembahan kebudayaan diadakan sempena sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang mewakili Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia turut mengadakan pameran mengenai peranan dan fungsi kementerian dalam pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Unit NKRA dan Unit Komunikasi Korporat terlibat secara langsung dalam pameran Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial. Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM bertindak sebagai penyelaras sambutan di peringkat KPWKM dan dibantu oleh Bahagian Khidmat Pengurusan.

Sambutan pengunjung ke booth pameran Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial adalah sangat menggalakkan. Selain pameran tentang peranan dan fungsi setiap jabatan di bawah KPWKM, JPW telah mempromosikan kempen menangani keganasan terhadap wanita manakala LPPKN menyediakan perkhidmatan mengurut (Mama Care) kepada para pengunjung. JKM berjaya menarik ramai pengunjung ke booth pameran dengan menyediakan permainan interaktif untuk kanak-kanak. Unit NKRA pula menunjukkan kemahiran orang kurang upaya (OKU) dalam menghasilkan kraf tangan.

*(d) UNESCO Malaysia Day Celebration 2014 at Dataran Merdeka and Sultan Abdul Samad Building, Kuala Lumpur (October 18 to 19 2014)*

*The 2014 Malaysia UNESCO Day was launched by YAB Tan Sri Dato 'Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, the Deputy Prime Minister of Malaysia and President of National Commission for UNESCO on 18 October 2014 (Saturday). The theme was Our Heritage, World Heritage. This was the fourth celebration of The UNESCO Day since it was first introduced in 2011.*

*Various activities including exhibitions and cultural performances were held in conjunction with the 2014 Malaysia UNESCO Day. The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) representing the Permanent Subcommittee of Social Sciences under the National Commission for UNESCO also organized an exhibition about the role and functions of the Ministry in the advancement of women, families and communities.*

*The Department of Women Development (JPW), Social Welfare Department (JKM), Institute for Population and Family Development (National), NKRA Unit and Corporate Communications Unit were involved directly in the Permanent Subcommittee on Science Social exhibition. The Relations Division, assisted by the Management Service Division of KPWKM coordinated the celebration at the KPWKM level.*

*The response to the exhibition booth of Permanent Subcommittee of Social Sciences was very encouraging. The exhibition focuses on the role and functions of each department under the ministry. JPW promoted a campaign to address violence against women while LPPKN provided massage services (Mama Care) to visitors. JPW attracted many visitors to the exhibition booth since they had interactive games for children. The NKRA Unit dispayedshowed the craftsmanship and skills of persons with disabilities (PWDs) in producing handicrafts.*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama sebahagian daripada delegasi Malaysia yang menghadiri First Ladies Global Call to Action Conference on Women and Girls Financial Health*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with some of the Malaysian delegates at the First Ladies Global Call to Action Conference on Women and Girls Financial Health*



*Produk-produk yang dihasilkan melalui Purple DNA Project juga dipamerkan kepada orang ramai*

*Some of the products developed through the Purple DNA Project were also displayed to the public.*



*Antara pengunjung di booth pameran Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial / KPWKM*

*Some of the visitors to the exhibition booth of the Social Science Sub-Committee of KPWKM*



*Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin melakukan simbolik perasmian sambutan Hari Unesco Malaysia 2014 bertemakan Warisan Kita Warisan Dunia di Dataran Merdeka. Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan kedua, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Pengarah Pejabat Serantau UNESCO Jakarta, Prof. Dr. Hubert Gijzen*

*Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin made a symbolic opening gimmick of the Malaysia Day celebration in 2014 with the theme Unesco World Heritage Heritage at Dataran Merdeka. Also present were Deputy Minister of Education, Datuk Mary Yap Kain Ching and Director of the Regional Office of UNESCO Jakarta, Prof. Dr. Hubert Gijzen*






*Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengarah Pejabat Serantau UNESCO Jakarta, Prof. Dr. Hubert Gijzen menurunkan tandatangan sebagai tanda sokongan ke atas kempen menangani keganasan terhadap wanita*

*Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and Director of the Regional Office of UNESCO Jakarta, Prof. Dr. Hubert Gijzen sign their support for the campaign to address violence against women*



## UNIT SERANTAU / REGIONAL (AR)

**1. PROGRAM / AKTIVITI DI BAWAH UNIT SERANTAU:**

(a) *Annual Consultation of Commonwealth National Women Machineries (16 Mac 2014)*

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim juga telah menghadiri Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries yang diadakan di New York pada 16 Mac 2014. Mesyuarat ini telah bersetuju menerima laporan 12th Commonwealth Gender Plan of Action Monitoring Group serta cadangan strategik untuk tindakan susulan negara anggota Komanwel. Mesyuarat turut membincangkan laporan kedudukan semasa negara anggota Komanwel berhubung kesaksamaan gender dan pemerkasaan ekonomi dan portal Commonwealth Connects bagi menghubungkan Commonwealth National Women's Machineries.

## *REGIONAL UNIT / REGION (AR)*

***1. PROGRAM / ACTIVITIES UNDER THE REGIONAL UNIT:***

*(a) Annual Commonwealth National Consultation of Women Machineries (16 March 2014)*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim also attended Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries which was held in New York on 16 March 2014. The meeting agreed to accept reports by the 12th Commonwealth Gender Plan of Action Monitoring Group along with the strategic proposals on the follow-up actions by the Commonwealth member states. The meeting also discussed the country's current position with members of the Commonwealth in relation to gender equality and economic empowerment and Commonwealth Connects portal to connect the Commonwealth National Women's Machineries.*



*Suasana dewan sewaktu Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries*

*The hall during the Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim berkongsi pandangan dan idea berhubung kesaksamaan gender dan pemerkasaan ekonomi wanita*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim shares her views and ideas on gender equality and economic empowerment of women.*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bergambar dengan peserta yang menghadiri Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with participants of the Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries*

(d) *5th Session of the Islamic Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States (19 – 22 Oktober 2014)*

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah menghadiri *The Fifth Ministerial Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States* di Baku, Republik Azerbaijan pada 20 dan 21 Oktober 2014. Persidangan ini telah dihadiri seramai lebih daripada 220 orang peserta daripada 30 buah negara OIC. Tema persidangan adalah *The Role of Women in Sustainable Development.*

Persidangan dwi-tahunan ini melibatkan penggubal dasar, pegawai kerajaan, tokoh dan pakar pembangunan wanita yang bertujuan membincangkan isu-isu memperkasakan peranan dan penglibatan wanita dalam mencapai kesaksamaan gender khususnya di kalangan wanita Islam di negara-negara OIC.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah membentangkan kertas kerja bertajuk *The Role of Women in Sustainable Development: Malaysian Experience* dalam persidangan tersebut. YB Menteri berkongsi kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dalam usaha memperkasa dan mengarusperdanakan wanita dalam pembangunan negara.

(d) *The 5th Session of the Islamic Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States (19 to 22 October 2014)*

*The Minister of Women, Family and Community Development, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim attended the Fifth Ministerial Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States in Baku, Republic of Azerbaijan The conference was attended by more than 220 participants from 30 countries of the OIC.*

*The theme of the conference was The Role of Women in Sustainable Development. This bi-annual conference involving policy-makers, government officials, leaders and women development experts discussed issues on the involvement of women in achieving gender equality particularly among Muslim women in OIC countries.*

*YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim presented a working paper titled 'The Role of Women in Sustainable Development: Malaysian Experience'. The Minister also shared the success achieved by Malaysia in strengthening and mainstreaming women in national development.*





*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama-sama wakil dari negara-negara Komanwel yang menghadiri Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with Commonwealth representatives of the Annual Consultation of Commonwealth National Women's Machineries*




*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama rakan peserta persidangan dari Mesir*

*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim with participants from Eqypt*





*YB Menteri berbincang bersama Dr. Waitchalla, Setiausaha Bahagian Dasar KPWKM dalam sesi pertama*

*YB Minister with Dr. Waitchalla, Policy Secretary of the ministry during the first session*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama sebahagian peserta The Fifth Ministerial Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States, Baku, Republik Azerbaijan*

*YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim with some participants of the Fifth Ministerial Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States, Baku, Republic of Azerbaijan*



*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama sebahagian peserta The Fifth Ministerial Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States, Baku, Republik Azerbaijan*

*YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim with some participants of the Fifth Ministerial Conference on the Role of Women in the Development of OIC Member States, Baku, Republic of Azerbaijan*




*YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersama pemimpin negara Asia Timur yang menyertai 6th East Asia Ministerial Forum on Families*

*YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim with the leaders of East Asian countries which participate in the 6th East Asia Ministerial Forum on Families*



*YB Menteri dan delegasi KPWKM bergambar kenangan bersama Presiden Korean Women's Development Institute, Myung-Sun Lee sempena dengan lawatan YB Menteri ke institusi tersebut. Korean Women's Development Institute memfokuskan kepada usaha dan strategi mencapai kesaksamaan gender melalui penyelidikan*

*The minister and ministry delegation photographed with the President of Korean Women's Development Institute, Myung-Sun Lee in conjunction with the visit of the Minister to the institution. Korean Women's Development Institute focuses on the efforts and strategies to achieve gender equality through research*

(e) *Forum Peringkat Menteri Asia Timur Mengenai Keluarga Ke-6 (1 – 5 Disember 2014)*

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah menghadiri The 6th East Asia Ministerial Forum on Families dari 1 hingga 5 Disember 2014 di Seoul, Korea. Forum ini merupakan platform penting bagi negara-negara rantau Asia Timur membincangkan isu-isu dan cabaran dalam pembangunan keluarga, menjana mekanisme terbaik bagi pengukuhan institusi kekeluargaan serta memantapkan perkongsian kerjasama di kalangan negara anggota.

Forum ini dihadiri oleh para menteri, pegawai kerajaan, ahli akademik, penyelidik, wakil pertubuhan bukan kerajaan dan pakar dalam pembangunan kekeluargaan dari negara-negara Asia Timur. Tema forum pada tahun ini ialah Creating Family-Friendly Social Environment.

Semasa persidangan ini, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, menyatakan komitmen Kerajaan Malaysia yang berterusan dalam memperkasakan institusi keluarga melalui pelaksanaan program-program dan penggubalan dasar-dasar Kerajaan yang meletakkan keluarga sebagai asas yang paling utama.

Di akhir forum ini, pemimpin negara anggota telah menerima pakai Seoul Declaration yang antara lainnya menjelaskan komitmen untuk memperkukuhkan institusi kekeluargaan dalam mewujudkan masyarakat Asia yang mampan. Tumpuan juga diberikan kepada kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat.



*YB Menteri bertukar cenderamata di akhir sesi lawatan kerja ke Korean Women's Development Institute*

*YB Minister exchanged gifts at the end of the working visit to the Korean Women's Development Institute*

(e) *The 6th East Asia Ministerial Forum on Families (1-5 December 2014)*

*The Minister of Women, Family and Community Development, YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim attended The 6th East Asia Ministerial Forum on Families from 1 to 5 December 2014 in Seoul, Korea. This is an important platform for countries in the East Asian region to discuss issues and challenges in family development, to generate the best mechanisms to strengthen of the family institution and to build up on the shared collaborations among the member countries.*

*The forum was attended by ministers, government officials, academics, researchers, representatives of NGOs and experts in the development of a family in East Asian countries. The theme of last year's forum was Creating Family-Friendly Social Environment.*

*At the conference, YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim expressed the continued commitment of the Government of Malaysia in empowering the family institution through the implementation of programs and the formulation of government policies to put a family as the most important foundation.*

*At the end of the forum, the leaders of the member countries adopted Seoul Declaration, which among others, defined the commitment to uphold the family institution in establishing Asia as a sustainable society. It also emphasises gender equality and the empowerment of women to improve the welfare of their families and communities.*



*YB Menteri dan delegasi KPWKM bergambar kenangan bersama Presiden Korean Women's Development Institute, Myung-Sun Lee sempena dengan lawatan YB Menteri ke institusi tersebut. Korean Women's Development Institute memfokuskan kepada usaha dan strategi mencapai kesaksamaan gender melalui penyelidikan*

*The minister and ministry delegation photographed with the President of Korean Women's Development Institute, Myung-Sun Lee in conjunction with the visit of the Minister to the institution. Korean Women's Development Institute focuses on the efforts and strategies to achieve gender equality through research*



## UNIT ASEAN DAN DUA HALA / BILATERAL (AB)

**1. ASEAN**

**1.1. PROGRAM / AKTIVITI DI BAWAH ASEAN:**

**2.2. KUNJUNGAN HORMAT / LAWATAN KERJA**

(a) *Lawatan Kerja ke Malaysia oleh Kementerian Kewangan, Republik Kyrgyz (24 Januari 2014)*

Timbalan Menteri Kewangan, Republik Kyrgyz H.E Almaz Baketaev dan delegasi seramai 9 orang telah mengadakan lawatan ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 24 Januari 2014. Lawatan ini bertujuan untuk bertukar pandangan, pengalaman serta amalan terbaik pelaksanaan strategi pembangunan ekonomi nasional di Malaysia khususnya berhubung program-program pemerkasaan dan pembangunan wanita dalam sektor ekonomi. Delegasi H.E Almaz Baketaev telah diterima oleh YBhg. Datuk Harjeet Singh, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM.



*Sesi perbincangan antara H.E Almaz Baketaev, Timbalan Menteri Kewangan Republik Kyrgyz dengan YBhg. Datuk Harjeet Singh, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM*

*Discussions between HE Almaz Baketaev, Deputy Minister of Finance of the Kyrgyz Republic with the Hon. Datuk Harjeet Singh, Deputy Secretary General (Strategic), ministry*

## ASEAN UNIT AND BILATERAL (AB)

**1. ASEAN**

**1.1. PROGRAM / ACTIVITY UNDER ASEAN**

***2.2. COURTESY / WORKING VISIT***

(a) *Working Visit to Malaysia by the Ministry of Finance, Republic of Kyrgyz (24 January 2014)*

*Deputy Minister of Finance, Kyrgyz Republic HE Almaz Baketaev and a delegation of 9 visited the Ministry of Women, Family and Society (KPWKM) on 24 January 2014. The aim of this visit was the exchange of views, experiences and best practices in the implementation of national economic development strategies in Malaysia particularly on the empowerment and programs on the advancement of women in the economic sector. H.E delegation Almaz Baketaev was received by YBhg. Datuk Harjeet Singh, Deputy Secretary-General (Strategic), KPWKM*



*Sesi bergambar YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Ms. Stott Despoja, Duta Wanita dan Kanak-kanak Perempuan Australia*

*Photo session YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development with Ms. Stott Despoja, Ambassador for Women and Girls Australia*



*Sesi bergambar YBhg. Datuk Harjeet Singh, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM, pegawai-pegawai KPWKM bersama delegasi Republik Kyrgyz*

*Photo session with Datuk Harjeet Singh, Deputy Secretary General (Strategic), KPWKM, ministry officials and delegation of the Kyrgyz Republic*



*Sesi perbincangan YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Ms. Stott Despoja, Duta Wanita dan Kanak-kanak Perempuan Australia*

*Discussion between YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development and Ms. Stott Despoja, Ambassador for Women and Girls Australia*

**(b) *Kunjungan Hormat oleh Ms. Stott Despoja, Duta Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan Australia ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (18 Ogos 2014)***

Ms. Stott Despoja, Duta Wanita dan Kanak-kanak Perempuan Australia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 18 Ogos 2014. Delegasi tersebut terdiri daripada 3 orang pegawai termasuk pengiring.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut tentang peranan KPWKM dalam usaha menjaga hak dan kesejahteraan wanita serta program-program pemerkasaan ekonomi wanita di Malaysia. Di samping itu, kedua-dua belah pihak telah bertukar pandangan mengenai usaha-usaha lanjut yang boleh diambil bagi meningkatkan peratusan wanita dalam sektor profesional.

*b) Courtesy call by Ms. Stott Despoja, Ambassador for Women and Children Australia to YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community (18 August 2014)*

*Ms. Stott Despoja, Ambassador for Women and Girls Australia paid a courtesy call on the YB Dato ' Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and the Community on August 18, 2014. The delegation consisted of 3 officers.*

*The visit was to find out more about the role of KPWKM in order to safeguard the rights and women's welfare and economic empowerment programs for women in Malaysia. In addition, both parties managed to exchange views on further the efforts to increase the percentage of women in the professional sector.*



**(c) *Lawatan oleh Mme. Tran Thi Huong, Timbalan Pengerusi Viet Nam Women's Union ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (21 Ogos 2014)***

Mme Tran Thi Huong, Timbalan Pengerusi Viet Nam Women's Union telah mengadakan lawatan ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 21 Ogos 2014. Delegasi tersebut turut disertai oleh 2 orang ahli Jawatankuasa Kanan daripada Viet Nam Women's Union.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi dengan KPWKM tentang komitmen Viet Nam Women's Union dalam menjaga hak dan kesejahteraan wanita di negara Vietnam. Delegasi daripada Viet Nam Women's Union turut bertukar-tukar pandangan dan mempelajari dengan lanjut tentang usaha-usaha KPWKM dalam memperkasa wanita dan memperjuangkan hak kesaksamaan gender.

*(c) The visit by Mme. Tran Thi Huong, Deputy Chairman of Viet Nam Women's Union of the Ministry of Women, Family and Community Development (21 August 2014)*

*Mme Tran Thi Huong, Deputy Chairman of the Viet Nam Women's Union visited the Ministry of Development Women, Family and Community Development on 21 August 2014. The delegates were joined by two members of the Senior Committee of the Viet Nam Women's Union.*

*The visit was to share Viet Nam Women's Union commitments in protecting the rights and the well-being of women in Vietnam. The delegates also exchanged views and gained insight on KPWKM's efforts in empowering women and the fight for gender equality.*



*Sesi bergambar YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama delegasi Afghanistan dan pegawai KPWKM*

*Photo session with YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development, the Afghan delegation and ministry officials*

*(d) Kunjungan Hormat Ahli Parlimen Wanita Afghanistan ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2 September 2014)*

Ms. Nafisa Azimi, Ahli Parlimen Afghanistan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2 September 2014. Delegasi tersebut turut disertai 18 orang ahli parlimen dari Afghanistan.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mempelajari mekanisma dalam menghapuskan keganasan wanita di Malaysia. Selain itu, ia menjadi platform perkongsian pandangan dalam isu-isu berkaitan wanita di kedua-dua negara khususnya dalam aspek pemerkasaan wanita.

*(e) Kunjungan Hormat oleh Madam Halimah Yacob, Speaker Parlimen, Republik Singapura ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (19 November 2014)*

Mdm. Halimah Yacob, Speaker Parlimen, Republik Singapura telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 19 November 2014. Kunjungan hormat daripada Speaker Parlimen republik itu merupakan yang pertama selepas 14 tahun.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik dan pengalaman berkaitan kumpulan sasar kementerian ini. Selain itu, pihak delegasi Singapura juga amat tertarik dengan usaha kementerian dalam melaksanakan program dan aktiviti pembangunan bagi setiap untuk kumpulan sasar KPWKM.

*(d) Courtesy Visit of Afghan lady MP to YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Families and Communities (2 September 2014)*

*Ms. Nafisa Azimi, Afghan MP made a courtesy visit to YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development on 2 September 2014. The delegation included 18 members of the parliament of Afghanistan.*

*The courtesy visit aimed to study the mechanisms in eliminating violence against women in Malaysia. In addition, it became a platform for sharing views on issues relating to women in both countries, particularly on women empowerment.*

*(e) Courtesy Visit by Madam Halimah Yacob, Speaker of Parliament, The Republic of Singapore to YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development (19 November 2014)*

*Mdm. Halimah Yacob, Speaker of Parliament, Republic of Singapore paid a courtesy call on the YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community on November 19, 2014. The courtesy visit from the Republic's Parliament Speaker was the first in 14 years.*

*The visit was to share the best practices and experiences in relation to the target groups of this ministry. The Singaporean delegation was impressed with the ministry in implementing the activities and the development programs for each target group of KPWKM.*



*Sesi bergambar YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama delegasi Afghanistan dan pegawai KPWKM*

*Photo session with YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development, the Afghan delegation and ministry officials*



*Sesi bergambar YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Mdm. Halimah Yacob, Speaker Parlimen, Republik Singapura dan delegasi*

*Photo session with YB Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development, Mdm. Halimah Yacob, Speaker of Parliament, and the delegation of the Republic of Singapore*



*(f) Lawatan Kerja ke Malaysia oleh Pelapor Khas Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkenaan Hak Kepada Kesihatan (2 Disember 2014)*

Mr. Dainius Puras, Pelapor Khas Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkenaan Hak Bagi Mendapat Piawaian Tertinggi Bagi Kesihatan Fizikal dan Mental (Special Rapporteur on the Right of Everyone to the Enjoyment of the Highest Attainable Standard of Physical and Mental Health) telah mengadakan lawatan ke KPWKM pada 2 Disember 2014. Lawatan ini diadakan sempena lawatan kerja beliau ke Malaysia pada 19 November hingga 2 Disember 2014. Tujuan lawatan beliau ke Malaysia adalah untuk meneliti dan melaporkan perkembangan sektor kesihatan di Malaysia.

Antara perkara-perkara yang dibentangkan kepada En. Dainius Puras adalah mengenai dasar, program dan aktiviti yang dilaksanakan di KPWKM terutamanya berkenaan kesihatan ke atas kumpulan sasar KPWKM seperti wanita, kanak-kanak dan OKU.

*(f) Working Visit to Malaysia by the Special Rapporteur on the Human Rights Council, United Nations Organization About Right to Health (2 December 2014)*

*Mr. Dainius Puras, the Special Rapporteur on the Human Rights Council, United Nations Organization on the Right of Everyone to the Enjoyment of the Highest Attainable Standard of Physical and Mental Health) paid a visit to the ministry on December 2, 2014. The visit was held in conjunction with his working visit to Malaysia on 19 November to 2 December 2014. The purpose of his visit to Malaysia was to examine and report on developments in the health sector in Malaysia.*

*Among the topics presented by Mr. Dainius Puras were on policies, programs and activities carried out in the ministry particularly with regard to the health of the KPWKM's target groups such as women, children and the disabled.*



*Mr. Dainius Puras dan pembantu beliau, Mrs. Dolores Infante-Caňibano serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan dan Kementerian Luar Negeri semasa sesi pembentangan oleh KPWKM*

*Mr. Dainius Puras and his assistant, Mrs. Dolores Infante-Caňibano as well as officials from the Ministry of Health and Ministry of Foreign Affairs during the presentation session by KPWKM*



*Sesi bergambar YBhg. Dato' Munirah Abdullah Bajanuddin (tujuh dari kanan), Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah (lapan dari kanan), pegawai-pegawai KPWKM, KKM dan KLN bersama Mr. Dainius Puras*

*Photo session with Dato 'Abdullah Warm Bajanuddin (seventh from right), Dr. RRV Waitchalla Suppiah (eight from right), officials of the ministry, the Ministry of Health and the Treasury together with Mr. Dainius Puras*




**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

***Human Resource Management Division Ministry of Women, Family and Community***

## A. LATAR BELAKANG

1. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPWKM telah menguruskan aktiviti sumber manusia bagi 8,100 personel di Kementerian serta Jabatan/Agensi sepanjang tahun 2014. Antara aktiviti utama yang dilaksanakan adalah merangkumi urusan perkhidmatan, pertukaran dan penempatan, kenaikan pangkat, latihan, tatatertib, penstrukturan, pengemaskinian perjawatan dan pengiktirafan serta kaunseling.

2. Ringkasan perjawatan dan pengisian di Kementerian serta Jabatan/Agensi di bawahnya sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti di *Jadual 1*.

## *A. BACKGROUND*

*1. The Human Resource Management Division (PSM), KPWKM handles human resource activities for 8,100 personnel in the Ministry and departments / agencies throughout 2014. The main activities carried out include service, transfer and placement, promotion, training, discipline, structure, staffing and recognition along with counseling.*

*2. Summary of recruitment and placement updates in the Ministry and Departments / Agencies until December 31, 2014 is as shown in Table 1.*

| Perjawatan<br>*Recruitment* | KPWKM | JPW | ISM | NIEW | JKMM | LPPKN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Anggota Pentadbiran<br>*Members of the Administration* | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| Pengurusan Tertinggi<br>*Top Management* | 4 | 1 | 1 | 0 | 2 | 1 | 9 |
| Pengurusan & Profesional<br>*Management & Professional* | 115 | 45 | 24 | 12 | 504 | 148 | 848 |
| Sokongan 1<br>*Support 1* | 126 | 99 | 46 | 16 | 4296 | 673 | 5256 |
| Sokongan 2<br>*Support 2* | 33 | 54 | 27 | 3 | 1695 | 171 | 1983 |
| **Jumlah Perjawatan**<br>***Number of Personnel*** | **304** | **207** | **103** | **33** | **7127** | **1190** | **8964** |
| **Jumlah Pengisian**<br>***Total Placement*** | **282** | **199** | **98** | **31** | **6497** | **993** | **8100** |
| **Jumlah Kekosongan**<br>***Total Vacancies*** | **22** | **8** | **5** | **2** | **630** | **197** | **864** |

*Jadual 1: Kedudukan Perjawatan dan Pengisian Sehingga 31 Disember 2014*
*Table 1: the Establishment and Placement as of December 31, 2014*

## B. PENCAPAIAN PROGRAM/AKTIVITI BPSM

### 1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013

1.1 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan salah satu usaha menginstitusikan budaya kerja cemerlang di kalangan penjawat awam demi mencapai usaha Kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik secara konsisten. Dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut mengambil inisiatif untuk memberi pengiktirafan terhadap jasa dan perkhidmatan cemerlang pegawai-pegawai.

1.2 Pada tahun 2014, seramai 608 orang warga KPWKM telah diraikan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan pada 14 April 2014.

### 2. Anugerah Pekerja Contoh

2.1 Anugerah Pekerja Contoh merupakan salah satu insentif baru oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memberi pengiktirafan kepada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah menunjukkan prestasi kerja dan nilai peribadi cemerlang mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Ianya merupakan salah satu mekanisme pengiktirafan yang diadakan sebanyak dua siri bagi setiap tahun iaitu bagi tempoh penilaian setiap enam bulan.

2.2 Pada tahun 2014, seramai 69 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi telah dipilih sebagai penerima Anugerah Pekerja Contoh Siri 1 Tahun 2014. Pemberian sijil penghargaan kepada penerima-penerima disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Perhimpunan Bulanan KPWKM pada 25 Ogos 2014.

2.3 Manakala seramai 75 orang penerima Anugerah Pekerja Contoh Siri 2 telah diraikan di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM pada 13 Januari 2015.

## *B. ACHIEVEMENT PROGRAM / ACTIVITY BPSM*

### *1. Outstanding Service Award Presentation Ceremony 2013*

*1.1 The Outstanding Service Award (APC) is one of the efforts to institutionalize a culture of excellence among civil servants in order to achieve the Government's objective of consistently delivering quality services. The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) took the initiative to recognise the service and value of outstanding officers.*

*1.2 In 2014, a total of 608 KPWKM staff were presented with Outstanding Service Awards at the Excellent Service Awards Ceremony which was held on 14 April 2014.*

### *2. Exemplary Employee Awards Ceremony Series 1 and Series 2 Year 2014*

*2.1 The Exemplary Employee Awards Ceremony is one of the new incentives by the Ministry of Women, Family and Community Development to recognize to the staff of the Ministry, Department and Agencies who have shown excellent work performance and outstanding personal values. It is one of the mechanisms for recognition which is held in two series every six months.*

*2.2 In 2014, a total of 69 personnel from the Ministry, Department of and Agency were selected as recipients of 2014 Series 1 Exemplary Employees award . The certificates of appreciation were presented by YB Dato' Sri Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development at KPWKM's Monthly Assembly on 25 August 2014.*

*2.3 At the same time, a total of 75 Exemplary Employee Award recipients of Series 2 were celebrated in a ceremony at KPWKM's Monthly Assembly on 13 January 2015.*



### 3. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri

3.1 Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri merupakan mekanisme pengiktirafan terhadap sumbangan dan jasa penjawat awam kepada negara dan perkhidmatan awam khususnya. Ketua Setiausaha KPWKM telah memperakukan sebilangan pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi dan memberi sumbangan bermakna untuk dicalonkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri tahun 2014.

3.2 Pencalonan pada kali ini turut bergantung kepada tawaran daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri. Ringkasan pencalonan pegawai-pegawai Kementerian untuk penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat adalah seperti berikut *Jadual 2* di bawah:

| BIL | NAMA NEGERI | TARIKH KEPUTERAAN | BILANGAN PENCALONAN | BILANGAN PENERIMA (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Wilayah Persekutuan | 01.02.2014 | 23 orang | - |
| 2. | Persekutuan | 07.06.2014 | 27 orang | 16 |
| 3. | Perak | 19.04.2014 | 19 orang | - |
| 4. | Perlis | 17.05.2014 | 7 orang | 1 |
| 5. | Pulau Pinang | 12.07.2014 | 13 orang | 3 |
| 6. | Melaka | 10.10.2014 | 8 orang | 1 |
| 7. | Pahang | 24.10.2014 | 17 orang | 3 |
| 8. | Kelantan | 11.11.2014 | 13 orang | 1 |
| 9. | Kedah | 11.12.2014 | 18 orang | 1 |
| 10. | Selangor | 11.12.2014 | 18 orang | 1 |

*Jadual 2: Ringkasan Pencalonan Pegawai-Pegawai Kementerian Untuk Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat*

### *3. Awards from the Federal and State government*

*3.1 These Awards are a recognition mechanism for the contributions and services of the state and civil servants to the country and public services in particular. The Secretary General of KPWKM recommended a number of officers who had excelled in their work performance and those who had made valuable contributions to be nominated for Federal and State goverment recognition in 2014.*

*3.2 Nomination also depended on invitations extended by the Office of the Secretary of State, Ceremonial Division Department of the Prime Minister. A summary of nominations of the Ministry's officials are as in Table 2 below:*

| *NO* | *STATE* | *BIRTHDAY'S DATE* | *NO. OF NOMINATIONS* | *NO. OF RECIPIENTS'S (PERSON)* |
|---|---|---|---|---|
| *1.* | *Wilayah Persekutuan* | *01.02.2014* | *23 person* | *-* |
| *2.* | *Persekutuan* | *07.06.2014* | *27 person* | *16* |
| *3.* | *Perak* | *19.04.2014* | *19 person* | *-* |
| *4.* | *Perlis* | *17.05.2014* | *7 person* | *1* |
| *5.* | *Pulau Pinang* | *12.07.2014* | *13 person* | *3* |
| *6.* | *Melaka* | *10.10.2014* | *8 person* | *-* |
| *7.* | *Pahang* | *24.10.2014* | *17 person* | *3* |
| *8.* | *Kelantan* | *11.11.2014* | *13 person* | *1* |
| *9.* | *Kedah* | *11.12.2014* | *18 person* | *1* |
| *10.* | *Selangor* | *11.12.2014* | *18 person* | *1* |

*Table 2: Summary of nominations of the Ministry's*

## 4. Pelan Operasi Latihan 2014

4.1 Strategi pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menetapkan agar setiap Kementerian menyediakan peruntukan tahunan untuk tujuan latihan bersamaan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan. Justeru itu, bagi Tahun 2014, sebanyak RM1,614,000.00 diperuntukkan untuk program latihan umum (generic) dan khusus (functional) termasuk RM 160,000.00 diperuntukkan untuk Program Latihan Luar anjuran Swasta, Badan Berkanun atau Jabatan Kerajaan lain.

4.2 Bagi Tahun 2014, sebanyak RM1,039,410.84 atau 64% daripada RM1,614,000.00 telah dibelanjakan untuk menganjurkan program-program yang telah diluluskan dalam Pelan Operasi Latihan (POL) Tahun 2014. Perbelanjaan ini merangkumi perbelanjaan peruntukkan di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Maklumat. Perincian maklumat perbelanjaan adalah seperti *Jadual 3* di bawah:

| Bil. | Bahagian | Peruntukan Diluluskan | Perbelanjaan (RM) | % |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bahagian Pengurusan | (RM) | 780,452.84 | 79 |
| | Sumber Manusia | 990,000.00 | | |
| 2. | Bahagian Kewangan | | 42,480.00 | 20 |
| 3. | Bahagian Khidmat | 208,000.00 | 192,022.00 | 60 |
| 4. | Pengurusan | 319,000.00 | 24,456.00 | 25 |
| | Bahagian Pengurusan | 97,000.00 | | |
| | Maklumat | | | |
| | JUMLAH | 1,614,000.00 | 1,039,410.84 | 64 |

*Jadual 3 : Perbelanjaan POL Tahun 2014*

## *4. 2014 Training Plan*

*4.1 The Public Sector Human Resource Training Policy establishes that each Ministry prepares an annual allocation equivalent to at least one percent (1%) of the provision of emolument for the purpose of training. RM1,614,000.00 was allocated in 2014 for generic and functionaltraining programs including an allocation of RM 160,000.00 for External Training Programs organized by the private sector, statutory bodies or other Government departments.*

*4.2 RM1,039,410.84 or 64% of RM1,614,000.00 was spent to organize programs approved in the 2014 Training Operating Plan (POL). These expenses include expenditure provisions under the Human Resources Management Division, Finance Division, Management of Services Division and Information Management Division. The detailed expenditure information is as shown in Table 3 below:*

| No. | Division | Approved Allocation | Expeniture (RM) | % |
|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | |
| | Human Resource | (RM) | 780,452.84 | 79 |
| 2. | Management Division | 990,000.00 | | |
| 3. | Finance Division | | 42,480.00 | 20 |
| 4. | Services Division | 208,000.00 | 192,022.00 | 60 |
| | Information | 319,000.00 | 24,456.00 | 25 |
| | Management Division | 97,000.00 | | |
| | JUMLAH | 1,614,000.00 | 1,039,410.84 | 64 |

*Table 3: POL Expenditure Year 2014*





4.3 Di bawah POL Tahun 2014 sebanyak 102 kursus telah dirancang untuk dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Pembangunan, Bahagian Kewangan dan Bahagian Khidmat Pengurusan. Dari 102 kursus tersebut, sebanyak 83% atau 85 kursus berjaya dilaksanakan.

4.4 Perincian pecahan mengikut bidang yang dirancang di bawah POL Tahun 2014 adalah seperti *Jadual 4* di bawah:

| BIL | Skop Kursus | Bilangan Kursus | Bilangan Kursus |
|---|---|---|---|
| 1. | Wajib Perkhidmatan | Dirancang | Dilaksana |
| 2. | Kepimpinan | 5 | 5 |
| 3. | Pengurusan dan Perancangan | 8 | 8 |
| 4. | Kemahiran Interpersonal dan | 29 | 27 |
| 5. | Komunikasi | 33 | 30 |
| 6. | Kompetensi/ Profesional/ Teknikal | 17 | 10 |
| | Kewangan | 10 | 5 |
| | Jumlah | 102 | 85 |

*Jadual 4 : Pecahan Kursus di dalam POL 2014*

4.5 Selain kursus-kursus yang tersenarai dalam POL 2014, terdapat juga kursus yang dijalankan secara ad-hoc seperti di bawah:-

| Bahagian | Tajuk Kursus |
|---|---|
| Pengurusan Sumber Manusia | • Taklimat Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)<br>• Forum Inovasi KPWKM 2014: Innovate To Transform<br>• Taklimat Gender Responsive Budgeting<br>• Lawatan Sambil Belajar ke Genovasi |

*4.3 Under POL 2014, 102 courses were planned by the Division of Human Resources Management, Information Management Division, Development Division, Finance Division and Management Services Division. Out of 102 courses, 83% from the 85 courses were successfully carried out.*

*4.4 Detailed breakdown according to the planned areas under POL 2014 is shown in Table 4 below:*

| No | Course Scope | No. of Course | No. of Implemented |
|---|---|---|---|
| 1. | Compulsory Services | Training | Course |
| 2. | Leadership | 5 | 5 |
| 3. | Planning and Management | 8 | 8 |
| 4. | Communications and Interpersonal | 29 | 27 |
| 5. | Skills | 33 | 30 |
| 6. | Competencies/Professional/Technical | 17 | 10 |
| | Finance | 10 | 5 |
| | Total | 102 | 85 |

*Table 4: Breakdown of courses under POL 2014*

*4.5 Besides to the courses listed in the POL 2014, there are also courses conducted on an ad-hoc basis as below: -*

| Division | Course Title |
|---|---|
| Human Resource Management | • Goods and Services Tax Briefing (GST)<br>• KPWKM Innovation Forum 2014: Innovate To Transform<br>• Gender Responsive Budgeting Briefing<br>• Study trip to Genovasi |



**Program Latihan Jangka Pendek Anjuran Jabatan/Agensi Luar**

4.6 Selain daripada kursus yang dirancang dalam POL Tahun 2014, Program Latihan Jangka Pendek anjuran Jabatan/ Agensi Luar juga dijalankan dengan peruntukkan sebanyak RM 160,000.00. Sepanjang tahun 2014, seramai 70 orang anggota telah berpeluang mengikuti 38 kursus anjuran jabatan/agensi luar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM141,404.00 atau bersamaan 88.34%).

4.7 Bagi meningkatkan lagi pembangunan sumber manusia, BPSM turut menggalakkan anggota KPWKM dan Jabatan/ Agensi di bawahnya untuk menyertai Program Latihan Jangka Pendek Luar Negara. Sehubungan itu, pecahan tawaran kursus jangka pendek luar negara bagi Tahun 2014 adalah seperti ***Jadual 5*** di bawah:

| Agensi | Mohon | Lulus |
|---|---|---|
| Japan International Cooperation Agency (JICA) | 4 | 1 |
| Central Officials Training Institute (COTI) | 8 | 0 |
| Razak School of Government (RSOG) | 2 | 2 |
| RIPA International | 1 | 1 |
| **JUMLAH** | **15** | **4** |

*Jadual 5 : Pecahan Tawaran Kursus Pendek Luar Negara*

*Short Term Training Program Organized by Department /External Agencies*

*4.6 Apart from the scheduled courses in POL Year 2014, Short Term Training Programmes organized by the Departments / External Agencies were also carried out with an allocation of RM 160,000.00. Throughout 2014, a total of 70 staff members attended 38 courses organized by departments / external agencies involving expenses of RM141,404.00 or equivalent to 88.34%).*

*4.7 To further enhance the development of human resources, BPSM also encouraged staff of the ministry and departments / agencies within it to join the Overseas Short Term Training Program. The detailed breakdown of short-term courses abroad offered in 2014 is shown in Table 5 below:*

| Agency | Application | Approved |
|---|---|---|
| Japan International Cooperation Agency (JICA) | 4 | 1 |
| Central Officials Training Institute (COTI) | 8 | 0 |
| Razak School of Government (RSOG) | 2 | 2 |
| RIPA International | 1 | 1 |
| JUMLAH | 15 | 4 |

*Table 5: Breakdown of Short Courses Abroad*

**Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)**

4.8 KPWKM sentiasa menggalakkan anggotanya meningkatkan taraf pendidikan dengan memberi peluang mengikuti Program Latihan Jangka Panjang menerusi kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pecahan permohonan HLP adalah seperti di ***Jadual 6*** di bawah:

| HLP | Gunasama | | Bukan Gunasama | |
|---|---|---|---|---|
| Melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Ph.D | Ph.D | Sarjana | Ph.D | Sarjana |
| | 3 | 23 | 2 | 5 |

*Jadual 6 : Permohonan HLP Peringkat Sarjana dan Ph.D*

*Federal Training Award (HLP)*

*4.8 KPWKM always encourages its members to upgrade their education by providing opportunities for Long Term Training Program facility via Federal Training Award (HLP) under the sponsorship of the Public Service Department (JPA). The detailed breakdown of application for HLP is shown in Table 6 below:*

| HLP | Shared | | Not Shared | |
|---|---|---|---|---|
| Continuing studies up to Master and Ph.D level | Ph.D | Master | Ph.D | Master |
| | 3 | 23 | 2 | 5 |

*Table 6: HLP Application for Masters and Ph.D*



4.9 Pencapaian Kehadiran Latihan Tahun 2014

4.9.1 Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, semua anggota perlu memenuhi keperluan menghadiri program latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Sehubungan itu, usaha ke arah pencapaian tersebut sentiasa giat dilakukan. Pada tahun 2014, peratus pencapaian kehadiran program latihan bagi anggota Kementerian adalah seperti ***Jadual 7*** di bawah:

| Bilangan Hari Berkursus | Bilangan Pegawai/ Kakitangan Yang Telah Menghadiri Latihan | Peratus Kehadiran (%) |
|---|---|---|
| 7 hari atau lebih | 241 | 93.05 |
| 6 hari | 0 | 0.0 |
| 5 hari | 2 | 0.77 |
| 4 hari | 3 | 1.16 |
| 3 hari | 2 | 0.77 |
| 2 hari | 5 | 1.93 |
| 1 hari | 6 | 2.23 |
| 0 hari | 0 | 0.00 |
| **Jumlah** | **259** | **100** |

*Jadual 7 :Peratus Pencapaian Kehadiran Latihan sehingga 31 Disember 2014*

*4.9 Performance Training Attendance 2014*

*4.9.1 In accordance with Circular No. 6 of 2005, all members must fulfill the requirement to attend at least seven (7) days of training a year. achieving this In 2014, the achievement percentage for attendance of the training program of the staff in the Ministry are shown in Table 7 below:*

| Number of Training Days | Number of Officers / Employees Who Have Attended Training | Percentage Attendance (%) |
|---|---|---|
| 7 days or above | 241 | 93.05 |
| 6 days | 0 | 0.0 |
| 5 days | 2 | 0.77 |
| 4 days | 3 | 1.16 |
| 3 days | 2 | 0.77 |
| 2 days | 5 | 1.93 |
| 1 day | 6 | 2.23 |
| 0 day | 0 | 0.00 |
| Total | 259 | 100 |

*Table 7: Percentage of Training attendance until December 31, 2014*

4.9.2 Perincian kehadiran latihan bagi tahun 2014 bagi anggota di agensi di bawah KPWKM juga diserta seperti ***Jadual 8*** di bawah:

| AGENSI | ≥ 7 hari (%) | ≤7 hari(%) | Tidak Hadir Langsung(%) |
|---|---|---|---|
| JKMM | 87 | 13 | 0.1 |
| JPW | 100 | - | - |
| LPPKN | 78 | 22 | - |
| ISM | 84 | 16 | - |
| NIEW | 100 | - | - |

*Jadual 8 : Peratus Pencapaian Kehadiran Latihan sehingga 31 Disember 2014 bagi anggota di agensi di bawah KPWKM*

*4.9.2 Breakdown of training attendance for 2014 for staff in agencies under KPWKM is also shown in Table 8 below:*

| AGENCY | ≥ 7 days (%) | ≤7 days(%) | Not Present(%) |
|---|---|---|---|
| JKMM | 87 | 13 | 0.1 |
| JPW | 100 | - | - |
| LPPKN | 78 | 22 | - |
| ISM | 84 | 16 | - |
| NIEW | 100 | - | - |

*Table 8: Percentage of Training Attendance Performance until December 31, 2014 for staff in agencies under KPWKM*

## 5. Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) Sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPWKM

5.1 Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Ketua-Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersempena dengan Program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2014 pada 29-30 September 2014 bertempat di Hotel Equatorial Melaka. KPWKM telah mencapai tahap Sangat Melepasi Sasaran (Significantly Exceed Target – ST) bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2013. Pencapaian KPI HRMIS KPWKM bagi tahun 2013 adalah seperti *Jadual 9* di bawah:

| KRITERIA | KPI | |
|---|---|---|
| | PERATUSAN(%) | MARKAH |
| Pengemaskinian Maklumat Profil Perkhidmatan & Rekod Peribadi | 99.48 | 20/20 |
| Pengemaskinian Maklumat Perjawatan | 100 | 20/20 |
| Kementerian (HRMIS) berbanding dengan Sistem MyPost | 92.14 | 20/20 |
| Pengemaskinian Maklumat Perisytiharan Harta Pelaksanaan pengisian SKT 2014 (KPI diambil kira sehingga Julai 2014) | 98.44 | 20/20 |
| Pelaksanaan Submodul LNPT 2014 | 99.58 | 20/20 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | 100 |

*Jadual 9: Pencapaian KPI HRMIS tahun 2013*

## *5. Implementation of Human Resource Management Information System (HRMIS) as Key Performance Indicators (KPI) KPWKM*

*5.1 The Government Chief Secretaries and State Secretaries were presented with Certifications of Appreciation by YB Tan Sri Director General of Public Service in conjunction with the HRMIS User Group Summit (HUGS) Program 2014 on 29-30 September 2014.*

*KPWKM achieved Significantly Exceed Target (Significantly Exceed Target - ST) for the Key Performance Indicators (KPI) in 2013. The KPWKM HRMIS KPI Performance for the year 2013 is shown in Table 9 below:*

| KRITERIA | KPI | |
|---|---|---|
| | PERCENTAGE(%) | MARKS |
| Updating of Information Profile Personal Service & Records | 99.48 | 20/20 |
| Updating of Ministry's Personnel Information | 100 | 20/20 |
| (HRMIS) compared with MyPost System Updating of Information Assets Declaration | 92.14 | 20/20 |
| Implementation Replacement SKT 2014 (KPI is taken into account up to July 2014) | 98.44 | 20/20 |
| Implementation of LNPT submodule 2014 | 99.58 | 20/20 |
| TOTAL | | 100 |

*Table 9: KPI HRMIS Year 2013*



5.2 Pada tahun 2014 JPA telah menetapkan elemen pemurnian data di dalam Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan sebagai salah satu kriteria penting di dalam pengiraan KPI HRMIS tahun 2014. Prestasi KPI HRMIS bagi tahun 2014 masih di peringkat penilaian oleh pihak JPA dan akan dijangka dimaklumkan pada pertengahan tahun 2015. Kriteria KPI HRMIS bagi tahun 2014 adalah seperti di *Jadual 10* di bawah:

| Bil | Kriteria | Markah |
|---|---|---|
| 1. | Pemurnian Data Tidak berintegriti bagi 28 elemen Data Perjawatan, Pengurusan Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan | 20 |
| 2. | Pengemaskinian Perjawatan HRMIS sama seperti maklumat MyPost | 20 |
| 3. | Pelaksanaan Submodul Perisytiharan Harta | 20 |
| 4. | Pelaksanaan Submodul Sasaran Kerja Tahun | 20 |
| 5. | Pelaksanaan Submodul Laporan Nilaian Prestasi Tahunan | 20 |
| | **JUMLAH** | **100** |

*Jadual 10: Kriteria KPI HRMIS Tahun 2014*

*5.2 In 2014 JPA set a data refinement element in the Personnel Data, Personal Records and Profile Services as one of the important criteria in the calculation of HRMIS KPI 2014. HRMIS KPI performance for the year 2014 is still at the assessment stage by the JPA and will be expected to be disclosed in mid 2015. HRMIS KPI Criteria for 2014 is shown in Table 10 below:*

| Bil | Criteria | Marks |
|---|---|---|
| 1. | Non integrity data refinement for 28 elements Personnel Data, Management of Personal Records and Profile services | 20 |
| 2. | HRMIS Personnel updates as per the information at MyPost | 20 |
| 3. | Assets Declaration Implementation Submodule | 20 |
| 4. | Year Work Target Submodule Implementation | 20 |
| 5. | Annual Performance Appraisal Report Submodule Implementation | 20 |
| | TOTAL | 100 |

*Table 10: HRMIS KPI Criteria 2014*

5.3 Sepanjang tahun 2014, sejumlah lima (5) buah bengkel telah dilaksanakan bagi menyelaras pelaksanaan dan prestasi HRMIS KPWKM dan Agensi sepanjang tahun 2014. Senarai bengkel yang telah diadakan adalah seperti *Jadual 11* di bawah:

| Bil. | Nama Bengkel | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Modul HRMIS 1 | 26 - 28 Feb 2014 | Hotel Harbour View Kuching |
| 2. | Bengkel Modul HRMIS 2 | 28 - 30 Mei 2014 | Hotel Seri Costa, Melaka Institut Sosial Malaysia |
| 3. | Bengkel Modul HRMIS 3 | 10 - 12 Sept 2014 | ISM, Sungai Besi, Kuala Lumpur |
| 4. | Bengkel Modul HRMIS 4 | 12 - 14 Nov 2014 | IBIS Styles Hotel, Kuala Lumpur |
| 5. | Bengkel Modul HRMIS 5 (HRMIS Users Talk KPWKM 2014) | 21 Nov 2014 | Dewan Persidangan, Aras 7, KPWKM |

*Jadual 11: Senarai Bengkel HRMIS 2014*

*5.3 Throughout 2014, a total of five (5) workshops were conducted to coordinate the implementation and performance of KPWKM HRMIS and Agency. The list of workshops that were held is shown in Table 11 below:*

| No. | Workshop Title | Date | Venue |
|---|---|---|---|
| 1. | Workshop Module HRMIS 1 | 26 - 28 Feb 2014 | Harbour View Hotel, Kuching |
| 2. | Workshop Module HRMIS 2 | 28 - 30 May 2014 | Seri Coasta Hotel, Malacca |
| 3. | Workshop Module HRMIS 3 | 10 - 12 Sept 2014 | Malaysia Social Institute (ISM) Sungai Besi, Kuala |
| 4. | Workshop Module HRMIS 4 | 12 - 14 Nov 2014 | Lumpur IBIS Styles Hotel, Kuala |
| 5. | Workshop Module HRMIS 5 | 21 Nov 2014 | Lumpur Conference Hall, Level 7, KPWKM |

*Table 11: List of HRMIS Workshop 2014*

## 6. Perkhidmatan Kaunseling

### 6.1 Perkhidmatan Kaunseling

Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) menyediakan Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling kepada semua warga Kementerian dan agensi di bawahnya. Laporan Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

| Jenis/Perkara | Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling Organisasi | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Individu | Kelompok | Intervensi Krisis | Jumlah |
| Klien | 43 Orang | 90 Orang | 2 Orang | 135 Orang |

### 6.2 Garis Panduan Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai Bermasalah (PBRM)

Kementerian telah membangunkan Garis Panduan Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai Bermasalah (PBRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Garis panduan ini telah diedarkan kepada semua Ketua Jabatan/Unit di Kementerian dan agensi di bawahnya pada 6 April 2010 untuk dilaksanakan. Tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah seperti berikut:

| | • Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa [P.U.B 133/2013] | seramai seratus sembilan (109) orang Pegawai Kebajikan Masyarakat telah diwartakan sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pusat Jagaan mulai 18 April 2014 |
| | • Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa [P.U.B 388/2013] | seramai sepuluh (10) orang Pegawai Kebajikan Masyarakat telah diwartakan sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pusat Jagaan mulai 1 September 2014 |
| | **4) Pewartaan di bawah Akta AntiPemerdagangan Orang dan AntiPenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]** | |
| | • Pewartaan Rumah Perlindungan [P.U.B 217/2014] | KPWKM dengan rundingan Kementerian Dalam Negeri bersetuju untuk mewartakan satu (1) Rumah Perlindungan baru sebagai tempat perlindungan bagi jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan selaras dengan subseksyen 42(1) Akta 670. |
| | **5) Pewartaan di bawah Akta Orang-Orang Papa** | |
| | • Pemberitahuan Penubuhan Rumah Kebajikan Desa Bini Diri Kuching [ P.U.B 391/2014] | Mewartakan rumah kebajikan selaras dengan subseksyen 5(1) berkuatkuasa mulai 30 Ogos 2014 |
| 3 | Penceramah bagi Ceramah berkaitan Sistem Pentadbiran Negara dan pendedahan berkenaan Sistem Perundangan Negara kepada pegawai dan kakitangan baru di Kementerian dan agensi di bawah Kementerian bagi Program Transformasi Minda (PTM) | Telah memberikan ceramah dalam siri-siri PTM yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KPWKM dan JKM. |



***PERFORMANCE OF LEGAL ADVISOR UNIT, KPWKM FOR THE YEAR 2014***

| *NO* | *ACTIVITY* | *ACHIEVEMENT* |
|---|---|---|
| *1* | *Revision of the Act for the purposes of the amended law and provide new Act under the jurisdiction of KPWKM and its agencies.* | *Series of discussions with stakeholders and group executives for the Act were held throughout the year for the drafting of -*<br>*(i) the Bill of Children;*<br>*(ii) the Bill of Social Workers; and*<br>*(iii) Bill Destitute Persons (Amendment) Order 1977* |
| *2* | *The Drafting of Proclamation under the Act under the Ministry and its agencies.* | *The reporting and proclamation had been drafted and gazetted by the no P.U (B) that had been determined.* |
| | ***1) Proclamation under the Child Act 2001 [Act 611]*** | |
| | *• Appointment of **Protector GUARDIAN** [P.U.B 130/2014]* | *One hundred and nine (109) Social Welfare Officers were appointed as tprotectorsfrom 18 April 2014.* |
| | *• Appointment of Probation Officer [P.U.B 131/2014]* | *One hundred and nine (109) Social Welfare Probation Officers have been appointed from 18 April 2014.* |
| | *• Determination of Place of Safety [P.U.B 132/2014]* | *The proclamation of a new place as Protection Place with effect from 18th April 2014.* |
| | *• Appointment of **Protector** [P.U.B 385/2014]* | *A total of eleven (11) Social Welfare Officers have appointed as Protectors from 1 September 2014.* |
| | *• Appointment of Probation Officer [P.U.B 386/2014]* | *A total of eleven (11) Social Welfare Officers have been appointed as Probation Officers from 1 September 2014.* |
| | *• Cancellation of Designation of Approved Schools [P.U.B 389/2014]* | *Announce the cancellation of Approved School due to conversion of the Institution function to the establishment of Country Home Welfare Self Development.* |
| | *• Cancellation of Designation of Places of Detention [P.U.B 390/2014]* | *Announce the cancellation of Detention Place due to the conversion function of the institution to the Country Home Welfare Self Development.* |
| | ***2) Proclamation under the Child Care Centre 1984 [Act 308]*** | |
| | *• Appointment of Authorized Officer [P.U.B 134/2014]* | *A total of one hundred and nine (109) Social Welfare Officers were appointed as an Authorized Officers under the Care Centre Act beginning on 18 April 2014.* |
| | *• Appointment of Authorized Officer [P.U.B 387/2014]* | *Eight (8) Social Welfare Officers were appointed as Authorised Officers beginning the Care Centre Act from 1 September 2014.* |

*PERFORMANCE OF LEGAL ADVISOR UNIT, KPWKM FOR THE YEAR 2014*

| Bil | HASIL KERJA | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| | *3) A proclamation under the Care Centre Act 1993 [Act 506]* | |
| | • *Appointment of Authorized Officer [P.U.B 133/2013]* | *A total of one hundred and nine (109) Social Welfare Officers were proclaimed as an Authorised Officer under the Care Centre Act from 18 April 2014.* |
| | • *Appointment of Authorized Officer [P.U.B 388/2013]* | *A total of ten (10) Social Welfare Officers had been proclaimed as an Authorised Officer under the Care Centres Act beginning 1 September 2014.* |
| | *4) Proclamation of the Anti-Trafficking in People Act and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 [Act 670]* | |
| | • ***Proclamation Shelter Homes*** *[P.U.B 217/2014]* | *KPWKM with the Ministry of the Home Affairs had agreed to* ***proclaim*** *one (1) new Shelter Home as a place of protection for the care and shelter of trafficked persons pursuant to subsection 42 (1) of Act 670.* |
| | *5) Proclamation under the Destitute Persons Act* | |
| | • *Notice of Establishment of Rural Welfare Self Development Home Kuching [P.U.B 391/2014]* | ***Proclaim*** *of welfare homes in accordance with subsection 5 (1) with effect from August 30, 2014* |
| 3 | *Speakers for Lectures related to the National Administration System and exposure regarding the National Legal System officers and new staff at the Ministry and agencies under KPWKM for Mind Transformation Program (PTM).* | *Have conducted lecturers in the PMT series organized by JKM Human Resource Management Division and JKM.* |



# Unit National Key Result Area
## National Key Result Area





i. **JUMLAH PESERTA BAHARU MENYERTAI PROGRAM 1AZAM**
33,368 orang peserta baharu Program 1AZAM (sasaran asal 33,200).
(% Pencapaian: 103%)

ii. **JUMLAH PESERTA PROGRAM 1AZAM YANG TELAH MENINGKAT PENDAPATAN MELEBIHI RM300 SEBULAN SEBANYAK 3 KALI DALAM SETAHUN / ATAS PARAS GARIS KEMISKINAN**
Seramai 24,646 orang peserta program 1AZAM telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 sebulan sebanyak 3 kali dalam setahun / atas paras garis kemiskinan.
(Pencapaian: 85%)

iii. **JUMLAH PESERTA 1AZAM YANG TELAH MENYERTAI PROGRAM LITERASI KEWANGAN**
Seramai 28,518 orang peserta program 1AZAM yang telah menyertai Program Literasi Kewangan (sasaran asal adalah 32,300) sehingga 31 Disember 2014.
(Pencapaian: 88%)

iv. **JUMLAH BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) / SEKTOR KORPORAT YANG MENJALANKAN KOLABORASI DENGAN PROGRAM 1AZAM**
Sebanyak 46 NGO dan sektor korporat telah bekerjasama dalam menjayakan Program 1AZAM pada tahun 2014.
(Pencapaian: 128%)

v. **JUMLAH PELAKSANAAN PROGRAM 1AZAM SECARA BERKOMUNITI / BERKUMPULAN**
Sebanyak 77 program komuniti 1AZAM berjaya dijalankan secara berkelompok pada tahun 2014.
(Pencapaian: 100%)

vi. **MEMASTIKAN 100% PENGEMASKINIAN DATA PESERTA 1AZAM KE DALAM SISTEM EKASIH**
Kesemua agensi pelaksana Program 1AZAM telah berjaya mengemaskini 100% peserta di dalam sistem eKasih.
(Pencapaian: 100%)

vii. **JUMLAH PESERTA YANG LULUS PROGRAM 1AZAM YANG BERJAYA MEMPEROLEH PINJAMAN MIKROKREDIT**
Sebanyak 555 peserta 1AZAM yang berjaya memperoleh pinjaman mikrokredit dengan AIM, dan Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (TEKUN, dan Agro Bank).
(Pencapaian: 111%)

*i. **NUMBER OF NEW PARTICIPANTS IN 1AZAM PROGRAMME***
*33,368 participants of 1AZAM Programme (original target 33,200).*
*(Score: 103%)*

*ii. **NUMBER OF EXISTING AZAM PARTICIPANTS WHO HAVE INCREASED THEIR INCOME BY RM300 FOR ANY 3 MONTHS IN A YEAR / ABOVE POVERTY LINE INCOME (PLI)***
*A total of 24,646 participants have successfully increased their income by RM300 for any 3 months in a year / Above PLI.*
*(Score: 85%)*

*iii. **NUMBER OF AZAM PARTICIPANTS IN FINANCIAL LITERACY PROGRAMME***
*A total of 28,518 participants attended 1AZAM Financial Literacy Programme (original target was 32,300) until 31 December 2014.*
*(Score: 88%)*

*iv. **NUMBER OF 1AZAM PROJECT IN COLLABORATION WITH NGO AND CORPORATE SECTOR***
*A total of 46 NGOs and the corporate sector worked together with KPWKM in ensuring the success of the program 1AZAM in 2014.*
*(Score: 88%)*

*v. **NUMBER OF 1AZAM COMMUNITY/GROUP BASED PROGRAMME***
*A total of 77 community/group based programmes were executed in 2014.*
*(Score: 88%)*

*vi. **TO ENSURE 100% UPDATES IN eKASIH***
*Up until December 31, 2014, all implementing agencies of 1AZAM Programme had successfully verified and updated 100% of the participants in the eKasih system.*
*(Score: 100%)*

*vi. **NUMBER OF GRADUATED 1AZAM PARTICIPANTS OBTAINED MICRO CREDIT LOAN***
*A total of 555 1AZAM participants obtained micro credit loans with AIM, dan Ministry of Agriculture (TEKUN, dan Agro Bank).*
*(Score: 111%)*







# UNIT AUDIT DALAM KPWKM INTERNAL AUDIT UNIT

## A. PENGENALAN

Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) telah ditubuhkan pada 30 Januari 2001 dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1/2013.

UAD merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan menigkatkan tahap operasi Kementerian. UAD diberi kuasa menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan dan program/aktiviti Kementerian dan Agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Institut Sosial Malaysia (ISM). Objektif UAD adalah membantu Kementerian mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

## B. TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG TUGAS UAD, KPWKM

Tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah untuk:

- menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang,peraturan dan arahanyang berkaitan; dan

- menjalankan audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

## *A. INTRODUCTION*

*The Internal Audit Unit (UAD), Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) was established on January 30, 2001 and reports directly to the Secretary General in accordance with the Treasury Circular PS 3.1 / 2013.*

*UAD provides assurance and consulting service objectively to add value and boost the Ministry's operating level. UAD is authorized to audit the financial management and program / activities of the Ministry and agency under the Social Welfare Department (JKM), Department of Women Development (JPW) and the Social Institute of Malaysia (ISM). UAD's objective is to help the Ministry achieve its goals through a systematic and disciplined approach to evaluate and determine the effectiveness of all control and governance processes.*

## *B. RESPONSIBILITIES AND DUTIES UAD, KPWKM*

*Responsibilities of Internal Audit Unit are to:*

- *Conduct an audit of financial management which includes the examination of financial systems, internal control and financial record to determine whether the expenditure, results, assets and store have been managed in accordance with the law, regulations and related instructions; and*

- *Conduct performance audits that include evaluation on activities of an organization to determine whether goals have been achieved and resources used efficiently, prudently and effectively.*



Bidang tugas Unit Audit Dalam adalah untuk:

- mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman Kementerian;
- mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang,peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- mengkaji aktiviti Kementerian supaya diuruskan secara berhemat,cekap dan berkesan;
- mengkaji aset dan kepentingan Kementerian supaya dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT;
- melaporkan kepada Ketua Setiausaha hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;
- menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Setiausaha; dan
- membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

## C. MAKLUMAT KORPORAT UAD

- **VISI**
  Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian dan agensi dibawahnya.

- **MISI**
  Melaksanakan pengauditan secara professional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Ketua Setiausaha Kementerian ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan.

- **OBJEKTIF**

  i. Mempertingkatkan tahap pematuhan kewangan semua pusat tanggungjawab (PTJ) Kementerian dan agensi di bawah kawalan Kementerian (KPWKM) kepada undang-undang, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan;

  ii. Menentukan program dan aktiviti kementerian/agensi dibawahnya dapat diuruskan dengan ekonomi, cekap dan berkesan; dan

  iii. Menentukan keberkesanan dan kecekapan penggunaan ICT.

*The terms of reference of the Internal Audit Unit are to:*

- *assess the reliability and effectiveness of the financial system and internal control of the Ministry;*
- *assess the level of compliance with existing policies, laws, regulations and directives in force;*
- *review the activities of the Ministry in order to ensure they are run prudently, efficiently and effectively;*
- *review the assets and interests of the Ministry to ensure they are protected from loss, fraud and abuse;*
- *provide advice / views on control on internal control systems, including ICT;*
- *report audit findings to the Secretary General and monitor follow-up actions taken by the management on issues raised;*
- *prepare the Annual Plan and Annual Audit Report for the approval of the Secretary General; and*
- *present the Internal Audit Reports at the Audit Committee Meetings.*

## *C. CORPORATE INFORMATION UAD*

- ***VISION***
  *To be the main contributor towards excellence in financial management and accountability of the ministries and its agencies.*

- ***MISSION***
  *To conduct audits professionally and independently and to submit a fair report to the Secretary-General Ministry to improve financial management accountability.*

- ***OBJECTIVE***

  *i. Improve the level of compliance of the Ministry and its agencies to legislation, regulations and procedures;*

  *ii. Ensure that the programs and activities of ministries / agencies are conducted prudently, efficiently and effectively; and*

  *iii. Determine the effectiveness and efficiency of the use of ICT.*

- **PIAGAM PELANGGAN**

| Bil. | Piagam Pelanggan | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1 | Meningkatkan Prestasi Pengurusan Kewangan di KPWKM dan Agensi | • KPWKM telah mendapat 4 bintang dalam Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2013. |
| 2 | Menjalankan Pengauditan secara Profesional berpandukan kepada piawaian yang diterima umum. | • Mengguna pakai Garis Panduan Pengauditan Jabatan Audit Negara, Manual Unit Audit Dalam dan IIAM. |
| 3 | Menyediakan Laporan/ Pemerhatian Audit yang bebas dan berobjektif. | • Berlandaskan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1/2013 dan PS 3.2/2013. |
| 4 | Mengeluarkan Laporan/ Pemerhatian Audit dalam tempoh 1 bulan selepas tarikh pengauditan. | • Pengurusan Kewangan - 14 laporan, Susulan- 9 laporan, Pemeriksaan Mengejut - 20 laporan, Auditan Khas - 2 laporan dan Prestasi - 4 laporan. |
| 5 | Menyelaras laporan maklum balas terhadap teguran Jabatan Audit Negara dalam tempoh 1 bulan dari tarikh diterima. | • Unit Audit Dalam sentiasa membantu dari semasa ke semasa kepada Y.Bhg. Dato' Sri KSU sekiranya ada isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian. |
| 6 | Mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa. | • Rancangan Tahunan UAD bagi tahun 2014 yang telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha KPWKM dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia pada 31 Januari 2014. |
| 7 | Mengeluarkan Laporan Tahunan Audit Dalam 3 bulan selepas berakhir tahun kewangan dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. | • Laporan Tahunan UAD KPWKM bagi tahun 2013 telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia pada 26 Mac 2014. |

- *CUSTOMER CHARTER*

| *No.* | *Customer Charter* | *Achievements* |
|---|---|---|
| *1* | *Improving performance financial management at KPWKM and agency* | • *KPWKM obtained 4 stars in Accountability Index for the year 2013* |
| *2* | *Running Auditing for Professionals based on accepted general standards.* | • *Adopted Auditing Guidelines of National Audit Department, Manual Audit Unit and IIAM.* |
| *3* | *Prepare reports /audit observations that are independent and objective.* | • *Based on Circular Treasury Malaysia PS 3.1 / 2013 and PS 3.2 / 2013.* |
| *4* | *Release auadit report / observation within 1 month after the date of the audit.* | • *Financial Management – 14 reports, Follow Up- 9 reports, Surprise Inspection - 20 reports, the Special Audit- 2 reports and Performance – 3 reports.* |
| *5* | *Coordinate feedback to reports from the National Audit Department within 1 month of the date of received.* | • *Internal Audit Unit regularly assists Y.Bhg. Dato' Sri KSU on any issues related to the Ministry.* |
| *6* | *Submit the Annual Internal Audit Plan approved by Treasury Malaysia latest on 31 January of current year.* | • *UAD Annual Plan for the year 2014 approved by the Secretary General KPWKM submitted to the Treasury Malaysia on January 31, 2014.* |
| *7* | *Produce the Annual Internal Audit Plan 3 months after the end of the Financial Year and submit to the Treasury Malaysia by March 31 the following year.* | • *UAD Annual Report KPWKM for the year 2013 was submitted to the Treasury Malaysia on 26 March 2014.* |



## D. RANCANGAN DAN PENCAPAIAN UAD KPWKM 2014

Rancangan pengauditan tahun 2014 memberi tumpuan kepada memantapkan pengurusan kewangan melalui penambahbaikan kawalan dalaman serta pengurusan program/aktiviti yang cekap dan berkesan,selaras dengan visi UAD yang memastikan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan KPWKM terpelihara dan ditadbir urus dengan cemerlang.

Pada tahun 2014, Rancangan Pengauditan UAD meliputi sebanyak 14 Pengauditan Pengurusan Kewangan, 2 Pemantauan Indeks Akauntabiliti, 4 Pengauditan Prestasi, 2 Pengauditan Khas, 10 Susulan Audit dan 20 Pemeriksaan Audit Mengejut. Ringkasan rancangan dan pencapaian UADbagi tahun 2014 adalah ditunjukkan seperti **Jadual 1**.

**Jadual 1**
**Ringkasan Pencapaian Pengauditan Berbanding Rancangan Yang Diluluskan Bagi Tahun 2014**

| Rancangan Audit Yang Diluluskan | | | Pencapaian | |
|---|---|---|---|---|
| Bil | Jenis Pengauditan | Bilangan PTJ/Program /Aktiviti | (Bilangan PTJ /Program Aktiviti) | Pencapaian |
| 1. | Pengurusan Kewangan | 14 | 14 | 100 |
| 2. | Pemantauan AI | 2 | 2 | 100 |
| 3. | Audit Prestasi | 4 | 4 | 100 |
| 4. | Auditan Khas | 2 | 2 | 100 |
| 5. | Audit Susulan | 10 | 10 | 100 |
| 6. | Pemeriksaan Mengejut | 20 | 20 | 100 |
| | **JUMLAH** | **52** | **52** | |

## *D. KPWKM UAD MANAGEMENT PLAN AND ACHIEVEMENTS 2014*

*The audit program in 2014 focused on strengthening financial management through improvements of internal controls and management of programs / activities efficiently and effectively, in line with UAD's vision to ensure the integrity,, accountability and good governance of KPWKM's financial management.*

*In 2014, the UAD Auditing Plan included the audit of 14 Financial Management Audits, 2 on Monitoring Index Accountability, 4 Performance Audit, 2 Special Audits, 10 Follow-up Audits and 20 Surprise Inspection Audits. Summary plans and achievements in 2014 for UAD is as shown in **Table 1**.*

***Table 1:***
***Summary of Auditing Performance against the Approved Plan for 2014***

| *Approved Audit Plan* | | | *Achievements* | |
|---|---|---|---|---|
| *No* | *Type of Audit* | *No. of PTJ/ Program/ Activity* | *of (No. of PTJ/ Program/ Activity)* | *Achievements* |
| *1.* | *Financial Management* | *14* | *14* | *100* |
| *2.* | *AI Monitoring* | *2* | *2* | *100* |
| *3.* | *Performance Audit* | *4* | *4* | *100* |
| *4.* | *Special Audit* | *2* | *2* | *100* |
| *5.* | *Follow up Audit* | *10* | *10* | *100* |
| *6.* | *Surprise Audit* | *20* | *20* | *100* |
| | ***TOTAL*** | ***52*** | ***52*** | |

Carta 1
**RANCANGAN DAN PENCAPAIAN (PELAKSANAAN) AUDIT TAHUN 2014**




Chart 1
PLAN AND ACHIEVEMENTS (PERFORMANCE) OF AUDIT2014




## E. JAWATANKUASA AUDIT DAN JAWATANKUASA AUDIT KHAS

Jawatankuasa Audit (JKA) di Kementerian ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.2/2013. Objektif penubuhan Jawatankuasa Audit adalah untuk:

- membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara; dan
- memastikan tindakan preventive dan corrective diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

## *E. AUDIT COMMITTEE AND SPECIAL AUDIT COMMITTEE*

*The Audit Committee (JKA) at the Ministry was established in accordance with Treasury Circular PS 3.2 / 2013. The objective of the Audit Committee are to:*

- *Discuss issues raised either by Internal Audit Unit or the National Audit Department; and*
- *Ensure preventive and corrective action taken by the management to correct any weaknesses and prevent repeat mistakes.*



Selaras dengan transformasi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mulai tahun 2014, Jawatankuasa Audit Khas diadakan bersama YB Menteri bagi membincangkan dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam LKAN sebelum dibentangkan di Parlimen.

- **Keahlian Jawatankuasa Audit Dalam**
  Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM dengan ahli-ahli terdiri daripada Timbalan-timbalan KSU, Setiausaha-setiausaha Bahagian (SUB) daripada semua Bahagian dan Ketua-ketua Agensi di bawah KPWKM. Ketua Unit Audit Dalam bertindak selaku Setiausaha JKA dan Unit Audit Dalam sebagai urusetia mesyuarat.
- **Kekerapan Mesyuarat**
  Jawatankuasa Audit dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Pada tahun 2014, sebanyak 4 kali mesyuarat JKA telah diadakan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam dan/atau Jabatan Audit Negara seperti mana objektif penubuhannya. Mesyuarat JKA pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**
**Mesyuarat JKA Yang Diadakan BagiTahun 2014**

| BIL. | BIL. MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | JKA KPWKM Bil. 1/2014 | 24 Mac 2014 |
| 2. | JKA KPWKM Bil. 2/2014 | 2 Julai 2014 |
| 3. | JKA KPWKM Bil. 3/2014 | 23 September 2014 |
| 4. | JKA KPWKM Bil. 4/2014 | 16 Disember 2014 |

*Beginning 2014 ,in line with the the Auditor General's Report (LKAN), a Special Audit Committee was established together with the YB Minister to address issues reported by LKAN before being tabled in Partliament.*

- ***Audit Committee Membership***
  *The Audit Committee is chaired by the Secretary General (KSU) KPWKM with members consisting of Deputy KSUs, Division Secretaries (SUB) from all Division and Heads of Agencies under KPWKM.The Head of Internal Audit Unit took on the role of JKA Secretary with the Internal Audit Unit being the secretariat of the meeting.*
- ***Frequency of Meetings***
  *The Audit Committee is required to meet at least 4 times a year. In 2014, a total of 4 JKA meetings were held to discuss issues raised by the Internal Audit Unit and /or National Audit Department in keeping with the objectives of its establishment.*

*Timetable 2 JKA meeting in 2014 is shown in Table 2.*

| *NO.* | *NO. MEETING* | *DATE* |
|---|---|---|
| *1.* | *JKA KPWKM No. 1/2014* | *24 March 2014* |
| *2.* | *JKA KPWKM No. 2/2014* | *2 July 2014* |
| *3.* | *JKA KPWKM No. 3/2014* | *23 September 2014* |
| *4.* | *JKA KPWKM No. 4/2014* | *16 December 2014* |

# Unit Komunikasi Korporat
## Corporate Communications Unit







**Pengenalan**
Penubuhan unit ini bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan imej positif Kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur serta memastikan penyebaran maklumat dan mesej sampai kepada khalayak sasar melalui medium perhubungan awam. Unit Komunikasi Korporat (UKK) bertanggungjawab dalam mewujudkan strategi komunikasi yang berkesan menerusi pendekatan program perhubungan awam yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian dan juga masyarakat.

**Visi**
Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

**Misi**
Sebagai pusat rujukan utama dalam menyalurkan maklumat dan menterjemahkan hasrat Kementerian kepada golongan sasar secara kreatif dan efektif.

**Objektif**
Memelihara dan meningkatkan imej positif Kementerian melalui strategi perhubungan awam (PR) yang teratur dan memastikan penyebaran maklumat dan mesej sampai kepada khalayak sasar melalui kaedah dan medium perhubungan awam.

**Fungsi**
- Merancang dan melaksanakan aktiviti komunikasi korporat yang strategik untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
- Memberi khidmat nasihat dan perundingan komunikasi korporat untuk agensi-agensi di bawah KPWKM
- Melaksanakan aktiviti pengukuhan media bagi menjalankan hubungan baik dengan media tempatan dan media luar negara
- Mengurus liputan foto bagi acara-acara rasmi Kementerian
- Menyedia dan mengeluarkan Nota Kepada Pengarang, Kenyataan Media dan Siaran Media bagi program dan aktiviti Kementerian kepada media tempatan.

*Introduction*
*This unit was established to maintain and improve the image of KPWKM through positive public relations strategy. This would allow the target audience to receive dissemination of information and messages. The Corporate Communications Unit (UKK) is responsible to create effective communication strategies through effective public relations approaches that involves the target group of the Ministry and the community.*

*The Vision*
*To be at the forefront of achieving gender equality, family and community development as a caring and prosperous basis of a country developed fairly.*

*Mission*
*To be the key reference point in disseminating information and translating the Ministry's aspiration to target groups in ways that are creative and effective.*

*Objectives*
*To maintain and enhance the positive image of the Ministry through strategic public relations (PR) and ensure the orderly deployment of information and messages to target audiences.*

*Function*
- *Design and implement strategic corporate communications activities for the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM)*
- *To provide advice and corporate communications consultancy for agencies under the ministry*
- *Implement activities to ensure good relations with the local and foreign media*
- *Manage the photo coverage of official events of the Ministry*
- *Prepare and issue the Notes to Editor, Press Statements and Press Releases to the local media.*

## PIAGAM PELANGGAN

1. Menerbitkan Buletin Kasih 3 kali setahun.
2. Menerbitkan Laporan Tahunan sebelum September tahun berikutnya.
3. Melaksanakan Kajian Maklumbalas Pelanggan terhadap perkhidmatan Kementerian dan Kaunter Setempat KPWKM (OSC).
4. Mengeluarkan akuan penerimaan aduan/pertanyaan kepada pelanggan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh aduan/pertanyaan diterima.
5. Menyalurkan aduan/pertanyaan kepada Bahagian/Jabatan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh aduan/pertanyaan diterima.
6. Memastikan maklum balas awal terhadap aduan/pertanyaan anda dalam tempoh selewat-lewatnya LIMA BELAS (15) hari bekerja. Bagi aduan yang kompleks dan memerlukan penyiasatan terperinci melebihi 15 hari, akan dimaklumkan kepada pengadu selewat-lewatnya SEMBILAN PULUH (90) hari bekerja dengan justifikasi.
7. Selawat-lewatnya (3) hari bekerja. Bagi aduan yang memerlukan siasatan, akan dimaklumkan kepada pengadu selewat-lewatnya 15 hari bekerja.

## *CLIENT CHARTER*

1. *To publish Bulletin Kasih 3 times a year.*
2. *To publish the Annual Report before September of the next year.*
3. *Implementation of the Customer Feedback Survey on the services of the ministry and its One-Stop Counters (OSC).*
4. *Issue acknowledgment of receipt of complaints / inquiries to the customer within one (1) days of receipt of complaints / inquiries received.*
5. *To channel complaints / inquiries to the Division / Department within one (1) working day from the date of complaint / inquiry is received.*
6. *Ensure that the initial response to the complaints / inquiries is within FIFTEEN (15) working days. For complaints that are complex and require a detailed investigation of more than 15 days, the complainant will be informed no later than NINETY (90) working days with justification.*
7. *As late as (3) working days. For a complaint that requires investigation, will be informed to claimants as late as 15 working days.*







# CARTA ORGANISASI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



## PENCAPAIAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT TAHUN 2014

### PENGURUSAN MEDIA

Sepanjang tahun 2014, sebanyak satu kempen telah dijalankan oleh UKK dengan dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu Kempen Keselamatan Kanak-Kanak. Kempen ini meliputi road tour di sekitar sekolah-sekolah mengikut zon bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada para pelajar (kanak-kanak) akan kepentingan menjaga keselamatan diri termasuk tip keselamatan.

Bagi bahan promosi pula, sebanyak 122 promosi telah dibuat dengan 259 publisiti dilaksanakan sepanjang tahun lepas. Kira-kira 263 Jemputan Media telah dikeluarkan pada tahun 2014. Jemputan media ini termasuk 20 program utama di bawah KPWKM dan program-program luar yang mengundang keterlibatan YB Menteri.

## *ACHIEVEMENTS OF THE CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT YEAR 2014*

### *MEDIA MANAGEMENT*

*In 2014, the Child Safety Campaign was organised by UKK under the Welfare Department. Road tours following different zones was carried out to inform and educate students on the importance of safety and safety tips.*

*Promotional materials included 259 publicity materials. 263 media invites were sent out in 2014. These included media invites for 20 programs under KPWKM and outside programs which saw the Minister's attendance.*











## PENGURUSAN MH

Insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 dan nahas pesawat MH17 yang ditembak jatuh mengejutkan dunia terutamanya rakyat Malaysia. Rentetan insiden itu, Kerajaan komited memastikan kebajikan ahli keluarga mangsa (NOK) dijaga dan dibantu. Kementerian ini dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan waris (NOK) tragedi MH ini. UKK dilantik sebagai *focal point* bagi pengurusan MH. Tugasnya meliputi menghadiri mesyuarat bagi mana-mana agensi yang melibatkan pengurusan MH untuk mengemaskini laporan tindakan KPWKM dan JKM dalam mengendalikan NOK.

Antara perkhidmatan yang diberikan termasuk sesi kaunseling kepada NOK. Sebanyak 56 sesi intervensi kaunseling kepada 13 keluarga bagi MH370 dan 73 sesi intervensi bagi 31 keluarga MH17 telah diberikan. Sok psikologikal yang dikendalikan oleh para kaunselor bertauliah dari Unit Lembaga Kaunselor Kementerian dan JKM ini akan sentiasa diteruskan bagi memastikan kesejahteraan psikologikal ahli keluarga.

Pada masa ini, kebajikan NOK sentiasa menjadi komitmen utama Kementerian agar kebajikan anak-anak dan NOK ini terpelihara.

## *MANAGING MH*

*The two incidents involving the missing MH370 and the shot down MH17 were tragedies that affected not only Malaysians, but also internationally. The government was commited to ensure the wellbeing of the victims' families. The Ministry was given the responsibility to ensure the welfare of the families of the victims and given priority and assistance through counseling. UKK was appointed as the focal point for managing the victims' families. The job involved attending meetings on behalf of any agencies which were affected by the two incidences and to prepare the latest updated reports for action to be taken by KPWKM and JKM to assist those affected.*

*Among the services provided was counselling. 56 sessions were given to 13 families affected by MH370 and 73 sessions for 31 families affected by MH17. The counselors were from the Counselling Board of the Ministry and JKM and will continue to provide assistance ce to those in need.*

*The Ministry is committed to assist the families of the victims at anytime.*





## PROGRAM SUARA ANDA TANGGUNGJAWAB UTAMA (SATU)

Program Suara Anda Tanggungjawab Utama (SATU) berbentuk Hari Bertemu Pelanggan telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 20 Julai 2014.

Program SATU adalah program yang dirangka khas sebagai platform untuk warga KPWKM bertemu dan bersama-sama dengan kumpulan sasar. Idea mengadakan program ini timbul setelah menerima pelbagai aduan yang diutarakan oleh segelintir masyarakat yang masih kurang jelas tentang peranan, fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh KPWKM.

Melalui program SATU ini, rakyat boleh membuat aduan, komen atau mendapatkan penjelasan tentang perkhidmatan termasuk bantuan yang disediakan ataupun membuat urusan secara terus dengan KPWKM dan agensi di bawahnya seperti membuat pendaftaran bagi mendapatkan bantuan ketika ia dilaksanakan.

Sehingga 31 Disember 2014, SATU telah turun menyertai 9 program anjuran KPWKM, agensi di bawahnya serta agensi-agensi luar seperti di Laman Wakaf Buta, Kuala Lumpur bersempena Perkampungan Dunia Wanita & Si Comel ketika Hari Kemerdekaan, Pusat Aktiviti Warga Emas di Miri, Sarawak dan di Beaufort, Sabah bersempena Pesta Bergandang. Manakala sebanyak 22 pameran anjuran Kementerian dan agensi kerajaan yang lain telah disertai UKK sepanjang tahun 2014.




## *YOUR VOICE YOUR KEY RESPONSIBILITY PROGRAM (SATU)*

*Your Voice Your Key Responsibility, in the form of Meet the Customers Day was launched by YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Community Development on 20 July 2014.*

*SATU is specially designed as a platform for staff of KPWKM to meet with its target group. The idea of this program arose after receiving feedback on the lack of clarity about the role, functions and services provided by KPWKM.*

*Through the SATU program, the public can either lodge complaints, make suggestions or receive input regarding the services provided. They could also make arrangements directly with KPWKM or other agencies for certain matters such as applying for aid or support.*

*As of 31 December 2014, SATU has also participated in 9 programs organized by KPWKM, agencies and external agencies such as the Blind Endowments Site, Kuala Lumpur in conjunction with the Perkampungan Dunia Wanita dan Si Comel during the Merdeka celebration, Senior Citizen Activities Center in Miri, Sarawak and Pesta Bergandang in Beaufort, Sabah.*






## PENGURUSAN ADUAN AWAM DAN KEPUASAN PELANGGAN

Jumlah aduan yang diterima pada tahun 2014 adalah sebanyak 221 kes. Ini adalah termasuk aduan yang direkodkan oleh agensi seperti Ibu Pejabat JKM, Ibu Pejabat JPW, Ibu Pejabat LPPKN, NIEW, YKN dan juga NKRA.

Secara keseluruhannya peratus penyelesaian aduan adalah sebanyak 76% bagi tempoh tahun 2014 iaitu sebanyak 167 daripada 221 kes yang direkodkan.

Peratus penyelesaian aduan yang paling tinggi adalah pada bulan Oktober iaitu kesemua aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan pada bulan tersebut.

Walaubagaimanapun, kesemua peratusan penyelesaian aduan setiap bulan adalah lebih daripada 50%.

Sumber penerimaan aduan adalah seperti di Carta 1 dan tempoh penyelesaian aduan adalah di Carta 2.

| BULAN | TERIMA | DALAM TINDAKAN | SELESAI | % SELESAI |
|---|---|---|---|---|
| JANUARI | 28 | 6 | 22 | 79 |
| FEBRUARI | 31 | 11 | 20 | 65 |
| MAC | 19 | 8 | 11 | 58 |
| APRIL | 19 | 5 | 14 | 79 |
| MEI | 14 | 3 | 11 | 79 |
| JUN | 13 | 5 | 8 | 62 |
| JULAI | 19 | 3 | 16 | 84 |
| OGOS | 19 | 6 | 13 | 68 |
| SEPTEMBER | 20 | 1 | 19 | 95 |
| OKTOBER | 14 | 0 | 14 | 100 |
| NOVEMBER | 14 | 2 | 12 | 86 |
| DISEMBER | 11 | 4 | 7 | 63 |
| JUMLAH | 221 | 54 | 167 | 76 |

## *CUSTOMER COMPLAINTS MANAGEMENT AND CUSTOMER SATISFACTION SURVEY*

*221 complaints were received in 2014. These include complaints recorded by agencies such as the Headquarters of JKM , JPW, LPPKN, NIEW, YKN and also NKRA.*

*Overall, the percentage of complaint resolution was 76%; a total of 167 out of 221 cases recorded.*

*The percentage of complaint resolution is the highest in October where all complaints were resolved within the month.*

*However, more than 50% of the complaints are resolved every month .*

*Sources of complaints received are shown in Chart 1 and the period for resolving complaints is shown in Chart 2.*

| *MONTH* | *RECEIVED* | *IN ACTION* | *COMPLETION* | *%OF COMPLETION* |
|---|---|---|---|---|
| *JANUARY* | *28* | *6* | *22* | *79* |
| *FEBRUARY* | *31* | *11* | *20* | *65* |
| *MARCH* | *19* | *8* | *11* | *58* |
| *APRIL* | *19* | *5* | *14* | *79* |
| *MAY* | *14* | *3* | *11* | *79* |
| *JUNE* | *13* | *5* | *8* | *62* |
| *JULY* | *19* | *3* | *16* | *84* |
| *AUGUST* | *19* | *6* | *13* | *68* |
| *SEPTEMBER* | *20* | *1* | *19* | *95* |
| *OCTOBER* | *14* | *0* | *14* | *100* |
| *NOVEMBER* | *14* | *2* | *12* | *86* |
| *DECEMBER* | *11* | *4* | *7* | *63* |
| *TOTAL* | *221* | *54* | *167* | *76* |

**PERATUS PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT SUMBER BAGI TAHUN 2014**
Carta 1

*PERCENTAGE OF COMPLAINT RECEIVED ACCORDING TO SOURCES FOR THE YEAR 2014*
*Chart1*



**SUMBER ADUAN**
*Complaints Sources*

- 15.8% Laman Web *Web page*
- 29.8% E-mel *Email*
- 5% Hadir Sendiri *Walk-in*
- 3.2% Surat/ Faks *Mail/ Fax*
- 10% Telefon *Telephone*
- 0.5% Surat Khabar *Newspaper*
- 14% BPA *BPA*
- 21.7% Lain-lain *Others*

**PERATUS PENYELESAIAN ADUAN MENGIKUT TEMPOH**
Carta 2

*PERCENTAGE OF COMPLAINTS BY PERIOD*
*Chart2*



**Tempoh Penyelesian Aduan**
*Complaint Settlement Period*

- 30.5% 1 Hari *Day*
- 44.3% 2-5 Hari *Days*
- 18% 6-10 Hari *Days*
- 1.2% 11-15 Hari *Days*
- 6% 16-20 Hari *Days*

## TALIAN *NUR* 15999

Talian NUR 15999 merupakan pusat panggilan sehenti percuma yang beroperasi 24 sehari selama 365 hari setahun dan boleh diakses melalui talian tetap, telefon bimbit mahupun telefon awam.

Melalui talian ini, masyarakat boleh melaporkan pelbagai masalah sosial yang berlaku di negara ini seperti keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak, kemiskinan mahupun membuat pertanyaan tentang status bantuan yang dimohon.

Bagi tahun 2014, Talian NUR merekodkan sebanyak 50,495 panggilan, daripada jumlah tersebut sebanyak 14,643 merupakan panggilan yang diletak oleh pemanggil setelah call *announcement* (abandoned calls).

Kadar kekerapan panggilan telefon yang tertinggi pada bulan Mac dengan jumlah 5,044 panggilan dan bulan tersebut juga merekodkan jumlah abandoned calls tertinggi dengan kekerapan sebanyak 1,513 panggilan.

## *TALIAN NUR 15999*

*Talian NUR Hotline 15999 is a free one-stop call center operating 24 hours a day for 365 days a year and can be accessed through fixed line, mobile or public phones.*

*Through this line, the public can report various social problems prevailing in the country such as domestic violence, children abuse, and poverty or to inquire about the status of applied aid.*

*For the year 2014, 50,495 hotline calls were received, of which 14,643 were abandoned calls.*

*The highest frequency of phone calls was in March at 5,044 calls, March also saw the highest number of abandoned calls with a frequency of 1,513 calls.*



**JUMLAH PANGGILAN TALIAN NUR 2010 - 2014**

| TAHUN | JUMLAH PANGGILAN | ABANDONED CALLS |
|---|---|---|
| 2010 | 69,198 | 19,464 |
| 2011 | 121,817 | 40,822 |
| 2012 | 84,135 | 28,600 |
| 2013 | 74,218 | 22,962 |
| 2014 | 50,945 | 14,643 |
| JUMLAH | 400,313 | 126,491 |

*TOTAL CALLS HOTLINE NUR FO THE YEAR 2010 - 2014*

| *YEAR* | *TOTAL CALLS* | *ABANDONED CALLS* |
|---|---|---|
| *2010* | *69,198* | *19,464* |
| *2011* | *121,817* | *40,822* |
| *2012* | *84,135* | *28,600* |
| *2013* | *74,218* | *22,962* |
| *2014* | *50,945* | *14,643* |
| *TOTAL* | *400,313* | *126,491* |




**PERBANDINGAN JUMLAH PANGGILAN 2010 - 2014**
*COMPARISON OF CALL 2010 - 2014*




**JUMLAH ADUAN MELALUI MEDIA SOSIAL**
*TOTAL CALLS THROUGH SOCIAL MEDIA*




| Saluran Media Sosial *Media Social Channel* | Jumlah *Total* |
|---|---|
| Webchat | 31 |
| Email | 10 |
| SMS | 5 |
| Facebook | 94 |
| Jumlah *Total* | 140 |

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 140 aduan telah diterima dan applikasi Facebook merupakan medium pelaporan aduan yang gemar digunapakai oleh masyarakat.

*Until December 31, 2014, a total of 140 complaints were received with Facebook being the most popular medium of complaints adopted by the public.*

## KURSUS PEMANTAPAN PERHUBUNGAN AWAM

Pada 22 hingga 25 Oktober 2014, UKK telah menganjurkan Kursus Pemantapan Perhubungan Awam yang dihadiri oleh semua PRO Agensi di bawah KPWKM. Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk memantapkan skil perhubungan awam para PRO dalam mengendalikan pengurusan majlis dan hal ehwal korporat organisasi. Pelbagai aktiviti dijalankan termasuk bengkel penulisan, perhubungan awam, do and don'ts dalam PR dan riadah.

## *PUBLIC RELATIONS ENHANCEMENT COURSES*

*On 22 and 25 October 2014, UKK organized a Public Relations Enhancement course, which was attended by all agency PROs under the ministry. The course was organized to strengthen the public relations skills of the PRO in managing s and corporate affairs. Various sessions were held including writing workshops, public relations, do and don'ts in PR and sporting activities.*











## MAJLIS MALAM APRESIASI KPWKM 2014

Bagi menghargai sumbangan dan komitmen kira-kira 1000 orang warga Kementerian dan agensi, Majlis Malam Apresiasi KPWKM 2014 dianjurkan buat julung kalinya. Bertemakan 'Nostalgia Jalan Ampas' ia dipilih bagi mengimbau semula kenangan zaman kegemilangan Tan Sri P.Ramlee dan Saloma. Majlis yang diadakan pada 14 Disember 2014 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, menyaksikan pelbagai gaya, fesyen dan persembahan oleh para wakil agensi dan barisan Pengurusan Tertinggi. Ternyata nasib menyebelahi LPPKN yang diangkat selaku juara persembahan terbaik melalui sketsa dari filem Labu Labi. Manakala pemenang pakaian terbaik Uda dirangkul oleh Syakirin Asaari, UKK dan Dara dimenangi oleh Lidawati Mohd Aris dari Unit Undang-Undang JKM.




## *KPWKM APPRECIATION NIGHT 2014*

*The ministry hosted an Appreciation Dinner for the first time on December 14 2014 to honour the contribution and commitment of approximately 1000 personnel of the Ministry and its agency. 'Nostalgia Jalan Ampas' was selected as the theme to reminisce the golden age of Tan Sri P. Ramlee and Saloma. The dinner witnessed a variety of styles, fashion and performances by representatives of agencies including from top management. LPPPKN won the best performances of a sketch of the film Labu Labi; the winner of best male costume was Syakirin Asaari, UKK while the best female costume was won by Mohd Aris Lidawati of the Legal Department Unit.*









## LAWATAN MEDIA 2014

Unit Komunikasi Korporat sebagai unit perantara KPWKM dengan agensi media sentiasa memastikan jalinan yang erat antara kedua-dua pihak dengan mengadakan aktiviti engagement bersama media.

UKK bersama pejabat YB Menteri dan Timbalan Menteri telah mengadakan sebanyak 4 lawatan ke syarikat dan pusat media iaitu lawatan ke Sri Pentas, Bloomberg Asia, pusat media bersempena Pilihanraya Kecil Teluk Intan dan Wisma BERNAMA.

Selain itu, lawatan bertujuan untuk mempelajari amalan terbaik yang dipraktiskan oleh media dalam penulisan artikel dan rencana, angle berita, media sosial dan video. Lawatan yang diadakan banyak memberi manfaat dan pengetahuan baru kepada pegawai perhubungan awam kementerian.

Seramai 20 orang pegawai perhubungan awam telah menyertai lawatan yang telah diketuai oleh Setiausaha Akhbar kepada YB Menteri.

## *2014 MEDIA VISIT*

*The Corporate Communications Unit of the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) has coordinated a series of visits to selected media outlets in 2014. The visit was to strengthen ties between public relations officer of the Ministry with the media, especially those who often provide news coverage on the ministry's services.*

*In addition, the visita are also to study the best practices of the media in the writing of articles and essays, news angle, social media and video. The tours have indeed benefitted the public relations officers of the ministry.*

*Among the visits are to MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd (Astro), Astro Radio Co., Ltd., and Berita Harian. A total of 20 public relations officers took part in the visit, which was led by the Press Secretary to the Minister.*








## PROGRAM MYNETSTERZ

Bagi merapatkan hubungan di antara pengamal media sosial seperti Facebook, Twitter, blog dan sebagainya, UKK telah menganjurkan Program Meet MyNetsterz pada Mac 2014. Program ini bertujuan mengumpul seramai mungkin Fan Club KPWKM dan sebagai platform untuk menyuarakan padangan dan bertukar-tukar fikiran sesama ahli untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam Kementerian kepada rakyat. Seramai kira-kira 1000 orang ahli My Netsterz yang telah berdaftar dan mengikuti beberapa program dan aktiviti yang dianjurkan Kementerian.

## *PROGRAM MYNETSTERZ*

*To bridge the gap between practitioners of social media such as Facebook, Twitter, blogs and so on, UKK organized a Meet MyNetsterz Program in March 2014. The program aims to collect as many KPWKM Fan Club members to express their views and exchange ideas to strengthen public service delivery. A total of about 1000 members of My Netsterz attended several programs and activities organized by the Ministry.*










## PENERBITAN

Bahan penerbitan merupakan salah satu perkara utama yang perlu dilaksanakan bagi mempromosikan program dan aktiviti sesebuah organisasi. Pada tahun 2014, sebanyak 10 bahan publisiti telah diterbitkan termasuk risalah Talian NUR 15999, Kempen Keselamatan Kanak-Kanak, Suara Anda Tanggungjawab Utama (SATU), dan 7 tajuk banting dan banner bagi Program/ aktiviti Kementerian. Selain itu, Laporan Tahunan KPWKM 2013 juga diterbitkan dengan 1000 naskhah jumlah cetakan. Buletin KPWKM Siri 1 dan 2 juga diterbitkan pada tahun lepas bagi mendokumentasikan semua aktiviti Kementerian dan agensi pada setiap tahun itu.

## *PUBLISHING*

*In 2010 volunteerism was included in the 5th Key Result Areas (KRA) of the Minister of KPWKM, namely the Empowerment of Social Responsibility. In 2011 it became the 3rd KPI. In this regard, the Malaysian Social Institute (ISM) has been tasked to provide training on volunteerism to youth leaders throughout the country.*

*In 2014, this Program was made the KPI of the Minister Women, Family and Community Development (KPWKM); it was also a KPI of the KSU with 50 clients from the Ministry's target groups. The Jiwa Malaysia Volunteer Outreach Program carried out 10 programs with 1932 volunteers undergoing active hands-on training. The program had exceeded the set target of 69 people from the Ministry's target group.*






**OBJEKTIF PROGRAM OUTREACH SUKARELAWAN JIWA MALAYSIA ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

(i) Memperkasakan sukarelawan menerusi program kemahiran insaniah berasaskan teori dan praktikal;

(ii) Menggalakkan penyertaan sukarelawan dalam kerja-kerja kesukarelawanan menerusi aktiviti 'hands on' dengan membantu golongan sasar yang memerlukan; dan

(iii) Membudayakan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat.

***THE OBJECTIVES OF JIWA MALAYSIA VOLUNTEER OUTREACH PROGRAM IS AS FOLLOWS:***

*I. Empower volunteers through theoretical and practical skills;*

*II. Encourage participation of volunteers through 'hands on' work and activities to assist the target groups in need; and*

*III. To cultivate the spirit of volunteerism among society.*

**PESERTA MENGIKUT JANTINA**

| PESERTA | | |
|---|---|---|
| LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
| 1,230 | 802 | 2,032 |

***PARTICIPANTS ACCORDING TO GENDER***

| PARTICIPANT | | |
|---|---|---|
| MALE | FEMALE | TOTAL |
| 1,230 | 802 | 2,032 |





# INSTITUT PENGUPAYAAN WANITA BAGI NEGARA-NEGARA BERKECUALI NAM (NIEW)
# NAM INSTITUTE FOR THE EMPOWERMENT OF WOMEN (NIEW)

## PENGENALAN NIEW

Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2006 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia.

Sebagai sebuah institusi pembangunan wanita yang pertama bagi NAM, NIEW berhasrat untuk meningkatkan peranan wanita di negara-negara NAM melalui program-program yang dianjurkan untuk mencapai kesaksamaan gender. Wanita berhak untuk memperoleh hak dan perlindungan yang saksama, kebebasan bersuara, kesaksamaan dari segi undang-undang; termasuk hak untuk melibatkan diri dalam bidang politik, sosial dan ekonomi dan hak untuk memperoleh pendidikan. Pengupayaan wanita juga adalah perlu bagi mencapai kemajuan dalam pembangunan dan mengurangkan kemiskinan.

Justeru itu, NIEW memberi fokus kepada aspek latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang-bidang kritikal yang telah dikenal pasti iaitu, Wanita dalam bidang Politik & Ekonomi, Wanita dalam bidang Pendidikan & ICT dan Wanita dalam bidang Kesihatan & Anti-keganasan terhadap Wanita. Kursus dan latihan yang diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Negara-negara Anggota NAM terhadap pelbagai pendekatan dan kaedah untuk menangani permasalahan dan isu-isu wanita khususnya di peringkat antarabangsa.

Institut ini juga menjalankan program-program yang melibatkan kajian dan pembangunan, jalinan rangkaian perhubungan dengan institusi antarabangsa, pembinaan pangkalan data dan pelbagai aktiviti lain yang berupaya menyumbang terhadap proses pengupayaan wanita di Negara-negara Anggota NAM.

Penubuhan NIEW telah menyediakan peluang untuk mengetengahkan agenda pemerkasaan wanita dan kesaksamaan gender di peringkat antarabangsa dan membantu meletakkan Malaysia di barisan hadapan khususnya, sebagai penggerak dalam agenda pembangunan gender di peringkat antarabangsa.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, lebih 50,000 peserta dari 60 buah negara NAM telah mengikuti dan mendapat manfaat daripada pelbagai persidangan, simposium, bengkel dan program yang dianjurkan NIEW.

## *INTRODUCTION TO NIEW*

*The Institute for the Empowerment of Women Members of the Non-Aligned Movement (NIEW) was established on July 1, 2006 under the purview of the Ministry of Women, Family and Community Development, Malaysia.*

*As a pioneer women's development institute under NAM, NIEW aims to enhance the role of women in NAM countries through organized programs to achieve gender equality. Women are entitled to rights and equal protection, freedom of expression, equality of law; including the right to participate in politics, society and economy and access to education. Empowerment of women is critical to achieving progress in nation buildingf and to reduce poverty.*

*NIEW focuses on training and capacity building in critical areas that have been identified, namely, Women in*

*Politics & Economy, Women in Education and ICT and Women in*

*Health & Anti-Violence against Women. The training courses provide exposure to NAM Member Countries on various approaches and methods available to address problems and issues related to women at an international level.*

*The institute also runs programs involving research and development, networking relationships with international institutions, database construction and other activities that contribute to the empowerment of women in NAM Member States.*

*NIEW has provided an opportunity to highlight women's empowerment and gender equality internationally and helped put Malaysia at the forefront in particular, as a driver in gender development.*

*Since its inception in 2006, more than 50,000 participants from 60 countries of NAM have attended and benefited from various conferences, symposia, workshops and programs organized by NIEW.*



## PROGRAM PENGARAH WANITA

Dasar bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah afirmatif oleh Kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, seterusnya membolehkan mereka meningkatkan sumbangan dalam bidang ekonomi.

Justeru, dalam memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat awam tersenarai (public listed companies), NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) sedang melaksanakan Program Pengarah Wanita atau Women Directors' Programme bermula tahun 2012.

Program Pengarah Wanita mengandungi set modul komprehensif yang merangkumi kemahiran teknikal dan soft skills. Sukatan pembelajaran bagi kemahiran teknikal adalah seperti Roles and Responsibilites of Directors Under The Companies Act, Corporate Governance, Financial Language in the Boardroom, Risk Management dan Strategy and Planning; manakala kemahiran soft skills seperti Communication Skills, Networking Skills dan Boardroom Simulation.

Selain itu, satu pangkalan data khusus (registry) calon wanita yang berkelayakan untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah iaitu Sistem Daftar Pengarah Wanita atau Women Directors' Registry telah diwujudkan pada bulan Mac 2012 dan boleh dicapai di alamat www.wcdregistry.com. Daftar ini adalah sumber bagi syarikat awam mendapatkan calon pengarah wanita yang sesuai dan kompeten untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dan sehingga 31 Disember 2014, seramai 1,214 wanita telah berjaya didaftarkan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2012, Program Pengarah Wanita telah berjaya melatih 220 orang tokoh wanita. Pada tahun 2013 pula, seramai 501 orang telah berjaya dilatih dan pada tahun 2014 pula seramai 253 menjadikan jumlah keseluruhannya 974 orang tokoh wanita.

Bagi tempoh Januari 2013 hingga 29 Disember 2014, sebanyak 164 lantikan wanita sebagai ahli lembaga pengarah di dalam Public Listed Companies. Daripada jumlah tersebut, 21 lantikan merupakan daripada registry Program Pengarah Wanita.

Untuk meningkatkan akses Program Pengarah Wanita kepada kumpulan sasaran, NIEW telah melaksanakan beberapa program advokasi dan promosi seperti dialog, forum, dan persidangan dengan ketua-ketua industri, Setiausaha Syarikat serta peserta Program Pengarah Wanita.

## *WOMEN DIRECTORS*

*On June 27, 2011 the Prime Minister announced a policy to ensure a target of at least 30 percent of women at decision-making level in the corporate sector, This is an affirmative step by the Government to increase the number of women decision makers thereby enabling them to increase their economic contribution.*

*To ensure that competent women join the board of directors in public listed companies, NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) has been implementing the Women Directors Program since 2012*

*The Women Directors Program consists of a comprehensive set of modules covering technical and soft skills. Technical skills include Roles and responsibilites of Directors Under the*

*Companies Act, Corporate Governance, Financial Language in the*

*Boardroom, Risk Management and Strategy and Planning; while soft skills include Communication Skills, Networking Skills and Simulation Boardroom.*

*In addition, a specific database (registry) of qualified female candidates for appointment as board members was established in March 2012. The Women's List System or Women Directors' Registry can be viewed at www.wcdregistry.com. This is a list of resources of suitable and competent women candidates for appointment as company board members. Up until December 31, 2014, 1,214 women have successfully registered.*

*Since its introduction in 2012, the Women Directors Program has successfully trained 220 women leaders. In 2013, a total of 501 people have been successful trained and in 2014, there were 253, bringing the total to 974.*

*For the period of January 2013 to December 29, 2014, 164 women were appointed as board members in Public Listed Companies. Of this, 21 were from the Women Directors Program Registry.*

*To improve access to the Women Director Program, NIEW has implemented several programs of advocacy and promotion such as dialogue, forums, and conferences with industry leaders, Company Secretaries, and participants of the Women Director Program.*

- **Konvensyen Pengarah Wanita 2014**

Pada 9 Disember yang lalu, NIEW telah menganjurkan Konvensyen Pengarah Wanita 2014 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Konvensyen ini merupakan platform bagi wanita-wanita yang telah bersedia untuk menjadi lembaga pengarah (board ready) dan syarikat untuk bertemu serta melihat pencapaian inisiatif polisi sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di dalam sektor korporat menjelang 2016 di Malaysia. Konvensyen ini juga merupakan satu tanda kejayaan NIEW dalam mengendalikan latihan Pengarah Wanita untuk 250 pengarah wanita yang berpotensi bagi tahun 2014.

Konvensyen Pengarah Wanita 2014 yang dihadiri oleh lebih 300 orang peserta ini bertemakan 2020 Boards: Leveraging Diversity for Performance. Konvensyen ini menghimpunkan pengerusi, ahli lembaga pengarah, ahli perniagaan dan pemimpin wanita dari pelbagai sektor untuk berkongsi dan membincangkan bagaimana semua pihak yang berkepentingan boleh menyokong dan memperjuangkan agenda sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di dalam sektor korporat menjelang 2016 di Malaysia dan meningkatkan jumlah wanita sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat awam tersenarai (public listed companies).

Konvensyen setengah hari ini dipenuhi dengan agenda-agenda seperti forum bersama ahli panel, perbincangan meja bulat, majlis penyampaian sijil kepada alumni Program Pengarah Wanita 2014, penyampaian hasil perbincangan meja bulat kepada YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Sidang Video bersama Helena Morrisey, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Kelab 30%, UK yang berkongsi mengenai kejayaan UK di mana usaha perniagaan negara yang diterajui bersama dan bersepadu adalah penting untuk peningkatan penempatan Wanita sebagai ahli lembaga pengarah, daripada 12% pada tahun 2010 kepada 22% pada tahun 2014.

- ***Women Directors Convention 2014 Director***

*On 9 December 2014, NIEW organized the Women Directors Convention at Kuala Lumpur Convention Centre. This convention is a platform for women who were ready to be board members.*

*(board ready) and companies to meet and learn about the achievement of initiatives to have at least 30% of women at decision-making level in the corporate sector by 2016 in Malaysia. This convention also reflects the success of NIEW in conducting training for 250 potential women directors in 2014.*

*The Women Directors Convention in 2014, which was attended by over 300 participants was themed 2020: Leveraging Diversity for Performance. The convention brought together chairmen, board directors, businessmen and women leaders from various sectors who shared insights on how all stakeholders could support and champion the government agenda of having at least 30% women in decision making positions in the Corporate sector by 2016 .*

*This half-day convention included a forum with a panel of experts l, presentation of certificates to alumni of Women Directors Program, round table discussions and a video conference with Helena Morrisey,*

*Founder and CEO of Club 30% where the placement of women directors rose from 12% in 2010 to 22% in 2014.*



**PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI**

Sepanjang tahun 2014, NIEW telah menganjurkan pelbagai Program Pembangunan Kapasiti yang disasarkan kepada wanita di Negara-negara Anggota Pergerakan Berkecuali termasuk Malaysia yang terdiri daripada pembuat dasar, ahli akademik, pegawai Kerajaan dan wakil NGO yang membolehkan mereka menganjurkan program yang sama di negara masing-masing.
Menerusi program latihan dan kursus strategiknya, NIEW berhasrat untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan gender, menyokong kerajaan dalam usaha mengukuhkan hak wanita untuk mendapatkan kesaksamaan dan pengupayaan dan memupuk kesedaran global yang diperlukan dalam usaha untuk menukar persepsi sosial berkenaan peranan dan hubungan gender.
Program Pembangunan Kapasiti yang telah dijalankan oleh NIEW sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut;

- **Kursus 'Education Business In Diversified Culture: A Lean Startup Approach'**

Para pakar dalam bidang keusahawanan telah merumuskan bahawa terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh usahawan wanita di seluruh pelusuk dunia pada masa kini. Lima cabaran tersebut adalah aliran tunai, bidang atau 'niche' yang tidak dapat dikenalpasti, tidak mempunyai pemahaman mengenai kuasa pemasaran, tiada pelan media sosial dan tiada pelan strategik dalam perniagaan.

Dalam usaha untuk menangani cabaran-cabaran tersebut, NIEW, telah menganjurkan kursus 'Education Business in Diversified Culture: A Lean Startup Approach' bertempat di Putrajaya dari 28 April - 2 Mei 2014 dengan memberikan penekanan kepada perniagaan dalam sektor pendidikan yang merupakan bidang yang amat sesuai untuk diceburi oleh usahawan wanita.

Kursus selama lima hari ini direka khas untuk usahawan wanita dengan objektif untuk menyediakan, meningkatkan dan mengukuhkan kemahiran usahawan wanita dalam perniagaan dan perniagaan itu sendiri. Seramai 17 peserta daripada 7 buah Negara NAM telah menyertai kursus ini.

***CAPACITY DEVELOPMENT PROGRAM***

*NIEW organized various capacity development programs throughout 2014 targeted at women in NAM comprising policy makers, academics, government officials and NGO representatives. These programs have enabled them to organize similar programs in their respective countries. Through such training programs NIEW intends to increase knowledge related to gender to support the government in its efforts in strengthening the rights of women to gain equality and empowerment and foster global awareness that is needed in order to change the perception of social roles and gender relations. Capacity Development Programs conducted by NIEW in 2014 is as follows;*

- ***Education Business In Diversified Culture: A Lean Startup Approach'***

*Experts in the field of entrepreneurship concluded that some of the challenges faced by women entrepreneurs around the world at the present time are cash flow, field or 'niche' that has yet to identified, lack of understanding of the marketing authorization, no social media plan and no strategic business plan.*

*In order to address these challenges, NIEW organized 'Education Business in Diversified Culture: A Lean Startup approach' set in Putrajaya from 28 April to 2 May 2014, with emphasis on businesses in the education sector which is suitable for women entrepreneurs.*

*The five-day course is designed specifically for women entrepreneurs with the objective of providing, improving and strengthening the skills of women entrepreneurs in business and the business itself. A total of 17 participants from 7 countries NAM participated in these courses.*

- **Kursus 'Women in Leadership – Change your Inner Talk, you can Change your Results'**

Kursus yang dijalankan pada 9 hingga 13 Jun 2014 di Hotel Furama Bukit Bintang, Kuala Lumpur ini telah dihadiri oleh 27 peserta daripada 10 Negara NAM iaitu Indonesia, Malaysia, Cambodia, Jordan, Kenya, Maldives, Oman, Tanzania, Thailand dan Emiriah Arab Bersatu.

Kursus 5 hari ini menyediakan program bagi menangani perubahan pemikiran holistik – dari segi mental, fizikal, emosi dan rohani melalui pemupukan tabiat harian dipanggil "QX Habits" untuk memandu tingkah laku baru yang positif dan keputusan dari minda bawah sedar yang memberi kekuatan dan menunjukkan hasil yang kekal. Peserta akan dilengkapi dengan peralatan yang betul seperti vision boards, vision movies dan teknik visualisasi untuk menanam sifat kecemerlangan peribadi yang positif dan keusahawanan dalam kehidupan seharian.

- **Kursus 'Women & Entrepreneur: Young Graduates Entrepreneurship'**

Kursus ini diadakan dengan usaha sama antara NIEW dan Yayasan Forum Ekonomi Dunia Islam (WIEF), dengan tujuan untuk menawarkan latihan amali untuk membantu graduan muda untuk mempunyai idea yang lebih baik untuk menceburi industri perniagaan dan keusahawanan di masa akan datang.

Kursus ini adalah untuk mendidik para peserta tentang cara untuk memahami pembangunan dalam ekonomi negara dan global serta bagi membolehkan mereka mengenal pasti peluang-peluang besar yang akan mereka dapat dalam industri perniagaan dan keusahawanan.

Bertempat di Hotel Promenade, Sabah, kursus yang diadakan pada 11 hingga 15 Ogos 2014 ini telah dihadiri oleh 29 peserta daripada 4 buah Negara NAM yang terdiri daripada pegawai kerajaan, pembuat keputusan, dan wakil daripada badan bukan kerajaan (NGOs).

- ***'Women in Leadership - Change Your Inner Talk, You Can Change Your Results'***

*Classes ran from 9 to 13 June 2014 and was attended by 27 participants from 10 countries of NAM- Indonesia, Malaysia, Cambodia, Jordan, Kenya, Maldives, Oman, Tanzania, Thailand and the United Arab Emirates.*

*This 5-day course addressed changes in holistic thinking - mentally, physically, emotionally and spiritually through daily habits fertilization called "QX Habits" which guides new behavior and strengthens the subconscious mind for positive results. Participants are equipped with the right tools such as vision boards, vision movies and visualization techniques to cultivate personal excellence and entrepreneurship in their daily lives.*

- ***'Women & Entrepreneur: Young Graduates Entrepreneurship'***

*The course was a joint venture between NIEW and Economic Forum Foundation Muslim World (WIEF), with the aim of offering practical training to help young graduates have a better idea about business and entrepreneurship in the future.*

*This course educated participants on how to understand developments in the global economy and also enabled them to identify business and entrepreneurial opportunities.*

*The course was held in Sabah from 11 to 15 August 2014 and was attended by 29 participants from government officials, policy makers, and representatives of NGOs from four NAM countries.*



- **Kursus 'Ensuring Gender Mainstreaming and Eliminating Gender Based Violence'**

Dianjurkan oleh NIEW pada 8 hingga 12 September 2014 di Hotel Pullman Putrajaya Lakeside, Putrajaya, program ini telah direka khusus untuk meningkatkan pemahaman peserta mengenai pendekatan dan strategi dalam mengintegrasi isu gender. Ia juga dapat membantu dan menyediakan platform kepada peserta dalam melengkapkan diri mereka sebagai focal person dan isu gender dan anti-keganasan terhadap wanita di negara atau organisasi masing-masing.

Dihadiri oleh seramai 20 peserta dari 8 buah Negara NAM termasuk Malaysia, kursus ini telah disampaikan melalui ceramah, perbincangan, perundingan, aktiviti berkumpulan dan lawatan sambil belajar ke Child Interview Center (CIC), Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya, kursus ini memberikan para peserta peluang untuk menimba pengetahuan dan dapat berkongsi pengalaman yang diperolehi melalui kursus tersebut dengan rakan sekerja di negara mereka masing-masing. Kursus ini juga diharapkan dapat menjadi satu platform untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh negara-negara anggota NAM yang lain.

**PROGRAM PEMERKASAAN WANITA DAN PEMBANGUNAN GENDER**

Selain daripada Program Pembangunan Kapasiti, NIEW juga telah berjaya mengendalikan pelbagai jenis forum, bengkel, persidangan, pameran, program-program khas dan juga program melatih jurulatih (TOT) khusus untuk memperkasakan wanita dan pembangunan isu gender. Antara program-program yang dijalankan adalah seperti;

- ***"Ensuring Gender Mainstreaming and Eliminating Gender Based Violence '***

*Organized by NIEW on 8 to 12 September 2014, this program was designed to improve participants' understanding on the approach and strategy to integrate gender issues. It also provided a platform for the participants to prepare themselves to be the focal person on he issue of gender and anti-violence against women in their respective countries or organizations.*

*This course was delivered through lectures, discussions, consultations, activities groups and study visits to the Child Interview Center in Kuala Lumpur.*

*Overall, this course provided participants with the opportunity to gain and share knowledge and experience on best practices that have been implemented by member states of NAM.*

***PROGRAM ON WOMEN EMPOWERMENT AND GENDER DEVELOPMENT***

*In addition to the Capacity Development Program, NIEW handled various other forums, workshops, conferences, exhibitions, programs and also Train the Trainers (TOT) programs for topics on women empowerment and gender development Among the programs conducted are;*

- ***Gender Debate 2014***

*For the fourth year, the International Islamic University Malaysia (IIUM) won both categories in Bahasa Melayu and English which involved the participation of 102 teams representing 36 public and private higher learning institutions throughout the country. They won The Great Gender Debate, Cup, RM3,500 and a certificate of participation for each category.*

- **Debat Perdana Gender 2014**

Bagi tahun keempat penganjurannya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah berjaya memenangi kedua-dua kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang melibatkan penyertaan daripada 102 pasukan debat mewakili 36 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) seluruh negara dan membawa pulang Piala Pusingan The Great Gender Debate, Piala Iringan beserta wang tunai RM3,500 dan sijil penyertaan bagi setiap kategori.

Pertandingan yang telah diadakan bermula 10 hingga 13 Oktober 2014 ini merupakan pertandingan debat antara Institusi Pengajian Tinggi anjuran Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM).

Pertandingan debat bertemakan isu-isu wanita dan gender seumpama ini adalah yang pertama di peringkat institusi pengajian tinggi Malaysia. Mula diperkenalkan pada tahun 2011, ia bermatlamat untuk mengasah kemahiran insaniah mahasiswa terutamanya, selain dari salah-satu usaha untuk mengetengahkan isu-isu wanita dan gender sebagai satu isu yang perlu diambil serius dan dibincangkan secara intelek oleh golongan belia dan masyarakat umum.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah dan dif-dif kehormat yang lain.

Penganjuran Debat Perdana Gender ini merupakan medan kepada mahasiswa untuk mengupas dan membincangkan isu-isu gender di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Ini selaras dengan aspirasi kerajaan dalam usaha melahirkan generasi pemimpin masa hadapan yang berwibawa dan berpengetahuan luas dalam isu-isu berkaitan gender di Malaysia dan juga di arena antarabangsa.

- ***Gender Debate 2014***

*The debate was held from 10 to 13 October 2014 and is organized by the Institute for the Empowerment Women for Members of Non-Aligned Movement (NIEW) in collaboration with Universiti Putra Malaysia (UPM) and the Council of Debating Universities Malaysia*

*The theme of the debate was women and gender issues and is the first of its kind in institutions of higher learning in Malaysia. First introduced in 2011, it aims to sharpen students' soft skills in particular, apart from it being a way to highlight the need for serious discussions on women and gender issues.*

*The closing ceremony and prize presentation was officiated by Hon. Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family and Society.*

*The gender debate provided a platform for studens to analyze and discuss gender issues at the higher education institutions. This is in line with the government's aspiration to produce future leaders who are competent and knowledgeable in gender-related issues in Malaysia and also in the international arena.*



- **Kursus Gender Intelligent Leadership Siri 1**

Kursus Gender Intelligence Leadership Siri 1 ini telah diadakan bermula dari 26 hingga 28 Oktober 2014 dan bertempat di Four Points by Sheraton Langkawi Resort, Kedah. Ianya merupakan kursus di mana pakar gender bertaraf antarabangsa akan menyampaikan pengetahuan dan berkongsi kepakaran berkenaan isu-isu gender serta memberi kesedaran semasa kepada pegawai-pegawai kumpulan pengurusan dan profesional dari kementerian dan jabatan/agensi di bawahnya dengan memberi fokus kepada isu kecerdasan gender dalam aspek kepimpinan.

Dirasmikan oleh Yang Berusaha Puan Normalia Ibrahim, Pengarah NIEW, program yang julung-julung kali diadakan ini akan meneroka inisiatif baru untuk menguruskan cabaran gender di tempat kerja. Selain itu, latihan ini berupaya membawa perspektif baru kepada gaya kepimpinan dan beralih persepsi tentang 'jenis kepimpinan' serta kaedah yang praktikal untuk menjadi pemimpin yang terbaik.

Seorang pakar gender bertaraf antarabangsa iaitu Dr. Pauline T Crawford telah dijemput untuk mengendalikan kursus ini. Beliau merupakan Presiden the World Association of Visioneers & Entreprenologists dan juga merupakan Director of International University of Entreprenology (IUE).

- **Program Nilai U-NIEW Future Leaders Camp 2014**

NIEW dengan kerjasama Universiti Nilai telah menganjurkan Nilai U-NIEW Future Leaders Camp dari 15 hingga 17 Oktober 2014 di Nilai Springs, Resort, Putra Nilai, Negeri Sembilan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran dan kesaksamaan gender di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memupuk kesedaran gender kepada pelajar-pelajar universiti, terutamanya mengenai isu-isu berkaitan gender dalam perspektif belia sebagai pemimpin masa depan.

Kursus ini telah dihadiri oleh 102 peserta yang terdiri daripada pelajar kolej dan universiti dari 16 negara di Malaysia, Ghana, Yemen, Sri Lanka, Zambia, China, Pakistan, Vietnam, Kenya, Indonesia, Bangladesh, Iran, Zimbabwe, Uganda, Fiji & Nepal. Terdapat 54 perempuan dan 48 peserta lelaki yang telah mengambil kepentingan menyertai kursus ini. Ini merupakan petunjuk yang positif bahawa kementerian telah berada di landasan yang betul dalam usaha pemerkasaan gender.

Melalui kursus ini, para peserta telah mendapat ilmu pengetahuan dan dapat berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan mereka di negara-negara masing-masing. Kursus ini juga dianggap sebagai satu platform yang besar untuk memberi inspirasi kepada beberapa peserta untuk bercita-cita untuk menjadi pemimpin yang sensitive tergadap isu gender pada masa akan datang.

- ***Gender Intelligent Leadership Course Series 1***

*Gender Intelligence Leadership Course 1 Series was held from 26 until 28 October 2014. It is a course where international gender experts share their knowledge and expertise on issues related to gender as well as raise awareness to the management team and professionals from ministries and departments / agencies on gender-related concerns in terms of leadership.*

*Officiated by Mrs. Normalia Ibrahim, Director NIEW, this program explored new initiatives to manage gender-related challenges of in the workplace. New leadership style were also discussed.*

*Dr. Pauline T Crawford. President of the World Association of Visioneers & Entreprenologists and also the Director of International University of Entreprenology (IUE), an international gender expert conducted the course.*

- ***The U-NIEW Program Future Leaders Camp 2014***

*NIEW in collaboration with the University organized a U-Value of Future NIEW Camp Leaders from 15 to 17 October.*

*The purpose of this program is to create awareness and gender equality at institutions of higher education . This is in line with the government's intention to promote gender awareness to students at universities, especially on gender-related issues in the perspective of youth as future leaders.*

*The course was attended by 102 participants (54 female and 48 male participants) from colleges and students universities from 16 countries - Malaysia, Ghana, Yemen, Sri Lanka, Zambia, China, Pakistan, Vietnam, Kenya, Indonesia, Bangladesh, Iran, Zimbabwe, Uganda, Fiji and Nepal. This is a positive indication that the ministry his on the right track on gender empowerment.*

*share experiences with their counterparts in those countries respectively. The course is also regarded as a great platform to inspire participants to be leaders whof are sensitive of gender issues.*

- **Kursus Gender Intelligent Leadership Siri 2**

Dianjurkan oleh NIEW pada 25 hingga 27 November 2014 di Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan, kursus Gender Intelligence Leadership Series 2 ini telah diadakan untuk kali kedua khusus untuk pegawai-pegawai yang baru melapor diri di kementerian dan jabatan/agensi di bawahnya yang belum menghadiri latihan berkaitan gender.

Sama seperti kursus siri 1, pakar gender bertaraf antarabangsa Dr. Pauline T Crawford dari the World Association of Visioneers & Entreprenologists dan International University of Entreprenology (IUE) telah dijemput sekali lagi untuk menyampaikan pengetahuan dan berkongsi kepakaran berkenaan isu-isu gender serta memberi kesedaran semasa kepada pegawai-pegawai dengan memberi fokus kepada isu kecerdasan gender dalam aspek kepimpinan dalam kursus selama tiga (3) hari ini.

Kursus ini direka dengan lebih interaktif melalui perkongsian pengalaman tenaga pakar mengenai isu-isu semasa. Selain itu, kursus ini juga memberi pendedahan mengenai cara berkomunikasi yang berkesan, selain membina hubungan dan komuniti kerja yang sihat dalam membuat sesuatu membuat keputusan.

**PENCAPAIAN NIEW SEPANJANG 2014**

Walaupun diwarnai dengan pelbagai peristiwa pada tahun 2014, NIEW berjaya melakar pelbagai pencapaian dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak jabatan dan Kementerian.

Penyertaan NIEW dalam pertandingan kempen penjimatan tenaga 2014 anjuran Kementerian telah membuahkan hasil apabila berjaya menggondol tempat ketiga bagi kategori penglibatan paling aktif sekaligus melayakkan NIEW untuk memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM 500.00.

Pada tahun 2014 juga, NIEW telah diberi "Anugerah Cemerlang'" dari MDEC atas pencapaian penarafan 5 bintang dalam Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013.

Sempena program sambutan hari raya peringkat Kementerian pada Ogos 2014, NIEW telah berjaya memenangi kategori 'gerai paling meriah' yang telah dianjurkan semasa program berlangsung.

Satu lagi kejayaan NIEW pada 2014 ialah melalui Pertandingan Nostalgia Jalan Ampas sempena Majlis Malam Apresiasi KPWKM 2014, di mana NIEW telah diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga dengan membawa pulang sebuah trofi dan hamper makanan.

- *Gender Intelligent Leadership Course Series 2*

*Organized by NIEW on 25 to 27 November 2014, Gender Intelligence Leadership Series 2 was held specifically for newly hired officers who had not attended any training on gender issues.*

*Just like the first series of courses, international gender expert Dr. Pauline T Crawford of the World Association of Visioneers & Entreprenologists and International University of Entreprenology (IUE) was invited once again to share her knowledge and expertise on issues related to gender.*

*This course was more interactive through discussions on current issues. In addition, this course also highlighteded the need for effective communication, and teamwork.*

***NIEW ACHIEVEMENTS DURING 2014***

*NIEW successful recorded many achievements in carrying out the activities of organized by the department and the Ministry.*

*NIEW won third place and cash prize of RM 500.00 in an energy saving campaign.*

*NIEW was presented with an Excellence Award by MDEC for receiving a 5-star rating in the Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013.*

*At the ministry's Hari Raya celebrations in August 2014, NIEW won the category of 'most lively outlet'.*

*NIEW won third place, taking home a trophy and food hamper at the Nostalgia Competition at the ministry's Appreciation Night.*



## YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA (YKN) *NATIONAL WELFARE FOUNDATION (YKN)*

**PENGENALAN**

Yayasan Kebajikan Negara (YKN) merupakan sebuah tabung kebajikan yang ditadbirkan oleh Lembaga Pemegang Amanah dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi.

YKN diperbadankan pada 5hb Disember 1981 berdasarkan kelulusan Y.A.B Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Ia telah dilancarkan oleh D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG VII pada 6hb April 1982. Pentadbiran YKN dikawalselia oleh Suratikatan Amanah bertarikh 18 Jun 1981.

**VISI**

Membantu usaha kerajaan membangunkan anggota masyarakat khususnya golongan yang berkeperluan berteraskan modaliti penjanaan modal insan.

**MISI**

Menjalin perkongsian bijak dengan pelbagai sektor ke arah memajukan taraf hidup dan keselesaan golongan yang memerlukan.

***INTRODUCTION***

*The National Welfare Foundation (NWF) is a welfare fund administered by a Board of Trustees; its Chairman is the Minister of Women, Family and Community Development.*

*NWF was incorporated on 5th December 1981 based on the approval of the Prime Minister under Trustees (Incorporation) Act 1952. It was launched by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong the VII on 6th April 1982. The administration of NWF is regulated under the Trust Deed of 18th June 1981.*

***VISION***

*Complementing government's efforts in developing members of society especially those in need of assistance based on holistic human capital development and modalities.*

***MISSION***

*Fostering smart partnership with various sectors towards improving the quality and comfort of life of those who are in need of assistance.*



## OBJEKTIF

Memajukan kebajikan dan pembangunan rakyat Malaysia khususnya dalam kebajikan kanak-kanak dan keluarga. Untuk mencapai tujuan tersebut Yayasan Kebajikan Negara telah menggariskan beberapa objektifnya seperti yang berikut :

- Membantu meningkatkan taraf hidup mereka yang memerlukan pertolongan melalui peruntukan kewangan dan pelbagai perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan.
- Menggalakkan serta memberikan penekanan khusus di dalam usaha memupuk perkhidmatan kebajikan keluarga dan kanak-kanak.
- Menggalak serta membantu perkembangan pertubuhan kebajikan sukarela yang berusaha meningkatkan kualiti rakyat Malaysia dan mempunyai tujuan sehaluan dengan tujuan YKN.
- Menyebarkan maklumat dalam bidang kebajikan masyarakat.
- Menganjurkan kehadiran peserta-peserta ke seminar, persidangan dan bengkel-bengkel yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat.
- Menggalak serta menganjurkan penyelidikan dalam bidang kerja-kerja kemasyarakatan.

## *OBJECTIVE*

*To advance the welfare and developments of Malaysians particularly the welfare of children and families. To achieve this, the NWF has outlined the following objectives :*

- *To assist in the improvement of the standard of living of the needy through the provision of financial aid and various welfare, health and education services.*
- *To encourage and provide special emphasis on the effort to nurture the family and children's welfare services.*
- *To encourage and assist the growth of voluntary welfare organizations which seek to improve the quality of life of Malaysians and sharing similar objectives with the National Welfare Foundation (NWF)*
- *To disseminate information in the field of social welfare.*
- *To sponsor the attendance of participants to seminars, conferences and workshops pertaining to social welfare.*
- *To promote and sponsor research in the field of social welfare services.*



## ANJUNG SINGGAH YKN

Anjung Singgah YKN adalah Pusat Khidmat Sosial Bagi Menangani Isu Gelandangan ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM). Dalam proses intervensi ini, golongan gelandangan akan diberi tempoh 1 hingga 2 minggu dalam usaha membantu mereka berdikari dan mencari pekerjaan serta mendapatkan tempat penginapan yang sesuai.

Pusat Sehenti ini ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang bertindak sebagai "auxiliary" kepada kerajaan di bawah KPWKM. Dalam menangani masalah gelandangan, YKN mendapat kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan seperti agensi-agensi kerajaan, penguatkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain.

## *ANJUNG SINGGAH YKN*

*Anjung Singgah YKN is a social service center that addresses issues of the homeless established by the Ministry of Women, Family and Community Development. Here, the homeless will be given 1 to 2 weeks in an effort to help them become independent, find jobs and obtain suitable accommodation.*

*The One-Stop Center is administered by the National Welfare Foundation (YKN) acting as "auxiliary" to the government under the ministry. In addressing the problem of the homeless, YKN has obtained the cooperation of various parties, such as government agencies, local authorities, non-governmental organizations.*






YB Datin Paduka Chew Mei Fun , Timbalan Menteri KPWKM telah membuat lawatan kerja ke Projek Anjung Singgah YKN Kuala Lumpur dan Anjung Singgah Johor. Hadir sama pada lawatan tersebut YBhg Dato' Rafek Reshidullah, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan YBhg Hj. Zulkiply Ramli, Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan individu yang terlibat secara lansung dengan Anjung Singgah YKN"

*YB Datin Paduka Chew Mei Fun, Deputy Minister of the ministry made a working visit to Project Anjung YKN in Kuala Lumpur and Johor. Also present at the visit were Dato 'Rafek Reshidullah, Chief Executive Officer and Director Hj YKN. Zulkiply Ramli, deputy director of the Social Welfare Department (SWD) and government agencies, non-governmental organizations and individuals involved directly with Anjung Stop YKN*

 


**STATISTIK GELANDANGAN YANG TELAH BERDAFTAR DI ANJUNG SINGGAH YKN SEHINGGA DISEMBER 2014**
***STATISTICS OF HOMELESS PEOPLE REGISTERED WITH ANJUNG SINGGAH YKN UNTIL DECEMBER 2014***

| PROJEK/ PROJECT | MULA OPERASI<br>START OPERATIONS | KAPASITI<br>CAPACITY | PENERIMA MANFAAT<br>RECIPIENTS OF BENEFITS |
|---|---|---|---|
| ANJUNG SINGGAH YKN KUALA LUMPUR | 9 APRIL 2011 | 76 KATIL/ BED | 1,373 ORANG/ PEOPLES |
| ANJUNG SINGGAH YKN KUCHING | 15 OKT 2012 | 42 KATIL/ BED | 319 ORANG/ PEOPLES |
| ANJUNG SINGGAH YKN JOHOR BHARU | 9 JUN 2013 | 94 KATIL/ BED | 479 ORANG/ PEOPLES |
| ANJUNG SINGGAH YKN PULAU PINANG | 9 JUN 2014 | 40 KATIL/ BED | 70 ORANG/ PEOPLES |
| **JUMLAH/ TOTAL** | | | **2,241 ORANG/ PEOPLES** |

KPWKM
*Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
No.55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya.
Malaysia.
TEL : 03 -8323 1000
Fax : 03 - 8323 2000

www.kpwkm.gov.my
twitter.com/kpwkm
www.facebook.com/kpwkm
instagram.com/kpwkm